

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 15)
USUL-USUL:	
Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri - <i>Mengecam Serangan Amerika Ke Atas Iraq</i>	(Halaman 16)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 39)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]</i>	(Halaman 53)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
“	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
“	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, DGPN., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tajah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B. (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)

Yang Berhormat	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)

Yang Berhormat	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A. (Sepang)
"	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A. (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN**DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Zaiton binti Yaacob

Abd. Talip bin Hasim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Syed Azuddin bin Syed Othman

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Habibunisah Mohd. Azir

Chong Lai Peng

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN**MESIN CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

Mohamed Shahrizan bin Sarif

JURUBAHASA SERENTAK

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN**KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN**PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein

Azmi bin Othman

Zafniza binti Zakaria

Mohd. Sidek bin Mohd. Sani

Mazlina binti Ali

Norlaila binti Abdullah Sidi

Ropiah binti Tambi

Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 24 Mac 2003

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sejauh manakah kejayaan pihak kementerian dalam memastikan pihak pengurusan hotel-hotel di negara ini yang memperkenalkan harga pakej berjaya menarik kedatangan para pelancong asing dan tempatan ke negara ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, kadar harga pakej penginapan yang ditawarkan oleh pihak pengurusan hotel di Malaysia tidak dikawal oleh kerajaan. Bagaimanapun Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sentiasa menggalakkan pihak pengurusan hotel-hotel di Malaysia menawarkan kadar harga pakej yang bersesuaian dengan kemampuan para pelancong sama ada asing ataupun tempatan.

Biasanya pihak pengurusan memperkenalkan empat kadar harga iaitu *corporate/packages rates, government rates, walk-in rates* dan *rack/published rates*. Kadar harga ini ditentukan oleh pengurusan hotel berasaskan taraf sesebuah hotel sama ada satu hingga lima bintang ataupun satu hingga tiga orkid melalui pelaksanaan sistem pengelasan hotel yang telah pun diperkenalkan oleh kementerian ini sejak tahun 1996.

Kementerian ini sepanjang masa menggesa melalui mesyuarat dan dialog yang diadakan dari masa ke semasa supaya pihak pengurusan hotel melalui syarikat-syarikat pelancongan memasarkan kemudahan penginapan hotel masing-masing dengan menawarkan secara pakej meliputi penginapan, makan minum dan lawatan ke destinasi pelancong yang menarik di seluruh Malaysia.

Kementerian ini berpendapat harga pakej penginapan yang ditawarkan oleh pihak hotel serta syarikat pengendalian pelancong telah berjaya menarik pelancong-pelancong asing dan tempatan untuk menginap di hotel-hotel. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pihak Persatuan Pemilik-pemilik Hotel Malaysia (*Malaysian Association of Hotel Owners*) kadar harga penginapan yang ditawarkan adalah lebih rendah berbanding dengan kadar harga hotel yang ditawarkan oleh negara-negara jiran.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, tahniah kepada Perdana Menteri di atas kejayaan Formula One semalam yang dihadiri oleh 100,000 orang termasuk pelancong-pelancong dari Eropah. Bermakna negara kita ini selamat dan bukannya negara pengganas. Tahniah juga kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang telah mengadakan pelbagai usaha promosi untuk menarik pelancong. Begitu pun, apakah kerajaan boleh memikirkan supaya diadakan satu kadar minimum ke atas harga-harga bilik hotel semua kelas bagi mengelakkan supaya tidak ada eksploitasi di antara hotel-hotel bertaraf bintang dan dengan demikian akan dapat menjadikan Malaysia sebagai destinasi baru pelancong yang selamat sejak perang Amerika-Iraq. Terima kasih.

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya perlu menyatakan sekali lagi bahawa salah satu dasar pokok yang telah pun dipilih oleh kerajaan kita semasa kita mencapai kemerdekaan adalah dasar perdagangan bebas (*free enterprise system, open market economy*). Bermakna harga dan sebagainya adalah

ditentukan oleh pasaran, oleh *market forces*. Namun demikian, kadang-kadang kalau kita biar *market forces* menentukan segala-galanya ia juga akan membawa kepada keadaan-keadaan yang tidak adil kepada rakyat, maka oleh sebab itulah kerajaan telah menubuhkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna iaitu kerajaan mengadakan pelbagai aturan peraturan dan undang-undang untuk menjaga kepentingan orang ramai (*consumers*). Di samping itu, kerajaan mengajar rakyat supaya pandai-pandailah menjaga kepentingan mereka sendiri.

Jadi, oleh sebab itu, kerajaan masih tidak mahu untuk menetapkan dan menentukan kadar atau *rate* yang ditawarkan oleh hotel-hotel. Namun demikian, oleh sebab persaingan dalam pasaran, sedikit sebanyak ianya telah pun meningkatkan kecekapan pengurusan, meningkatkan mutu kualiti hotel-hotel kerana mereka terpaksa bersaing untuk mendapat pulangan yang lebih baik kepada hotel-hotel mereka.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri. Apakah usaha kementerian untuk membantu hotel-hotel sederhana atau *budget* hotel mendapat faedah dari kehadiran pelancong asing kerana kebanyakan mereka lebih gemar tinggal di hotel-hotel lima bintang atau empat bintang?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa kita perlu menjaga kepentingan hotel-hotel kita yang kecil. Jadi, oleh sebab itu, dengan inisiatif kementerian sendiri kita telah pun berjaya menubuhkan Persatuan Budget Hotels iaitu dengan kita sendiri selepas berbincang dengan mereka, mengadakan satu undang-undang tubuh yang sesuai. Tujuannya adalah untuk menjaga kepentingan hotel-hotel yang kecil ini iaitu dua bintang ke bawah.

Sekarang persatuan itu telah pun ditubuh dan kita telah pun mengadakan pelbagai mesyuarat. Kerajaan telah pun tubuh satu tabung khas pelancongan khususnya untuk membantu hotel-hotel yang kecil ini untuk meningkatkan keadaan mereka dan kita juga akan membantu memasarkan mereka. Misalnya, dalam program-program pelancongan domestik dan juga program pelancongan pelajar, ini kita banyak kaitkan dengan hotel-hotel dua bintang ke bawah.

2. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan kerajaan dalam memastikan penjual ubat-ubatan tanpa preskripsi di kaunter pusat membeli-belah dan kedai-kedai tidak akan memberi implikasi buruk kepada pesakit.

Setiasaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat pada 31 Mac 2003 mengenai isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan S.G. Sothinathan: Kementerian mempunyai garis panduan dan kriteria tertentu untuk sesuatu ubat diklasifikasikan sebagai bukan racun iaitu ubat-ubat yang boleh diperolehi tanpa melalui doktor atau ahli farmasi. Contohnya ialah ubat untuk melegakan sakit ringan seperti paracetamol dan aspirin.

Sesuatu produk termasuk ubat tanpa preskripsi iaitu OTC dan tradisional perlu didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Keluaran yang dinilai selamat, berkesan dan berkualiti sahaja akan didaftarkan. Produk juga perlu dilabel dan disertakan dengan sisip bungkusan yang mengandungi arahan penggunaan dan amaran jika untuk keselamatan orang ramai.

Unit penguat kuasa farmasi sentiasa menjalankan pemeriksaan terhadap premis-premis yang menjual ubat-ubat untuk memastikan hanya produk yang berdaftar dijual di premis tersebut. Pemeriksaan mengejut atau serbuan juga dilakukan bagi tujuan ini.

Kementerian juga ada program kawalan mutu keluaran di pasaran bagi memastikan kualiti ubat-ubat berdaftar. Pada tahun 2001 sebanyak 1,487 sampel telah diambil dan 100 keluaran telah dipanggil balik kerana tidak menepati mutu. Pada tahun

2002 dari 1,201 sampel yang diambil, 154 keluaran telah dipanggil balik dari pasaran. Pemeriksaan juga dijalankan untuk memastikan pematuhan pelabelan. Pada tahun 2001 sebanyak 1,097 dan tahun 2002 sebanyak 1,269 keluaran telah diperiksa untuk pematuhan pelabelan dan sisip bungkus. 161 amaran telah dikeluarkan pada tahun 2001 dan 391 amaran dikeluarkan pada tahun 2002. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan yang telah diberikan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi kita dapati banyak juga kes berkenaan dengan kualiti ubat-ubat ini. Kita dapati dalam masa *habit* Malaysian, mereka suka menjadi doktor sendiri ataupun 'singseh' sendiri, kalau mereka sakit dan sebagainya mereka akan cuba diagnosis sendiri dan pergi beli ubat dari kaunter-kaunter sedemikian.

Jadi, kita dapati tanpa preskripsi doktor pun di kaunter-kaunter itu mereka boleh mendapatkan ubat-ubat sedemikian. Jadi, kita tidak tahu bahawa betapa besar masalah ini pada masa-masa yang akan datang. Jadi, saya hendak tanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang kementerian boleh mengambil untuk memastikan bahawa masalah ini dapat dikurangkan. Adakah kementerian mempunyai cadangan untuk memberi pendidikan kepada orang ramai supaya mereka kalau tidak sihat mesti berjumpa doktor dan tidak mendapat sesenangnya daripada kaunter-kaunter ubat. Sekian, terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Padang Serai, satu cadangan yang baik. Tetapi untuk memastikan bahawa ianya adalah selamat, sebenarnya ubat-ubat ini dibahagikan kepada tiga kategori. Pertama, ialah ubat-ubat yang dijual di semua farmasi adalah satu ubat *over the counter* di mana saya menyatakan tadi paracetamol dan aspirin adalah sejenis ubat yang biasa boleh terdapat di mana-mana kedai.

Kedua ialah ubat-ubat preskripsi yang harus diedarkan atau yang harus dibeli melalui seorang farmasi yang bertauliah. Dan ketiga ialah cuma boleh dibeli dengan preskripsi seorang doktor. Ada tiga jenis kategori ubat-ubatan. Jadi, ini adalah di antara langkah-langkah yang kita adakan dan mengawal farmasi-farmasi ataupun kedai-kedai ubat yang menjual ubat supaya orang ramai dapat diberitahu sama ada satu produk atau ubat-ubat itu selamat atau tidak. Tetapi seperti mana Yang Berhormat katakan tadi eloklah jangan kita jadi doktor sendiri. Kalau kita jatuh sakit, pergilah kepada *facilities* kerajaan yang kita ada, dan kalau kita mampu boleh juga pergi kepada kemudahan-kemudahan pihak swasta.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan berbangkit adalah memang ramai di kalangan pengguna yang pergi ke farmasi ini tidak mengambil sebarang preskripsi daripada pihak doktor ataupun *pharmacists* tetapi mereka ini mengambil satu langkah melihat sendiri kandungan ubat-ubat tersebut pada botol atau pada *packaging*nya.

Jadi, masalah berbangkit ialah ada farmasi yang menawarkan harga istimewa bagi keluaran ubat mereka ataupun vitamin-vitamin yang mereka jual ditawarkan dengan harga istimewa. Di sebalik tawaran itu mereka *package*kan bersama dengan produk lain. Misalnya bulan lepas, saya pergi ke farmasi, satu produk vitamin *Appeton* yang dipakejkan bersama dengan *pencil case* ataupun kotak pensel untuk kanak-kanak.

Jadi, pakej tersebut telah ditampalkan menutup bahagian kandungan ubat, kandungan vitamin. Ini menyebabkan pengguna tertipu ataupun tidak mendapat keterangan yang tepat hanya percaya kepada pihak penjual.

Jadi, saya hendak bertanya, adakah pihak kementerian ataupun pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bekerjasama dalam memantau dan memastikan perkara-perkara ini tidak berlaku kerana kita syak akan berlaku penipuan dan sebaliknya. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa memantau tentang beberapa premis-premis yang menjual ubat ini. Jadi, macam apa yang dikatakan tadi itu, sememang ini bukan ubat-ubat preskripsi, ini adalah *food supplement* yang dijual. Jadi, sepatutnya mereka tidak boleh menutup label yang ada pada produk

yang tersebut. Jadi, ini adalah di antara perkara-perkara yang kita selalu memantau. Apabila kita dapat tahu bahawa mereka cuba menutup label, memang itu adalah suatu kesalahan dan perkara ini memang kita terus mengambil tindakan, seperti yang saya katakan tadi, beberapa tindakan yang telah kita ambil dan serbuan ini adalah satu proses ataupun pemeriksaan ini adalah proses terus-menerus yang akan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan sampai bila-bila.

[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu] tidak hadir]

4. Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis] minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah prospek pertumbuhan KDNK tahun ini dan apakah pakej rangsangan yang akan dilaksanakan bagi menjana pertumbuhan ekonomi bagi tempoh jangka sederhana dan tempoh jangka panjang.

Menteri Kewangan Kedua [Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Lipis bersama-sama dengan semua soalan berkaitan dengan prospek pertumbuhan ekonomi yang telah dikemukakan oleh soalan-soalan daripada Yang Berhormat Beluran pada 25 Mac, Yang Berhormat Kubang Kerian pada 27 Mac serta soalan-soalan daripada Yang Berhormat Sri Aman dan Bandau pada 7 April dan sebelum ini daripada Yang Berhormat Permatang Pauh pada 11 Mac dan Yang Berhormat Kepong pada 12 Mac.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, silakan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang memantau dengan rapi impak peperangan di Iraq ke atas ekonomi dunia dan global dan juga kepada ekonomi negara kita. Ini terutamanya kesan-kesan ke atas pasaran modal kewangan dan harga komoditi.

Sehubungan dengan pasukan pengurusan pusat pemantauan telah ditubuhkan dan bertugas 24 jam di Bilik Operasi Kementerian Kewangan. Bilik Operasi ini juga mempunyai hubungan atau *link-up*, dengan izin, dengan Bilik Operasi Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Kerajaan ingin memberi jaminan bahawa ketiga-tiga agensi mempunyai mekanisme untuk memastikan kestabilan dan integriti pasaran saham dan pasaran kewangan. Ini akan membolehkan kerajaan bertindak pantas jika terdapat perkembangan yang memerlukan respons serta merta bagi menghadapi apa jua keadaan dengan teratur dan efisien.

Setakat ini kita tahu serangan ke atas Iraq yang telah dikutuk dan ditolak oleh dunia belum mendapatkan kesan negatif ke atas ekonomi dunia terhadap pasaran modal dan terhadap pasaran kewangan global. Bursa-bursa saham utama dunia belum menunjukkan sebarang *volatility*, dengan izin, dan ada di antaranya mencatat sedikit peningkatan. Kemungkinan para pelabur masih berpandangan bahawa peperangan yang berlaku akan tamat dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu pasaran modal, seperti Yang Berhormat sedia maklum, pasaran sebelum peperangan, prestasi bursa saham utama dunia pada amnya lembap berikutan dengan salah laku korporat dan pendapatan yang lemah serta ketidaktentuan berlakunya peperangan menyebabkan pelabur-pelabur lebih berhati-hati.

Walau bagaimanapun, setelah peperangan meletus, sentimen pasaran nampaknya ada pengukuhan memandangkan para pelabur, seperti yang saya katakan tadi telah mengambil kira kesan peperangan sebelum ini. Justeru itu, prestasi bursa saham dunia seperti Dow Jones, Nikkei, Futsy dan bursa saham serantau juga dapat bertahan.

Di Bursa Saham Kuala Lumpur sendiri, di negara kita, prestasi KLSE meningkat sedikit daripada 627.9 sebelum serangan pada 19 Mac kepada 632 pada 21 Mac. Jumlah transaksi juga bertambah meningkat daripada 245 juta kepada 420 juta.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengukuhkan lagi pasaran modal tempatan, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang penting seperti yang diumumkan baru-baru ini oleh

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, di antaranya usaha-usaha termasuk meningkatkan penyertaan pelabur, mengurangkan kos transaksi, mempertingkatkan nilai syarikat yang berkaitan dengan kerajaan, meningkatkan kecairan dan mengurangkan tempoh proses IPO supaya pasaran negara kita lebih efisien.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit tentang kedudukan mata wang asing. Nilai Dollar Amerika Syarikat kini telah meningkat antara 1.6% hingga 3.1% berbanding dengan mata wang *Pound Sterling*, *Euro* dan *Yen*. Memandangkan Ringgit Malaysia ditambah kepada Dolar Amerika, Ringgit kita juga telah mengalami pengukuhan, berbanding dengan mata wang utama dunia dan kekal kompetitif.

Tentang pasaran komoditi, harga minyak mentah juga sekarang ini mencatat kejatuhan daripada USD36 kepada USD26. Harga emas juga turut mencatatkan penurunan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaburan, FDI khususnya dalam sektor pembuatan, kami menjangka negara kita akan terus menerima FDI memandangkan keputusan pelabur adalah berdasarkan faktor jangka panjang. Malaysia juga dianggap sebagai suatu lokasi pelabur yang stabil, selamat dan menguntungkan berkat usaha MITI.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya tegaskan di sini, bahawa asas ekonomi negara yang kukuh, membolehkan fleksibiliti bagi kerajaan melaksanakan strategi untuk menangani sebarang ketidaktentuan. Seperti yang telah diumumkan sebelum ini, usaha-usaha untuk memantapkan keyakinan pelabur dan sentimen pengguna terhadap kestabilan, ekonomi serta strategi-strategi lain sedang dirangka, mengambil kira kedudukan peperangan di Iraq sekarang dan insya-Allah akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yakinilah, insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan menangani masalah yang mungkin timbul daripada ancaman peperangan yang kita telah lihat sekarang ini dalam media elektronik dan juga dalam media biasa, ditolak oleh seluruh dunia dan memandangkan asas ekonomi negara kita teguh, disokong oleh infrastruktur kewangan dan pasaran modal yang terus berjalan licin tanpa gangguan, kerajaan insya-Allah akan terus memantau perkembangan di luar dan di dalam negara dan akan mengambil tindakan pantas untuk mengatasi sebarang kemungkinan dan cabaran. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak sentuh balik mengenai dengan soalan tentang pertumbuhan KDNK dalam tempoh jangka panjang. Kita tahu bahawa untuk mencapai prinsip pertumbuhan mampan, kita memerlukan sektor swasta, kita memainkan peranan penting, sekarang ini kita dapati bahawa kapasiti sektor swasta kita begitu rendah berbanding dengan FDI, dengan itu kita bergantung kepada FDI.

Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah rangsangan kewangan dan tumpuan kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan kapasiti sektor swasta ini?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tambun, memang benar dengan pengurangan FDI, kita lihat ini sebelum peperangan lagi, impak daripada persaingan dengan China. Oleh itu kerajaan telah mengambil satu keputusan, untuk kita mengalih perhatian kita, di mana rangsangan ekonomi kita, kalau dahulu bergantung hanya kepada FDI, kita perlu bergantung kepada diri kita sendiri, sektor ekonomi swasta.

Sebab itu satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mahu melihat bagaimana sektor swasta kita lebih kompetitif, melihat *delivery system* kita, *concept time to market* dan juga akan ditimbang juga tentang galakan-galakan supaya sektor swasta kita boleh mengambil alih kekurangan daripada FDI dan usaha-usaha juga dibuat oleh peringkat MITI sendiri. Yang Berhormat Menteri MITI sendiri baru mengumumkan pada hari ini, beliau sendiri akan melihat juga impak-impak dan bagaimana swasta ini dapat membantu mengukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi tempatan, sektor swasta kita, untuk nanti mengimbangi kekurangan daripada FDI.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ada sedikit penjelasan. Soalan asal yang ditanyakan oleh Lipis ialah, apakah langkah-langkah yang kerajaan akan ambil untuk merangsang pertumbuhan bagi jangka masa panjang dan

sederhana tetapi jawapannya saya rasa tidak memberikan jawapan yang tepat kepada soalan tersebut.

Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasih kepada Menteri yang berani datang untuk menjawab soalan ini. Soalan penjelasan saya ialah, adakah kerajaan telah membuat satu penilaian terhadap *pump priming* yang telah dilaksanakan baru-baru ini. Adakah ia telah mencapai kesan daripada objektif rancangan ini ataupun ia tidak berkesan sama sekali dan adakah kerajaan akan mengambil satu langkah yang lebih *structural* iaitu *corrective surgery rather than quick picks*, dengan izin, iaitu satu pembetulan terhadap sistem dan praktis ekonomi kita yang bukan sahaja telah menyebabkan pasaran saham kita antara yang paling lembap, di mana pasaran saham di Bangkok telah meningkat 56% dan Singapura pada masa yang sama telah meningkat 100% tetapi kita masih 470 juta *volume of trade* dalam satu hari berbanding dengan pasaran-pasaran lain yang telah meningkat demikian tinggi.

10 measures yang telah dibentangkan baru-baru ini, adakah kerajaan yakin benar-benar berkesan, sebab saya lihat bahawa *10 measures* ini tidak *address* ataupun menangani sentimen pasaran yang sebenar dan soalan saya yang terakhir ialah dalam masalah FDI

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Husam bin Haji Musa: Belum habis lagi Dato'.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Banyak dah soalan itu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bukan panjang, pendek sahaja.

Seorang Ahli: Soalan berangkai.

Tuan Husam bin Haji Musa: Soalan berangkai. FDI kita telah dengan jelasnya berkurang, apa sebab utama,

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Husam bin Haji Musa: Jangan bimbang, Dato' kita ini berkemampuan. Jangan bimbang, jangan bimbang. FDI kita telah berkurang dengan begitu pantas. Dalam masa lima tahun yang lepas, FDI bagi industri automobil sahaja di Thailand, kalau Dato' Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri boleh menjelaskan, ialah berjumlah USD1 bilion sedangkan dalam negara kita *less than USD100 million*. Jadi, apakah sebab utama yang menyebabkan FDI tidak termasuk dalam industri automobil? Dan, soalan yang berikutnya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Cukup. Cukup.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, EXCO Kewangan Kelantan. [Ketawa] Tetapi yang belakang tolak dia sebab itu dihantar ke Kuala Lumpur. Kalau dak, EXCO Kewangan dah, sama-sama dia pun takut juga tu.

Terima kasih, tentang soalan tadi Kubang Kerian. Kalau ada andaian mengatakan bahawa prestasi pasaran modal kita ini berbanding dengan kawasan-kawasan berhampiran, itu tidak benar. Kalau kita bandingkan bahawa semua pasaran modal dunia jatuh, Germany – 50%, antara masalah pertumbuhan di Germany ialah pasaran saham mereka jatuh lebih daripada 50%, begitu juga di Amerika, begitu juga di UK.

Bermakna sekarang ini kita mahu pupuk balik *capital market* kita, sebab itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini mengumumkan 10 strategi khas itu di mana pasaran memberikan satu sambutan yang amat baik sekali. Ini usaha yang kita menjangkakan akan dapat mengukuhkan pasaran modal kita berhadapan dengan senario peperangan Iraq ini.

Kalau kita lihat dalam masa seminggu ini pasaran lain menurun lebih daripada pasaran kita. Tidak tahulah takut mungkin Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tanya

Ahli Yang Berhormat bagi Tumpatlah. Sebab Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat dia tahu tentang pakej ini. Tanya Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat, lain maklumat dia. *[Ketawa]*

Kepada isu yang kedua, pakej rangsangan, kita berpuas hati bahawa pakej yang dikendalikan itu mempunyai banyak kesan yang baik kepada ekonomi negara kita. Tetapi pada masa yang sama kita perlu juga melihat supaya asas ekonomi kita kukuh. Kita selalu mengawasi supaya defesit kita pada tahap yang diterima oleh pasaran. Bermakna kita imbangkan usaha merangsang dan usaha juga untuk memastikan kekuatan ekonomi kita, kita jaga.

Kekukuhan, keutuhan ekonomi negara kita di mana defesit, kedudukan defesit itu kita kena jaga juga supaya pada paras yang boleh diterima. Tentang FDI itu saya serah kepada kakak saya *[Mengalih pandangan ke Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar – Dato' Seri Rafidah Aziz]* lepas ini untuk menjawabnya sebab dia sudah mengumumkan hari ini dan akan memanggil para pelabur. Maklumlah beliau ada maklumat lebih terperinci, saya mohon nanti Datuk Paduka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Terima kasih.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya memberikan soalan tambahan yang ketiga. Sebelum daripada itu saya mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang dapat meyakinkan Dewan ini tentang pertumbuhan ekonomi negara kita walaupun kita menghadapi bahana perang dan dunia menghadapi ancaman daripada Amerika Syarikat ini. Soalan Tuan Yang di-Pertua, kita telah dimaklumkan bahawa pakej rancangan ini telah menyumbangkan 1% kepada KDNK negara.

Persoalan yang saya hendak ditimbulkan di sini ialah melalui projek-projek rangsangan yang saya pantau di kawasan saya, saya sudah dapati bahawa program ini telah *generate economic growth* melalui aktiviti-aktivitinya. Walau bagaimanapun saya dapati bahawa *the quality of work* yang telah disumbangkan oleh kontraktor-kontraktor tidaklah memuaskan. Saya dapati kerja membina sebuah dewan berharga RM70,000, tidak ada *spec* dan sebagainya. Kemudian apabila kerja siap, kerja itu tidak berkualiti tindakan susulan yang perlu diambil ialah untuk memperbaiki dewan itu dan menambahkan lagi kos.

Jadi, apakah langkah kementerian supaya walaupun ini memberi sumbangan kepada aktiviti ekonomi tetapi di samping itu kerja-kerja ini dapat dihasilkan dengan sempurna dan boleh bertahan lama. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Lipis. Kita mengucapkan syabas kepada Ahli Yang Berhormat bagi Lipis yang turut membantu kerajaan memantau projek-projek yang telah diputuskan dalam pakej rangsangan tahun lalu. Isu kualiti itu memang penting. Oleh kerana itu insya-Allah kerajaan nanti apabila membuat keputusan tentang isu rangsangan ini nanti, dari segi pelaksanaannya, kita memastikan supaya projek-projek yang dikendalikan di peringkat *grass roots* atau di peringkat bawah ini memberikan pulangan atau kualiti *economic effect* kepada masyarakat dan supaya menjana ekonomi dan pada masa yang sama melihatkan juga isu kualiti.

Isu kualiti Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja pelaksanaan projek-projek kecil ini. Isu kualiti ini, kerajaan mengambil berat untuk semua projek-projek di dalam kerajaan atau yang dikendalikan oleh kerajaan supaya tiap-tiap ringgit yang dibelanjakan itu memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi negara kita.

5. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang tanpa izin (PTI) yang telah dihantar pulang atau pulang dengan sendirinya sejak pelancaran Ops Nyah II Bersepadu. Bolehkan rakyat negeri Sabah diberi jaminan bahawa operasi tersebut akan terus dijalankan selepas tamat pentadbiran Ketua Menteri sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat bagi Keningau. Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Tawau iaitu soalan pada 27 Mac kerana isu-isu yang dibangkitkan adalah berkaitan.

Bilangan pendatang asing tanpa izin atau PTI yang telah ditangkap di Sabah pada tahun 2002 adalah seramai 31,431 orang manakala bagi tahun 2003 sehingga bulan Februari ini seramai 2,555 orang. Pada tahun 2002, seramai 31,220 telah dihantar pulang ke negara asal manakala baki pada tahun 2003 pada bulan Februari seramai 2,754 orang telah dihantar pulang.

Melalui program pengampunan yang dijalankan pada tahun 2002, seramai 45,594 orang PTI telah pulang ke negara asal secara sukarela. Walau bagaimanapun Jabatan Imigresen Sabah menganggar lebih daripada 100,000 PTI telah pulang ke negara asal tanpa melalui pos kawalan Imigresen yang telah diwartakan sejak pelaksanaan Ops Nyah II Bersepadu bermula pada 26 Februari 2002 sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, operasi membanteras PTI adalah merupakan operasi yang berterusan bagi menangani masalah PTI secara khusus di Sabah. Pasukan Petugas Khas Persekutuan telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menyelesaikan isu ini secara berkesan dan bermanfaat. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada statistik yang telah diberikan, ianya amat meragukan kerana kalau kita lihat PTI di Sabah ini begitu banyak sekali. Agak-agaknya apakah kerajaan telah membuat pemantauan berapa lagi PTI yang masih berada di negeri Sabah dan bilakah mereka ini akan dihantar balik. Sebab yang jelas, dengan penghantaran PTI ini banyak mendatangkan manfaat kepada negeri Sabah dan Kerajaan Malaysia. Jadi bila agaknya mereka ini akan dihantar balik lagi. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Mana-mana PTI yang tidak dapat ditangkap, mereka akan tinggal di sini secara haram dan kalau dalam operasi kita, apabila mereka telah ditangkap, kita akan hantar mereka pulang. Untuk mengetahui bilangan sebanyak mana mereka berada, berasaskan bilangan banyak mana mereka dapat kita tangkap. Dengan sokongan daripada Yang Berhormat, insya-Allah kita akan dapat tangkap lebih ramai lagi untuk dihantar mereka pulang. Terima kasih.

Dato' Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan memang masih ramai lagi yang berada di negeri Sabah dan yang sebenarnya memang diketahui oleh kerajaan bahawa ramai pendatang tanpa izin ini terlibat juga di dalam pilihan raya umum dan tanda-tanda bahawa ramai generasi mereka berada sebagai *phantom voters* dan ada juga yang sudah didapati telah meresap ke dalam pasukan tentera.

Apakah Operasi Nyah II Bersepadu ini akan terus juga menumpukan perhatian terhadap Buku Daftar Pemilih ataupun di dalam pasukan keselamatan di mana mereka telah juga didapati menggunakan MyKad akan berterusan supaya benar-benar PTI yang bukan warganegara Malaysia ini akan terus tidak berada lagi di dalam negeri tanpa mereka melalui liku-liku yang sudah diketahui digunakan oleh mereka pada awal mereka datang ke negeri Sabah. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Keningau. Saya ucapkan sebanyak terima kasih. Soalan ini adalah suatu soalan keraguan bersabit dengan tiga perkara:

- (i) PTI yang boleh masuk di dalam angkatan tentera;
- (ii) PTI yang boleh menjadi pengundi; dan
- (iii) PTI yang mempunyai MyKad.

Saya ingin mengatakan bahawa perkara-perkara yang membolehkan tiga sektor ini menjadi rakyat Malaysia, mereka hendaklah diiktiraf setelah mereka mempunyai kad daftar beranak dan mempunyai kad pengenalan.

Mana-mana yang dianggarkan tidak mempunyai kad pengenalan, mereka tidak dibenarkan ataupun tidak dilayan untuk memohon mana-mana jawatan bahkan menjadi pengundi. Dalam operasi bagi menentukan kesahihan menjadi pengundi di kawasan-

kawasan di seluruh Malaysia ini, pada masa ini pihak Suruhanjaya Pilihan Raya telah pun menjalankan operasi bagi menentukan bukan sahaja mereka yang tidak sah menjadi pengundi, mereka yang berpindah tempat dan berbagai lagi juga akan ditentukan dalam masa pilihan raya setelah operasi ini berakhir.

Begitu juga di dalam tentera, saya percaya bahawa mana-mana mereka yang tidak boleh membawa kad pengenalan, temuduga untuk menjadi seorang anggota tentera tidak akan diterima.

Saya percaya mereka boleh menjadi anggota tentera setelah mereka mempunyai dokumen seperti surat lahir dan kad pengenalan dan termasuk beberapa kertas kelulusan yang diperlukan bagi membolehkan mereka diterima menjadi seorang anggota tentera di dalam negara kita, terutama sekali tambah lagi kalau hendak mengatakan mendapat MyKad yang palsu.

Kita telah beberapa kali menjawab dalam Dewan ini telah dinyatakan beberapa kriteria yang diperlukan yang membolehkan orang ini mendapat MyKad dan saya percaya mana-mana yang telah diluluskan oleh kerajaan. Kalau ianya berbeza di antara Semenanjung dan Sabah serta Sarawak bahawa ada beberapa peraturan dan kuasa yang telah ada di negeri Sabah dan yang telah ada di negeri Sarawak bagi menjadikan mereka ini boleh mendapat surat-surat yang berkenaan termasuk tentang kerakyatan, kad pengenalan, kebenaran surat beranak dan sebagainya.

Saya percaya Yang Berhormat bagi Keningau juga biasa menjadi Ketua Menteri dan telah melalui proses-proses ini dan saya yakin penerangan saya ini akan dapat menyingkap kembali masalah yang dihadapi Yang Berhormat ketika menjadi Ketua Menteri Sabah dan proses yang sama telah kita sarankan dan kita ceranakan bagi menyelesaikan perkara-perkara ini dalam masa-masa yang terakhir.

Insyallah, kita bagi penentuan bahawa kerja-kerja bagi menjalankan kesahihan dan menentukan barang siapa yang memegang MyKad yang palsu, kad pengenalan palsu, surat beranak palsu, akan ditentukan apabila proses menjalankan operasi di Sabah dan Sarawak yang berjalan sejak daripada tahun lepas sehingga proses pengendalian menentukan kesahihan penduduk, kesahihan kad pengenalan, kesahihan MyKad pada masa yang akan datang juga. Terima kasih.

6. Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah benar syarikat yang dimiliki oleh menantu beliau diberikan kemudahan permit mengimport kereta dan setakat ini apakah syarat-syarat yang dikenakan dan jumlah kereta yang telah diimport oleh syarikat ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar sama sekali syarikat yang dimiliki oleh menantu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri diberikan kemudahan permit mengimport kereta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, tidak ada satupun syarikat pemegang francais atau memegang kuota yang diberi lesen import kenderaan dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh menantu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menokok tambah [*Tepuk*] kepada jawapan yang telah diberikan oleh rakan saya iaitu Menteri Kewangan II tadi mengenai FDI dan juga *stock market*. Sayugia diingatkan bahawa prestasi *stock market* atau pasaran saham tidaklah menjadi satu *indicator* atau petunjuk kepada kesihatan ekonomi mana-mana negara.

Seperti kita sedia maklum sungguhpun pasaran saham kita rendah, tetapi prestasi ekonomi jauh melebihi pertumbuhan ekonomi negara lain. [*Tepuk*] [*Sorak*] Kedua, kemungkinan juga Ahli Yang Berhormat tidak membaca laporan-laporan yang kita keluarkan [*Tepuk*] [*Sorak*] mengenai FDI bahkan dalam Dewan yang mulia ini juga telah diberikan jawapan tempoh hari mengenai aliran masuk FDI. Saya hendak *quote* (petik) dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan telah diberikan kepada beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai FDI ini.

Pada tahun 2001, jumlah pelaburan langsung (FDI) yang diterima dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM11.3 ribu juta. Jumlah FDI telah meningkat semula kepada RM11.8 ribu juta pada tahun 2002. Jadi, bukanlah menurun, meningkat. *[Tepuk]*

Keduanya, benar seperti kata Menteri Kewangan II tadi bahawa dari secara global banyak pelabur asing telah menumpukan perhatian ke negara China khususnya bagi sektor perkilangan ataupun industri yang intensif buruh yang mana kosnya buruhnya memang jauh lebih murah daripada negara-negara lain termasuk Malaysia. Maka kita telah nyatakan tempoh hari bahawa 10 syarikat telah berpindah ke sana dan termasuk juga ke Mexico.

Mengenai syarikat automotif, ingin saya nyatakan bahawa Honda telah pun membuat pelaburan lebih daripada RM300 juta baru-baru ini untuk mengeluarkan beberapa jenis kenderaan Honda di Melaka. Saya mendapat tahu bahawa beberapa syarikat asing menilai semula Rancangan Jangka Masa Panjang mereka

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak panjang lagi, ya?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tidak, kerana ini ditanya tadi, rakan saya tidak dapat jawab. Dan, menilai semula rancangan mereka untuk*[Disampuk]* Minta maaf, kalau tidak ditanya lagi, kalau tidak diberi jawab sekali, ya. *[Disampuk]* Jadi, kalau tidak faham tidak apalah. Maksud saya ialah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Dato' Seri Rafidah Aziz: Minta maaf, a few tips sikitlah. *[Disampuk]* Lain kali jangan tanya-tanya. Pasal kalau jawab*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara ini tadi juga dikeluarkan oleh Yang Berhormat. *[Disampuk]*

[Dewan riuh]

Dato' Seri Rafidah Aziz: Mereka telah membuat penilaian semula mengenai rancangan pelaburan di Malaysia. Insyallah kita akan melihat ini berlaku di masa akan datang dan mereka melabur dalam industri komponen dan peralatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih banyak. Bagus, saya ucapkan terima kasihlah kerana Menteri telah menjelaskan menantunya tidak ada kepentingan dalam syarikat-syarikat yang dapat AP. Saya minta penjelasan, satu syarikat Vestar yang baru ditubuhkan dapat lebih kurang RM2 ribu AP, apakah asas untuk syarikat ini ditimbangkan.

Penjelasan kedua yang saya perlukan ialah adakah kerajaan bercadang untuk memberikan AP kepada *[Disampuk]* Persatuan-persatuan Pengimport Kereta *rather than* beri kepada individu-individu.

Terlanjur tentang FDI tadi saya telah bertanya, adakah benar bahawa FDI dalam automobil di Thailand dalam lima tahun yang lepas jumlahnya ialah USD1 bilion. Syarikat Honda buka RM300 juta di Melaka, Honda di buka di Thailand sudah lama. Di Thailand dikenali sebagai "*the pride of the East*" kerana Kerajaan Thailand telah memberikan kelonggaran untuk FDI dalam automobil masuk bukan sahaja Honda melabur, Isuzu, BM, General Motor, lain-lain, macam-macam.

Nilainya ialah USD 1 bilion berbanding dengan RM300 juta di Melaka. Boleh atau tidak Menteri tolong berikan penjelasan yang lebih lanjut? *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup, cukup.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Husam bin Haji Musa: Tetapi kalau datang acap sekali, acap sedikit, lagi baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Soalan lagi?

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup!

Dato' Seri Rafidah Aziz: Okey. Saya jawab yang kedua itu dahulu. Sebenarnya Yang Berhormat lupa bahawa di Malaysia ini ada *National Car Industry* atau Industri Kereta Nasional, yang mana pelaburan beribu juta telah dilakukan sendiri oleh kerajaan dan juga oleh *joint venture partner* kerajaan seperti Perodua dan Proton.

Jadi, di Kelantan... *[Tersilap sebut] [Disampuk] [Ketawa]* di Thailand tidak ada *National Car*, jadi, mereka mengharapkan pelabur asing hendak bangun industri automotif mereka. *[Tepuk]* Jadi, kita mendahului, tidak harap pada orang hendak bangun industri kereta kita.

Mengenai Vestar ini, saya hendak terangkan bahawa dasar sekarang ialah mana-mana syarikat yang telah mendapat francais dan menandatangani francais *agreement* ataupun perjanjian francais dengan *principal* di luar negara untuk mengimport kereta-kereta baru, sama ada kereta komersial ataupun kereta penumpang yang belum dipasang di negara ini boleh diberikan kuota mengikut formula yang telah disediakan oleh Kementerian.

Setakat ini telah ada beberapa pemegang-pemegang francais sedemikian termasuklah Syarikat Vestar ini, saya pun tidak tahu apa *interest* Yang Berhormat dalam Vestar, ia telah pun mendapat AP mengikut garis panduan yang sedia ada. Dan, kita tidak memberi AP kepada persatuan, kita beri AP kepada syarikat yang menjalankan perniagaan.

Dalam persatuan pengimport ini, ia terdiri daripada banyak syarikat, dan semua ahlinya mendapat AP. Kalau ada di antara APnya dapat francais *principal* daripada luar, sama jugalah diterima pakai garis panduan memberi AP. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kejayaan MITI di bawah Yang Berhormat Dato',

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat? *[Ketawa] [Disampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak masuklah ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu tidak perlulah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kejayaan MITI di bawah Yang Berhormat Dato', amat membanggakan negara. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini memberikan pulangan yang sangat besar kepada pertumbuhan ekonomi negara

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini semua tidak perlu jawapan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya akan masuk, Tuan Yang di-Pertua. Sabarlah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kena sabar dengan saya. *[Disampuk]* Mesti masuklah Tuan Yang di-Pertua, saya *[Ketawa]* Pertumbuhan besar kepada

ekonomi negara yang telah memungkinkan rakyat negara ini hidup makmur dan mewah termasuk ahli-ahli parti pembangkang yang tidak pernah berterima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan? *[Disampuk]* China, China, China... *[Disampuk]* ialah sebuah negara yang besar dan menjadi sahabat kepada Malaysia. Saya ingin sedikit hendak bertanya Yang Berhormat Dato', berapa besar perdagangan antara China dan Malaysia dan apakah kemungkinan pada masa-masa yang akan datang bagi menentukan kebaikan perdagangan yang boleh menguntungkan kedua-dua negara. Itu satu. Yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, cukup. Itu pun keluar daripada soalan asal.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Eh! Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sampai tiga soalan berangkai, Tuan Yang di-Pertua, saya baru satu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa, masa, masa. Beri peluang kepada orang lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya Ahli Parlimen baik, Tuan Yang di-Pertua. Patuh, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Seri Rafidah Aziz: Menjawab soalan berapa ini, ada angka di sini kecil sangat. Jumlah perdagangan dengan negara China dalam tahun 2002 ialah RM11.431 bilion dan dalam bulan Januari tahun 2003 sahaja, perdagangan kita dengan negara China sudah meningkat 939.5%, bahkan perdagangan kita dengan negara China merupakan peningkatan yang terbanyak daripada semua perdagangan dengan negara-negara lain.

Kita ingin meningkatkan lagi perdagangan ini, itulah sebabnya kita dalam Asean bersama-sama merundingkan, mewujudkan kemungkinan *free trade area* ataupun perdagangan bebas dengan negara China supaya dapat lebih terbuka, pasaran negara China itu kepada kita dan juga kita mengadakan banyak rombongan perdagangan untuk eksport kita sama ada eksport barang atau perkhidmatan didedahkan kepada pembeli-pembeli di negara China.

7. Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun] minta Menteri Luar Negeri menyatakan tahap kemampuan Malaysia dalam menghadapi kesan peperangan ke atas Iraq.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Tambun bersama-sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batu pada hari ini juga, Yang Berhormat bagi Bandau pada persidangan 26 Mac 2003, Yang Berhormat bagi Pematang Pauh pada persidangan 1 April 2003 dan Yang Berhormat bagi Sibu pada persidangan 2 April, 2003.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, peperangan telah pun dimulakan di Iraq, walaupun ia tidak dimandatkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun mendapat sokongan dari rakyat dan masyarakat antarabangsa.

Peperangan sememangnya membawa kesan yang pelbagai sama ada dari sudut politik, ekonomi, sosial ataupun kemanusiaan. Malaysia mengambil langkah yang sesuai untuk menangani kesan negatif yang disebabkan oleh peperangan. Yang pentingnya ialah kita membina kefahaman dan ketahanan dalaman dari sudut politik, sosial ataupun ekonomi. Kita perlu sentiasa menentukan tindakan kita diteraskan kepada kebijaksanaan dan bukan emosional.

Rakyat kita menjaga perpaduan, keharmonian untuk menjamin keselamatan dan kestabilan negara supaya kesejahteraan dan kemakmuran rakyat tidak terjejas. Di

peringkat rantau dan antarabangsa kita akan sentiasa menyuarakan pandangan kita untuk keamanan dunia dan menegakkan keadilan sejagat. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai dengan dalam negeri berbanding dengan perang Iraq ini. Kita tahu bahawa sektor dalam negeri kita banyak berurusan dengan pihak luar dan dalam keadaan peperangan ini, rakyat kita yang terlibat dengan urusan luar tidak tahu apa hendak buat dalam pelbagai sektor yang terlibat.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah bentuk *advisory role* yang dimainkan oleh semua kementerian yang terlibat dengan urusan luar di mana rakyat kita bila hendak berurusan dengan luar boleh bertanya kepada kementerian-kementerian tersebut.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tambun yang telah bertanyakan sama ada kita mempunyai unit atau badan bagi menyelaraskan berkenaan kesan dan impak peperangan di Iraq.

Di beberapa kementerian telah diwujudkan badan-badan dan unit untuk kita mendapat maklumat yang terkini di peringkat Wisma Putra ada, di Kementerian Kewangan di Bank Negara dan begitu juga di peringkat MITI sendiri akan dapat memberi jawapan-jawapan yang diperlukan supaya pengusaha-pengusaha kita mempunyai maklumat yang terkini di dalam kita hendak berurusan dengan negara-negara luar.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Dalam jawapan yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri ada menyatakan bahawa kita telah mengeksport Proton pada 2001/2002 lebih kurang 8000. Ini satu penurunan daripada tahun-tahun yang sebelumnya, daripada 16,000 turun, 24,000 turun kepada 8,000.

[Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri masuk ke dalam Dewan] [Tepuk]

Terima kasih, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Jadi, kita lihat bahawa di antara negara-negara yang disebutkan sebagai negara terbesar yang membeli kereta-kereta Proton ialah Iraq, yang besarnya. Pertama sekali Iraq kemudian United Kingdom.

Jadi, oleh kerana Iraq sedang menghadapi peperangan dan saya mendapat maklumat daripada rombongan Yang Berhormat Menteri, beliau telah menggunakan PR yang cukup berkesan saya ingat, sehinggakan negara Iraq telah menggunakan Proton sebagai kereta rasmi untuk beberapa kementerian mereka, tetapi sebahagian besar daripada 8,000 tersebut adalah untuk Iraq. Apakah kesan ekonomi kerana sebelum berlaku peperangan Yang Amat Berhormat akan membentangkan *budget* tambahan?

Apakah kesan daripada peperangan Iraq ini kepada GDP kita pada tahun ini? Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah keluar daripada tajuknya. *[Ketawa]* Tetapi saya ingin mengatakan kepada Yang Berhormat, dari segi jualan Proton kita ia tidak terjejas tetapi untuk hantaran baru. Oleh kerana keadaan perang, ia tidak membolehkan kita untuk berbuat demikian.

8. Puan P. Komala Devi [Kapar] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan rancangan kementerian untuk mengambil tindakan terhadap kilang-kilang yang beroperasi di taman-taman perindustrian tanpa lesen (kilang haram), khususnya yang terlibat pelupusan sisa-sisa yang mencemarkan alam sekitar, seperti pencemaran udara dan sungai.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar telah pun mengambil tindakan-tindakan mengikut kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan

peraturan-peraturan di bawahnya terhadap mana-mana kilang yang mencemarkan alam sekitar. Selain daripada itu, kilang-kilang yang beroperasi tanpa lesen, pihak berkuasa tempatan juga boleh mengambil tindakan di bawah bidang kuasa masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2002 sahaja Jabatan Alam Sekitar telah mengambil 69 kes tindakan mahkamah dengan denda sejumlah lebih kurang RM1.1 juta terhadap kilang yang menyebabkan pencemaran air.

Bagi kes pencemaran udara, 17 tindakan mahkamah dengan denda sebanyak RM162 ribu telah diambil. Di samping itu, sebanyak RM657 kes kompaun dengan denda hampir RM1 juta juga telah diambil terhadap kes-kes pencemaran udara. Terima kasih.

Puan P. Komala Devi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, satu dua tahun kebelakangan ini kita dapati satu kes di Kapar di mana sisa-sisa dari satu kilang *smelting* ataupun *metal recycling plant* telah dibuang di satu padang sebelah satu kampung. Apabila kita panggil pihak bomba walaupun kita ucapkan ribuan terima kasih kepada bomba yang telah *respond* dengan begitu pantas, pihak bomba telah menyembur air di atas sisa itu dan ini telah mengakibatkan satu reaksi kimia di mana gas toksik telah dilepaskan dan semua penduduk di kampung itu terpaksa dipindahkan, *they had been evacuated*.

Jadi, soalan tambahan saya ke tahap manakah kerjasama di antara Kementerian Sains dan juga pihak bomba agar ahli-ahli bomba kita diberi latihan serta kelengkapan dan pakaian yang khusus untuk menangani kes-kes yang melibatkan sisa-sisa toksik dan adakah Kementerian Sains mempunyai satu unit pakar untuk menangani isu-isu seperti ini? Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat, mengenai kes yang berlaku di Kapar ini, saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh pihak bomba dan juga pihak Jabatan Alam Sekitar di peringkat negeri juga pihak berkuasa negeri yang telah mengadakan operasi bersama bagi mengatasi masalah tersebut. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya adalah sebahagian besarnya pihak bomba sendiri memang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan masalah-masalah tersebut.

Di samping itu kerjasama dari segi memberikan pengetahuan dan juga latihan-latihan berkaitan dengan masalah untuk mengatasi ancaman-ancaman seperti ini memang sentiasa dalam tindakan oleh semua agensi-agensi yang berkaitan. Di pihak kementerian sendiri tindakan-tindakan biasanya diambil setelah kita mendapat laporan daripada mana-mana pihak sama ada daripada agensi ataupun orang ramai mengenai perkara-perkara dan masalah-masalah yang berbangkit seperti ini.

Walau bagaimana pun kita berharap semoga orang ramai dan pihak-pihak industri yang tidak bertanggungjawab seperti ini akan mempunyai kesedaran bahawa usaha-usaha ataupun tindakan-tindakan membuang sisa-sisa toksik dan sebagainya di tempat-tempat yang tidak dibenarkan hendaklah diberhentikan bagi menjaga kepentingan semua pihak, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa untuk soal jawab telah cukup untuk hari ini.

[Masa untuk Soalan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2002) 2003

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2002 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu"; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: *[Bangun untuk memberi ucapan]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ada peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya.

[Dewan riuh seketika]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan tentang di bawah peraturan 18(1), Usul yang telah lebih awal saya masukkan mengenai serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq pada hari Khamis yang lepas jadi saya ingin mendapat penjelasan tentang usul yang telah saya bantangkan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang benar Yang Berhormat ada kemukakan satu usul, akan tetapi kerana usul Yang Berhormat adalah berkaitan dengan usul kerajaan yang juga dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengikut peraturan mesyuarat 27(3). Memandangkan usul kerajaan itu adalah sebuah usul *substantive* dan boleh dibahas lebih dari satu jam dan juga mengikut peraturan mesyuarat 15(1) usul kerajaan perlu diberi keutamaan, hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain maka usul Yang Berhormat di bawah Peraturan 18(1) itu terpaksa ditolak. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sila bangun. Yang Amat Berhormat sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Peraturan mesyuarat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di bawah 14(1)(f) - Rayuan, memandangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan dua, tiga hari yang lalu bahawa usul tentang serangan Amerika ke atas Iraq ini perlu mendapat sokongan padu kepada semua parti politik maka boleh tidak dalam semangat tersebut Tuan Yang di-Pertua benarkan Yang Berhormat Kuala Terengganu membacakan usulnya yang semangatnya sama dengan apa yang dikehendaki oleh kerajaan.

[Dewan menjadi riuh seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat nanti semua pihak dapat diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan. Kita harap Yang Berhormat atau rakan Yang Berhormat.

Sila, Yang Amat Berhormat. *[Meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap]*

USUL

USUL OLEH YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI MENGIKUT PERATURAN MESYUARAT 27(3)

Mengecam Serangan Amerika Ke Atas Iraq

11.06 pagi.

Perdana Menteri [Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya telah berharap bahawa isu ini tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak kerana ini adalah perkara yang amat penting bagi negara kita dan kita harus mempunyai pendirian yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 27(3) Dewan Rakyat, saya mohon mencadangkan satu usul seperti berikut:

- BAHAWA, Amerika Syarikat dan sekutunya telah melancarkan serangan ketenteraan secara unilateral ke atas Republik Iraq tanpa sokongan dan kebenaran Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- BAHAWA, tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika Syarikat dan sekutunya melanggar prinsip undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;
- BAHAWA, tindakan ketenteraan secara unilateral ini tidak mempunyai sebab-sebab yang Rasional yang boleh diterima sama sekali;
- BAHAWA, tindakan ketenteraan secara unilateral ini yang merupakan tindakan pre-emptif, tidak dibenarkan oleh Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan undang-undang antarabangsa;
- BAHAWA, tindakan ketenteraan secara unilateral ini yang bertujuan menukar Kerajaan Iraq merupakan pencerobohan ke atas sebuah negara yang bebas dan berdaulat;

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

DENGAN INI Dewan ini mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) Mengecam sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq;
- (2) Menggesa Amerika Syarikat dan sekutunya menamatkan tindakan ketenteraan secara unilateral ke atas Iraq dengan serta merta;
- (3) Menggesa semua pihak yang berkenaan supaya berusaha sedaya upaya untuk segera kembali kepada proses penyelesaian secara aman dalam memastikan Republik Iraq mematuhi resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan; jika didapati benar Iraq memiliki senjata pemusnah;
- (4) Mendesak supaya Amerika Syarikat dan sekutunya menghormati hak asasi manusia rakyat Iraq dan prinsip-prinsip undang-undang kemanusiaan antarabangsa, khususnya

“Geneva Convention relative to the Protection of Civilian Persons in Time of War”;

- (5) Memutuskan Malaysia bekerjasama dengan negara-negara anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali dan negara-negara yang sependapat untuk mendukung prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menangani isu hubungan antara negara;
- (6) Merayu kepada masyarakat antarabangsa supaya mengutamakan bantuan kecemasan kepada rakyat Republik Iraq dengan segera; dan
- (7) Dewan ini juga membuat ketetapan menyampaikan resolusi ini kepada semua Dewan Perundangan dan Parlimen yang berkenaan, khasnya Amerika Syarikat, Britain, Sepanyol dan Australia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan Dewan yang mulia ini membahaskan isu serangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini dunia berhadapan dengan keadaan yang amat cemas dan merbahaya berikutan tindakan Amerika Syarikat serta sekutunya menyerang Iraq tanpa izin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini merupakan satu detik hitam dalam sejarah dunia di mana sebuah kuasa besar bersama sekutunya, tanpa menghiraukan undang-undang antarabangsa, kemanusiaan dan keadilan telah menyerang sebuah negara yang tidak lagi berkeupayaan untuk mempertahankan diri sendiri, apatah lagi mengancam negara kuasa besar. Dakwaan kononnya Iraq merbahaya dan mengancam seluruh dunia dengan senjata pemusnah tidak masuk akal sama sekali dan tidak boleh diterima sebagai sebab serangan dilancar.

Lebih menyedihkan lagi ialah tindakan ketenteraan dengan menggunakan senjata paling canggih dan pengeboman secara besar-besaran ke atas Iraq yang telah pun dipaksa terlebih dahulu memusnahkan senjata pertahanan mereka atas arahan Malis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu amatlah tidak adil. Rakyat Iraq yang telah menderita selama 12 tahun kerana sekatan dagangan sehingga 1.5 juta orang telah mati kerana kekurangan makanan dan ubat-ubatan, sekarang ini dihadapi pula dengan serangan bom dan roket. Mereka tidak dapat mempertahankan diri mereka daripada serangan ini dan tidak ada apa-apa cara bagi mereka menyelamatkan diri mereka. Memandang bahawa selama 12 tahun pihak Britain dan Amerika telah memusnahkan segala senjata pertahanan milik Iraq tanpa apa-apa teguran mana-mana pihak.

Tempat berlindung dari bom ataupun *bomb shelter*, dengan izin, pun tidak selamat kerana bom yang digunakan boleh menembusi konkrit dan tanah. Ini sebenarnya bukan peperangan kerana yang menyerang ialah kuasa yang terbesar di dunia dan yang diserang ialah negara yang tidak lagi mempunyai keupayaan pertahanan. Kemenangan sudah tentu akan diperolehi oleh kuasa besar dalam jangka masa yang pendek tetapi sama ada masa panjang ataupun pendek, yang tetap berlaku ialah ramai rakyat Iraq akan terbunuh dan cedera.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Perang Dunia Kedua, negara-negara di dunia telah bersetuju untuk menubuhkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyelamatkan dunia daripada peperangan. Dunia memberi kepercayaan kepada lima kuasa besar dengan memberi kuasa veto kepada mereka. Ini adalah bertentangan dengan prinsip demokrasi tetapi dunia rela memberinya kerana mempercayai bahawa mereka boleh menyekat mana-mana satu daripada mereka daripada bertindak ganas dengan menggunakan kuasa veto ini.

Lagipun, dunia percaya kuasa-kuasa besar ini terutama yang bukan komunis adalah negara yang berpegang kepada prinsip dan tidak akan mungkir janji. Amat malang sekali kerana yang mungkir janji ialah negara yang sering mendesak supaya prinsip mesti

dijunjung walau apapun terjadi. Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri diketepikan oleh kuasa besar Amerika Syarikat dan tindakan yang bertentangan dengan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan segala undang-undang antarabangsa dicampak ke luar tingkap oleh negara ini.

Tindakan unilateral diambil dengan tidak segan-segan dan malu, harapan pagar, pagar yang makan padi. Ini adalah kali kedua Amerika Syarikat memusnahkan badan antarabangsa yang dipelopori oleh mereka sendiri untuk mengharamkan perang. *The League of Nations* yang ditubuh selepas Perang Dunia Pertama juga dimusnahkan oleh Amerika Syarikat. Sekarang negara-negara lain terutama yang kecil dan lemah tidak lagi selamat. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak lagi dapat melindungi mereka daripada keganasan kuasa-kuasa besar. Bangsa-Bangsa Bersatu dan undang-undang antarabangsa sudah tidak bermakna lagi.

Kita sudah kembali ke zaman batu yang mana kekuatan menentukan kebenaran. Kita boleh ramal di masa hadapan, sempadan negara yang merdeka akan dicabuli dengan sesuka hati kuasa besar. Tuduhan boleh dibuat bahawa negara tertentu tidak demokratik, tidak menghormati hak asasi manusia, tidak memberi kebebasan beragama dan lain-lain dan pihak yang menuduh akan campur tangan secara langsung untuk menukar kerajaan, mengadakan *regime change*, dengan izin, menghalau keluar pemimpin bahkan membunuh pemimpin yang tidak disukai.

Inilah dunia selepas undang-undang antarabangsa dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dimusnahkan. Tidak ada lagi *the rule of law* kerana mereka yang mencipta slogan ini mereka sendiri yang mencabulnya. Jika ada sesuatu yang bersifat pemusnah, tindakan mencabul segala prinsip yang menentukan dunia aman dan bebas daripada penindasan, tindakan inilah pemusnah yang terbesar setelah kuasa terbesar, kuasa nuklear mencabulkannya.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sememangnya bersetuju bahawa senjata pemusnah merupakan suatu ancaman kepada masyarakat antarabangsa. Dunia tidak perlu kepada senjata ini, tindakan yang perlu diambil ialah memusnahkan semua senjata ini tanpa apa-apa keistimewaan kepada mana-mana negara. *[Tepuk]* Tetapi kita dapati sementara Iraq tidak dibenar, musuh Iraq seperti Israel dibenar. Apakah Israel yang membunuh rakyat Palestin dengan sewenang-wenangnya boleh dipercayai tidak akan menggunakan senjata pemusnah seperti bom nuklear ke atas musuhnya? Sebenarnya Israel dan juga Amerika Syarikat telah mengancam mengguna senjata nuklear mengikut budi bicara mereka dalam keadaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah diperiksa dan diselidik berkali-kali, pasukan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak menemui senjata pemusnah di Iraq. Mungkin Iraq menyembunyikannya tetapi senjata ini bukanlah mudah untuk disembunyi. Kuasa besar mempunyai alatan yang canggih yang boleh mengesan semua senjata nuklear dan kilang kimia. Kalau dapat disembunyi pun tentulah tidak mencukupi untuk memusnahkan dunia ataupun Israel dan sekutunya Amerika Syarikat.

Jika Iraq cuba menggunakannya, kuasa besar dengan senjata nuklearnya yang lebih banyak dan lebih kuat boleh memusnahkan seluruh Iraq dan kepimpinannya. Apakah rakyat Iraq perlu dibunuh untuk mengesan senjata pemusnah yang mungkin tidak ada di Iraq sama sekali? Kononnya Bush dan Blair ingin menyelamatkan orang Iraq. Apakah makna keselamatan bagi rakyat Iraq yang dibunuh?

Akhir-akhir ini yang jelas bukanlah mengesan senjata pemusnah milik Iraq tetapi objektifnya telah bertukar kepada penyingkiran Kerajaan Iraq dan menjayakan objektif strategik Amerika Syarikat dan sekutunya. Untuk menjayakan strategi ini bukan sahaja Iraq mesti dikalahkan tetapi seperti selepas Perang Teluk, tentera Amerika Syarikat mesti ditempatkan di Asia Barat selama-lamanya untuk mengawasi dan mengugut kerajaan-kerajaan di situ dan rakyat mereka. Ini bermakna demokrasi tidak mungkin wujud dan pemerintahan kuku besi oleh kuasa asing dengan kerajaan-kerajaan boneka mereka yang akan menjadi sistem dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negara-negara Teluk mungkin terpaksa terima dikuasai oleh kuasa-kuasa besar tetapi besar kemungkinan rakyat mereka tidak akan terima

dan tidak akan berdiam diri. Mereka akan bertindak ganas dan *terrorism*, dengan izin, akan berkembang pesat. Kita harus ingat dalam keadaan dunia terselamat, tiba-tiba New York dan Washington diserang. Walau bagaimana berjaga-jaga Amerika Syarikat dan Britain, tidak mungkin keselamatan dijamin bagi semua orang di semua tempat di sepanjang masa. Jika tidak hari ini, esok, setahun lagi ataupun sepuluh tahun lagi serangan keganasan mungkin dilakukan oleh mereka yang menaruh geram sepanjang ingatan mereka.

Dunia tidak akan selamat. Manusia akan hidup dalam ketakutan sepanjang masa. Ekonomi dunia tidak akan dapat dipulihkan. Kestabilan politik dan hubungan antarabangsa tetap tegang. Sebenarnya serangan 11 September 2001 lebih berjaya daripada yang disangkakan oleh pengganas kerana reaksi yang tidak rasional oleh kuasa-kuasa besar. Sepatutnya sebab-sebab keganasan berlaku ditangani tetapi sebaliknya sebab-sebab keganasan ditokok tambah dengan tindakan yang tidak wajar, tidak waras. Serangan ke atas Iraq tidak akan menolong mengurangkan kemungkinan serangan ganas akan berlaku lagi.

Oleh itu Kerajaan Malaysia mengesah keras tindakan Amerika Syarikat, Britain dan sekutu mereka ke atas Iraq. Negara berpegang teguh kepada pendirian bahawa peperangan bukan caranya menyelesaikan masalah permusuhan antara negara-negara. Perang hanya boleh dibenarkan untuk pertahanan dan keselamatan negara yang diserang. Perang *pre-emptive* tidak boleh dibenarkan sama sekali terutama oleh kuasa besar dan konco-konco mereka seperti Australia ke atas negara lemah. Serangan unilateral mestilah terus diharamkan dan dunia patut bertindak ke atas sesiapa pun yang melanggar prinsip dan undang-undang antarabangsa.

Kita berasa lega kerana ada juga kuasa-kuasa besar yang menentang tindakan Amerika Syarikat dan Britain. Kita menyanjung tinggi pendirian Perancis, Rusia dan China [*Tepuk*] bersama dengan negara Jerman dan beberapa negara Eropah yang lain yang menentang tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya. Kita menyanjung tinggi demonstrasi menentang Amerika Syarikat dan Britain oleh rakyat mereka sendiri dan orang ramai di seluruh dunia. [*Tepuk*]

Yang jelas ialah ini bukanlah peperangan orang Eropah ataupun orang Kristian ke atas negara Islam. Penentangan oleh Paus Paul, Ketua Gereja Katolik, Archbishop Canterbury, Gereja Anglikan dan Archbishop Roman Katolik British membuktikan orang Kristian umumnya tidak menyokong tindakan Amerika Syarikat. [*Tepuk*] Ini bukan Perang Salib ataupun *Crusade*, dengan izin. Ia adalah peperangan kuasa besar Amerika Syarikat dan Britain terhadap negara lemah Islam Iraq. Ia adalah perbuatan imperialis yang masih ingin menguasai dunia. Selepas mencuba serangan ekonomi, mereka susuli pula dengan serangan ketenteraan. Jika negara yang disasar adalah kuat, mereka sudah tentu tidak akan menyerang. Ini adalah sikap pengecut, sikap *bully*, dengan izin. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan cemas ini, tindakan telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk menyelamatkan rakyat Malaysia di Iraq dan di Asia Barat. Tiga pesawat C-130 telah dihantar untuk membawa balik rakyat Malaysia. Berhadapan dengan berbagai-bagai masalah yang mungkin mengganggu ketenteraman dan kesejahteraan negara kita, beberapa tindakan telah dan sedang diambil. Yang terpenting sekali ialah menentukan kestabilan dan keamanan dalam negara. Negara kita adalah negara demokrasi. Tidak dapat tidak, rakyat dan parti-parti politik mempunyai pelbagai pandangan dan pendirian dalam pelbagai isu. Tetapi dalam isu pencabulan undang-undang antarabangsa dan serangan unilateral ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat dan Britain, saya harap kita rakyat Malaysia dan parti-parti politik dapat mengadakan pendirian yang sama. [*Tepuk*]

Sebarang perselisihan antara kita berkenaan dengan isu ini hanya akan membawa masalah dan melemahkan kita sehingga kita tidak dapat bertegas menentang pencabulan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, undang-undang antarabangsa dan serangan ke atas Iraq. Kita harus sedar kini giliran Iraq. Tidak ada negara yang akan selamat selepas ini. Mempertahankan Malaysia adalah tanggungjawab semua rakyat Malaysia. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bukan sahaja menjadi ahli Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) tetapi juga menjadi Pengerusinya. Kita juga menjadi ahli OIC ataupun Organisasi Negara-Negara Islam. Di masa sebuah negara rakan dalam kedua-dua pertubuhan tersebut diancam dengan serangan ketenteraan, amatlah penting kita memberi sokongan dengan menyuarakan tentangan kita terhadap tindakan ganas oleh seteru rakan kita iaitu Amerika Syarikat dan sekutunya.

Jika kita tidak merapatkan barisan negara-negara lemah ini, dengan kesanggupan oleh kuasa besar membelakangkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kita akan diancam sepanjang masa dan mungkin dijajah semula. Walau apa pun perbezaan pendapat di antara kita dan parti-parti politik kita, saya yakin tidak ada siapa di antara kita yang ingin negara kita dijajah semula.

Sebagai Pengerusi, Pergerakan Negara-negara Berkecuali, saya telah mengutuskan surat menyatakan pendirian NAM menentang perang ke atas satu daripada ahli NAM, iaitu Iraq. Kita akan gunakan saluran ini untuk mendapat seberapa banyak mungkin negara-negara di dunia mengecam tindakan yang diambil oleh Amerika Syarikat dan sekutunya.

Saya harap badan-badan bukan kerajaan Malaysia dapat menghubungi badan-badan bukan kerajaan di Amerika Syarikat dan Britain supaya bertindak mempengaruhi kerajaan mereka menghentikan serangan ke atas Iraq. Hanya rakyat Amerika dan Britain sahaja yang boleh menghentikan kerajaan mereka daripada menyerang Iraq dan kembali kepada pangkuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Jika kerajaan-kerajaan yang menolak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu disingkirkan oleh rakyat mereka sendiri, maka mungkin kerajaan-kerajaan baru mereka akan kembali ke pangkuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa pendirian kita tidak disenangi oleh Amerika Syarikat dan sekutunya. Kita tidak benci orang Amerika. Kita tidak mahu bermusuhan dengan Amerika Syarikat ataupun Britain ataupun sesiapa. Tetapi kita tidak boleh menutup mata kepada ketidakadilan dan penindasan. *[Tepuk]*

Apa yang dilakukan terhadap Iraq amatlah tidak adil dan menambah penindasan ke atas rakyat Iraq yang selama 12 tahun telah disekat daripada bekalan makanan dan ubat-ubatan. Walaupun didakwa Kerajaan Iraq zalim, tetapi tindakan yang telah diambil ke atas rakyat Iraq selama 12 tahun dan sekarang ini adalah jauh lebih zalim lagi. Walau bagaimana baik pun demokrasi, membunuh rakyat sesebuah negara supaya demokrasi diterima sebenarnya bercanggah dengan prinsip demokrasi dan tidak bermoral.

Tuan Yang di-Pertua, agama Islam menyuruh kita mengubah nasib kita sendiri sebelum Tuhan mengubah nasib kita. Kita telah berusaha setakat yang boleh untuk menyelamatkan umat daripada bala bencana ini. Kita akan berusaha lagi sedaya upaya kita. Oleh itu wajarlah kita berdoa meminta pertolongan Allah *subhanahu wataala*. Kerajaan menyarankan semua masjid di seluruh negara mengadakan sembahyang hajat dan berdoa supaya peperangan ini dihentikan dengan segera. Penganut agama lain juga perlu memohon perkara yang sama mengikut cara masing-masing.

Insya-Allah berkat usaha dan doa daripada kita semua, mudah-mudahan tidak ramai daripada rakyat Iraq yang dibunuh dan dcederakan oleh Amerika Syarikat dan Britain, dan Amerika Syarikat dan Britain akan menghentikan serangan ganas mereka ke atas Iraq dengan segera. Mudah-mudahan usaha dan doa kita akan dimakbulkan Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Labis ya.

11.35 pagi.

Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik [Labis]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan peristiwa 11 September, dasar keselamatan Negara Amerika Syarikat yang bertumpu kepada tindakan *pre-emptive*, telah membuka ruang untuk tindakan konflik

serangan bersenjata yang lebih serius. Ini jelas terbukti apabila Amerika mula menyerang Afghanistan dan baru-baru ini pula menyerang Iraq. Tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika Syarikat dan sekutunya yang tidak menghiraukan keputusan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu jelas menunjukkan sikap angkuh negara-negara tersebut. Serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq dengan menggunakan ketenteraan dan senjata pemusnah, jelas menunjukkan Amerika Syarikat telah melanggar prinsip-prinsip keselamatan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya telah melampaui batas dan harus dikutuk habis-habisan. Masalah ini perlu ditangani segera, dan sekiranya dibiarkan, ia akan menjadi satu *precedent* yang akan menggugat ketenteraman dunia. Adalah dikhuatiri, jika tidak terkawal, di masa akan datang negara-negara kuasa besar yang lain juga akan menggunakan ketenteraan untuk menyelesaikan konflik yang mereka hadapi atau menggunakan kekerasan untuk kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tarikh 20 Mac 2003 merupakan titik hitam dalam sejarah dunia. Yang menyedihkan kita dan majoriti rakyat dunia kerana tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya melancarkan serangan ke atas Iraq. Sejak peperangan meletus, rakyat dari seluruh dunia termasuk rakyat Amerika Syarikat dan Britain sendiri telah membantah dan mengutuk pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq. Suara dunia telah lantang menentang segala bentuk kekerasan dan peperangan digunakan untuk menyelesaikan masalah Iraq.

Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu tidak dapat membuat keputusan muktamad terhadap permintaan Amerika Syarikat untuk mengambil tindakan ketenteraan terhadap Iraq. Dalam pada itu, NATO, negara-negara NAM, OIC dan kebanyakan negara yang cintakan keamanan dalam dunia telah juga menentang sebarang tindakan menggunakan ketenteraan untuk menyelesaikan konflik. Ini adalah kerana kekerasan dan peperangan akan membawa kemusnahan harta benda secara besar-besaran dan pengorbanan jiwa yang tidak berdosa. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat dan sekutunya tidak menghiraukan suara dunia kerana mereka mempunyai ketenteraan yang terbesar di dunia dan mereka secara terang-terang, menggunakan kuasa ketenteraan untuk memusnahkan negara yang tidak sehaluan dengan mereka seperti Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan seperti ini membuktikan sekali lagi, Amerika Syarikat sebagai polis dunia yang kejam dan hanya mengutamakan kepentingan diri sendiri. Mereka sanggup mengorbankan keamanan dan kestabilan dunia demi mencapai kepentingan mereka. Jika ancaman seperti ini tidak dikutuk habis-habisan dan dihentikan maka kedamaian dan kedaulatan sesebuah negara di dunia ini tidak lagi terjamin. Negara-negara yang lemah dan kecil akan ditindas dan dianyai oleh kuasa besar dengan kekerasan dan peperangan.

Tuan Yang di-Pertua, peperangan di Iraq telah menimbulkan kebimbangan terhadap kestabilan, keselamatan serantau dan risiko meningkatkan aktiviti-aktiviti pengganas di seluruh dunia. Sudah pasti tindakan-tindakan ini akan melemahkan lagi ekonomi dunia yang semakin meruncing itu.

Tuan Yang di-Pertua, MCA menyokong penuh pendirian Kerajaan Barisan Nasional untuk menentang sebarang pencerobohan terhadap mana-mana negara yang berdaulat. [*Tepuk*] Sudah tiba masanya negara-negara yang cintakan keamanan dan kedamaian, bersatu padu dan berusaha untuk mempertahankan kedaulatan mereka. MCA menyeru semua pihak yang terlibat dalam peperangan di Iraq segera kembali ke meja rundingan untuk berdamai demi kepentingan dunia.

Berita yang terbaru adalah bahawa Amerika Syarikat dan sekutunya telah melancarkan serangan besar-besaran, di mana peluru berpandu dan beribu-ribu butir bom telah dijatuhkan atas bandar-bandar utama Iraq dalam operasi '*Shock and Awe*'. Sudah tentu, Tuan Yang di-Pertua, tindakan ini akan membawa kemusnahan harta benda, kehilangan jiwa, kecederaan, dan ini akan membawa penderitaan dan kesengsaraan kepada seluruh rakyat jelata Iraq.

MCA bersimpati dengan rakyat Iraq yang sebelum ini telah menanggung derita dari kesusahan selama 12 tahun akibat sekatan ekonomi sejak Perang Teluk. MCA menyokong

usaha Kerajaan Barisan Nasional dan masyarakat antarabangsa untuk memberi bantuan keperimanusiaan kepada rakyat Iraq yang dilanda peperangan. MCA juga menyeru sektor swasta, badan-badan sukarela dan orang awam turut berbuat demikian untuk mengurangkan penderitaan rakyat Iraq.

Saya menyeru rakyat Malaysia dari semua kaum, berdiri teguh di belakang Kerajaan Barisan Nasional untuk menyuarakan pendirian tegas Malaysia yang menentang sebarang bentuk peperangan dan menyokong segala usaha yang tertumpu ke arah membawa kedamaian, keamanan untuk negara Iraq dan seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

11.42 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada masa dihadkan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Pada permulaannya, tidak, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada, ya. Tuan Yang di-Pertua, kita di sini menyokonglah Usul ini kerana *[Tepuk]* apa yang betul, kita mesti sokong. *[Tepuk]* Kita tidak sokong *Pax-Americana*. Begitu juga kita tidak sokong *Pax-Barisana*. *[Disampung]* Bukan PAS, Pax. *[Sorak]* *Pax-Barisana* pun ada, bukan *Pax-Americana* sahaja, *Pax-Barisana* pun ada. Ha, itu kita tidak sokonglah *pax-pax* yang semacam ini.

Kita menyeru, mendesak supaya dipulihkan pihak berkuasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) *restore the authorities of the United Nations. I think that would be the first thing we should do, and I hope our Prime Minister can go to the United Nations ...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: *...and other forums.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Dengan izin. *Because the forum antarabangsa kita mesti gunakan bahasa-bahasa seperti Inggeris. [Ketawa]* Bukan di Dewan sahaja kita hendak bawa ini. Saya setuju dengan Yang Amat Berhormat hendak bawa usul ini kepada seluruh dunia ini, dan bila kita bawa kita mesti gunakan bahasa Inggeris juga, dak?

Itulah, *restore the authorities of the United Nations. That's very important, and America should stop ...*

Tuan Yang di-Pertua: Minta keizinan dahulu Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* *America should stop the war immediately because it is not the correct thing to do. It's out to use the overwhelming power to suppress and rule the country that is against the modern rule of law, and this is what America should be told.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Setakat ini Amerika Syarikat dan para pengikutnya tidak mengendahkan bantahan seluruh dunia, termasuk seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat, China, Jerman, Perancis dan Russia. Ini memang satu titik atau titik hitam, ini saya setuju, dan kita mesti berusaha untuk mengatasinya. Kita berpegang kepada penyelesaian masalah untuk nasional, baik nasional ataupun *international* secara aman.

Kita tidak mahu perang di Iraq ataupun di mana-mana pun selagi ia dapat dielakkan. Kita percaya bahawa perang di Iraq boleh dielakkan. Saya ada menonton televisyen dan nampak wajah Hans Blix apabila dia membuat laporan terakhir kepada Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan begitu sedihnya kita nampak wajah dia dan putus asa kerana beliau percaya tugasnya boleh berjaya untuk mengkaji, menyiasat dan memusnahkan senjata pemusnah kalau ada di Iraq. Daripada wajah itu saya pun berasa sedih juga kerana Amerika tidak menghiraukan semua ini.

Amerika Syarikat menganggap Saddam Hussein sebagai seorang diktator yang paling dahsyat dan kejam di zaman moden dan diikuti oleh burung tiung Tony Blair. *[Ketawa] [Tepuk]* Burung tiung itu bukan Tony Blair sahaja, di sana pun ada juga. *[Sambil menunjukkan ke arah Barisan Nasional] [Ketawa] [Riuh]* Pagi ini saya dengar dia di dalam televisyen kerana di televisyen ini CNN nampaknya tidak boleh hendak kita tonton kerana itu pusat maklumat Amerika Syarikat sahaja, pusat penerangan Amerika Syarikat iaitu CNN. BBC mungkin boleh jugalah, ada sedikit sebanyak yang mengatakan

Beberapa Ahli Barisan Nasional: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Burung tiung sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila, sila. Yang Berhormat bagi Kepong sila teruskan ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Walau apapun pendapat umum ataupun Amerika Syarikat atau burung tiung British, adalah wajar bagi rakyat Iraq mencari jalan sendiri dan sesuai untuk mengatasi. Saya setuju dengan Yang Amat Berhormat, ini bukan cara demokrasi. Kita tidak boleh ambil demokrasi Amerika Syarikat sama ada demokrasi sekarang kita tidak tahulah. Cara pemerintahan Amerika Syarikat pergi ke Iraq dan letak situ inilah ikut kita. Jadi, ini tidak boleh. Saya setuju dengan pendapat ini.

Pihak Americana yang merupakan kuasa unipolar untuk mencengkam sebuah negara kecil telah dilihat oleh dunia sebagai keangkuhan dan sifat pencerobohan Amerika Syarikat. Penggunaan perang untuk memusnahkan negara kecil dan menindas yang lemah tidak boleh diterima. Kita di Malaysia mestilah berusaha untuk menegakkan kedaulatan undang-undang antarabangsa. Di dalam tempoh dua dekad ini saya nampak Iraq telah mengalami tiga perang. Rakyat Iraq menderita termasuklah sekatan ke atas Iraq meskipun nama Iraq hanya wujud pada tahun 1921. Ini kita mesti tahu zaman-zaman penjajahan British juga, 1921 dengan bantuan Britain dan Britainlah yang membantu untuk mewujudkan Iraq, sebelum 1921 tidak ada Iraq.

Sejarah Iraq kita mesti belajar di sini juga kerana saya pun sedang belajar juga. Hari itu saya ada dengar Yang Amat Berhormat menghujah atau menghuraikan sejarah termasuk Iraq di Timur Tengah, Britain dan Asia. Sejarah Iraq adalah kira-kira 5,500 tahun bukan main. Di sungai-sungai Tigris dan Euphrates tamadun-tamadun purba, Sumer, Assyria dan Babylonia telah diikuti dengan empayar-empayar Parsi di kawasan itu. Itu kita tahulah ditakluki dan dimusnah oleh pelbagai empayar. Empayar Parsi, Yunani, Mesopotamia, Arab, Monggol, Otoman dan juga British. Amerika Syarikat dan para pengikutnya sekarang sedang menghujani bom-bom raksasa moden seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat yang paling canggih ke atas negara bertamadun dunia ini, semua struktur akan dimusnahkan. Entah berapa lama perang ini akan berakhir kita tidak tahu.

Amerika Syarikat berharap berapa hari boleh akhiri. Saya nampak tidak boleh juga. Kehancuran demi kehancuran berlaku. Selepas kemusnahan ini Amerika Syarikat berjanji untuk membina semula. Saya pun tidak fahamlah. Kita musnahkan semua dan bina semula. Tidak payah senang hendak musnah tetapi hendak bina semula memang itu paling susah sekali. Saya tidak nampak bagaimana Amerika Syarikat dapat membina semula.

Lihatlah di Afghanistan saya tidak nampak lagi pembinaan semula. Saya tidak nampak lagi. Janji Amerika Syarikat setakat ini nampaknya tidak dapat dikotakan lagi di Afghanistan. *[Tepuk]* Saya tidak tahu macam mana Amerika Syarikat dapat membina semula Iraq sekiranya Iraq dapat dikalahkan ataupun ditawan. Amerika Syarikat memang

terkuat sekali di dunia. Ia mampu membuat banyak hal bertahun-tahun. Saya percaya dia boleh buat bertahun-tahun. Saya pernah membangkitkan satu cerita mengenai Amerika Syarikat kerana dia mampu berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu admiral di Jepun pada waktu Perang Dunia Kedua, Hashimoto ataupun Admiral Hishikoro yang mengatakan kalau kita hendak menang tentang Amerika Syarikat kita mesti musnahkan dengan cepat. Kalau tidak dengan Pearl Harbor tidak dapat memusnahkan Amerika Syarikat, Amerika Syarikat akan pulih dan bertahun-tahun akan mengalahkan Jepun. Negara yang pertama yang menggunakan senjata pemusnah ialah Amerika Syarikat. Tidak ada negara yang lain yang menggunakan senjata pemusnah nuklear di dunia ini pada hari ini, cuma Amerika Syarikat sahaja.

Saya faham Amerika Syarikat memang terkuat sekali dan dia boleh buat apa sahaja tetapi akibat perang ini adalah parah, parah bukan untuk dunia sahaja tetapi untuk Amerika Syarikat juga.

Ayam di kepek dipanggil pulang,

Kain tercarik tersangkut duri;

Usah ditebuk air di dulang,

Kelak terpercik muka sendiri.

Saya percaya padah akan berlaku di Amerika Syarikat juga. Marilah kita bersama-sama berikhtiar untuk memulihkan kuasa PBB, *restore the authority of the United Nations* dan marilah kita berusaha untuk memberhentikan perang di Iraq. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

11.54 pagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pada 26 Jun 1945, Amerika Syarikat dan lain-lain kuasa besar dunia telah menandatangani Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Piagam tersebut berkuat kuasa di dunia ini mulai 24 Oktober 1945 hingga ke hari ini. Amerika Syarikat adalah di antara negara yang memainkan peranan penting di dalam mempelopori penggubalan piagam berkenaan. Amerika Syarikat menyifatkan piagam tersebut sebagai dengan izin, *"the supreme law of the land"*.

Tuan Yang di-Pertua, Piagam PBB adalah satu dokumen penting, sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat, yang menggariskan prinsip-prinsip keamanan dunia, keselamatan dan juga keselamatan umat sejagat. Ia juga memuktubkan prinsip-prinsip kebebasan, hak asasi manusia, persamaan hak, *peaceful co-existence* dan kemajuan sosial. Pendek kata, Piagam PBB diwujudkan untuk mengelakkan peperangan dan untuk menyelamatkan warga dunia dari masalah peperangan.

Lantaran itu, Tuan Yang di-Pertua, Mukadimah Piagam PBB menyatakan secara tegas dan jelas bahawa, dengan izin, *"we, the people of the United Nations determined to save the succeeding generations from the scourge of war, which twice in our lifetime has brought untold sorrow to mankind, and reaffirm in the fundamental human rights, in the dignity and worth of the human person, in the equal rights of men and women and of nations large and small, and to promote social progress and better standards of life in larger freedom. And for these ends, to practice tolerance and live together in peace with one another as good neighbors, and to unite our strength to maintain international peace and security, and to ensure by the acceptance of principles and the institutions of methods, that armed forces shall not be used, save in the common interests and to employ international machinery for the promotion of the economic and social advancement of all parties."*

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah Fasal Satu PBB memuktubkan bahawa matlamat utama PBB adalah, dengan izin, *"to maintain international peace and security, and to that end: to take effective collective measures for the prevention and removal of*

threats to the peace, and for the suppression of acts of aggression or other breaches of peace, and to bring about by peaceful means, and in conformity with the principles of justice and international law, adjustment or settlement of international disputes or situation which might lead to breach of the peace”.

Sebab itulah juga Fasal 2(3) Piagam PBB memaktubkan bahawa, dengan izin, *“All members shall settle their international disputes by peaceful means in such a manner that international peace and security, and justice, are not endangered.”*

Sementara Fasal 2(4) Piagam yang sama menyatakan bahawa, *“All members shall refrain in their international relations from the threat or use of force against the territorial integrity or political independence of any state, or in any other manner inconsistent with the Purposes of the United Nations.”*

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan prinsip-prinsip di ataslah maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membawa usul mengenai tindakan unilateral Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq pada hari ini. Inilah bukti keprihatinan beliau, keprihatinan negara Malaysia dan keprihatinan seluruh rakyat Malaysia terhadap soal kemanusiaan, keamanan dunia dan keselamatan sejagat. Saya berbangga dan mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana beliau rela mengorbankan sebahagian daripada tempoh percutian beliau untuk bersama-sama seluruh rakyat Malaysia [*Tepuk*] merakamkan kecaman kita terhadap apa yang sedang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya di Iraq menerusi Parlimen Malaysia pada hari ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, organisasi PBB dan Piagam PBB kini berusia 58 tahun. Malangnya, kedewasaan usia ini tidak pula mencerminkan kedewasaan pemikiran dan tindakan sesetengah pemimpin di kalangan beberapa anggota pelopornya. Sebab itulah Amerika Syarikat yang memainkan peranan penting di dalam mempelopori penggubalan Piagam PBB dan di dalam mempelopori penubuhan PBB, kini kelihatan seolah-olah tidak lagi menghormati seluruh *ideal* dan seluruh prinsip yang termaktub di dalam piagam berkenaan. Sebab itulah juga Amerika Syarikat dan sekutunya kini kelihatan seolah-olah tidak langsung menghormati PBB sebagai badan dunia yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan keamanan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah Amerika Syarikat dan sekutunya telah melancarkan peperangan ke atas Iraq mulai 20 Mac 2003. Serangan tersebut tidak direstui oleh PBB. Serangan tersebut adalah *aggression* yang tidak mempunyai *legitimacy* internasional. Adalah perbuatan yang mencanggahi Piagam PBB adalah perbuatan yang mencabul keluhuran undang-undang antarabangsa, adalah tindakan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip keselamatan, keamanan, kesaksamaan dan kemanusiaan sejagat.

Serangan tersebut membuktikan bahawa Amerika Syarikat dan sekutunya seolah-olah sengaja memperalatkan usaha memerangi terrosisme antarabangsa untuk menghalalkan cita-citanya mendominasi dunia dan untuk menghalalkan hasratnya menegakkan hegemoni politik, hegemoni ekonomi dan ketenteraannya, di beberapa wilayah yang strategik di dunia ini, termasuklah di Asia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata, serangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq adalah bukti bahawa Amerika Syarikat dan sekutunya adalah negara yang tidak menghormati *authority*, *credibility* dan *integrity* PBB, adalah negara yang tidak memelihara dan mempertahankan Piagam PBB, adalah negara yang tidak menjunjung keluhuran undang-undang antarabangsa dan tidak menghormati seluruh prinsip keselamatan, keamanan, kesaksamaan dan kemanusiaan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan ketenteraan secara *unilateral* dan tanpa restu PBB, seperti yang sedang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya di Iraq sekarang, adalah satu *trend* yang amat berbahaya, satu perkembangan yang amat berbahaya kepada *survival*, kesejahteraan, keselamatan dan keamanan dunia di masa akan datang. Perkembangan ini mestilah segera disekat dan diberhentikan. Kalau seluruh masyarakat antarabangsa membiarkannya merebak dan berterusan, dan kalau PBB tidak bertindak

tegas dan segera untuk memberhentikannya, perkembangan seperti ini pasti akan menjadi satu *precedent* yang amat merbahaya kepada *international relation* dan juga *international politic* di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sedemikian kerana peperangan yang kononnya, dengan izin, *to disarm Iraq, to free its people and to defend the world from grave danger* ini telah dilancarkan sewaktu Majlis Keselamatan PBB masih lagi di dalam proses menyelesaikan masalah di Iraq menerusi saluran diplomasi dan politik. Peperangan tersebut juga dilancarkan sewaktu pasukan penyiasat senjata UNMOVIC PBB masih lagi menjalankan kerja-kerja penyiasatannya di Iraq, selaras dengan peruntukan resolusi 1441 PBB yang diperjuangkan oleh Amerika Syarikat dan juga Britain.

Sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam usulnya sebentar tadi, tindakan ketenteraan Amerika Syarikat dan sekutunya di Iraq adalah satu tindakan *unilateral* yang tidak mempunyai sebab-sebab yang rasional sama sekali. Hakikat ini menjadikan sebilangan besar warga dunia sentiasa tertanya-tanya, apakah justifikasi sebenar Amerika Syarikat dan sekutunya menyerang Iraq?

Kalaulah '*untuk melucutkan senjata di Iraq*', bukankah tugas itu sedang dilaksanakan oleh UNMOVIC pimpinan Dr. Hans Blix dan Dr. Mohamad El-Baradei. Kalaulah untuk membebaskan rakyat Iraq, siapakah yang memberi mandat kepada Amerika Syarikat dan sekutunya untuk bertindak demikian. Kalaulah '*untuk mempertahankan dunia dari bahaya yang besar*', sejak bilakah Amerika Syarikat dan sekutunya menerima mandat dari warga dunia untuk menjalankan tugas-tugas tersebut dan apakah Amerika Syarikat dan sekutunya benar-benar yakin dan benar-benar mempunyai bukti yang jelas bahawa Iraq memang merupakan bahaya yang besar kepada dunia?

Oleh itu, apakah rasional? Apakah logik dan apakah justifikasi serangan tersebut? Kalaulah untuk memusnahkan dengan izin, *weapons of mass destruction*, yang kononnya dimiliki oleh Iraq, bukankah pasukan pemeriksa senjata PBB yang berada di Iraq dari tahun 1991 sehingga 1998, telah pun memusnahkan 817 daripada 819 peluru berpandu jarak sederhana, telah menghapuskan 14 pelancar peluru berpandu, telah menghapuskan 9 *trailer* dan telah menghapuskan 56 kawasan pelancar peluru berpandu.

Pasukan tersebut juga telah pun memusnahkan 73 dari 75 *chemical or biological warheads*, dengan izin, dan 163 *warheads* untuk senjata konvensional. Pasukan itu juga telah menyaksikan kemusnahan 88,000 peluru yang telah berisi kimia ataupun kelongsong peluru yang belum berisi kimia, telah pun melihat kemusnahan 600 tan *chemical weapon agents*, 4,000 tan kimia yang menjadi asas persenjataan serta 980 peralatan penting kepada pembinaan senjata kimia.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini diperakukan oleh Scott Ritter, iaitu ketua pasukan yang membuat pemeriksaan pada tahun 1991 hingga 1998 di dalam bukunya, *War On Iraq* terbitan 2002. Menurut Scott Ritter, dengan izin, *since 1998 Iraq has been fundamentally disarmed....*

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *Since 1998 Iraq has been fundamentally disarmed; 90 to 95%...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, minta penjelasan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Nanti dulu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat. Ya, sila duduk.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *90-95% of Iraq's weapons of mass destruction capability has been verifiably eliminated. This includes all of the factories used to produce chemical, biological and nuclear weapons and long-ranged ballistic missiles, the associated*

equipment of these factories, and the vast majority of the products coming out of these factories.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalaulah justifikasinya adalah kerana Iraq dan Presiden Saddam Hussein kononnya mempunyai pertalian dengan al-Qaeda ataupun Osama bin Laden, Scott Ritter menegaskan di dalam bukunya seperti berikut, "*this one is patently absurd... Osama bin Laden has a history of hating Saddam Hussein. He's called him...*" Osama memanggil Saddam. "*...an apostate, somebody who needs to be killed.*"

Tetapi kalau-kalaulah apa yang telah dihuraikan oleh Scott Ritter ditafsirkan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya sebagai fakta-fakta yang palsu, mengapakah Amerika Syarikat dan sekutunya tidak mempercayai kenyataan Dr. Blix dan Dr. El-Baradei yang telah pun memberitahu Majlis Keselamatan PBB baru-baru ini, bahawa Iraq tidak lagi mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan *weapons of mass destruction* dan adalah sukar untuk membabitkan Iraq dengan al-Qaeda.

Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja membangkitkan persoalan-persoalan ini untuk membuktikan bahawa serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq sekarang ini adalah satu tindakan yang *sinister* atau satu tindakan yang tidak telus dari segi niat dan matlamatnya. Sebab itulah majoriti komuniti dunia termasuk kita di Malaysia, termasuk jutaan rakyat di Amerika Syarikat, Britain dan Australia telah dan sedang mengecam dan mengutuk sekeras-kerasnya tindakan tersebut.

Contohnya, Dennis Kucinich, seorang Ahli Kongres Amerika Syarikat dari parti Demokrat yang diura-urakan akan menentang Presiden Bush pada tahun 2004, menyatakan pada hari Khamis lalu, bahawa peperangan Amerika Syarikat ke atas Iraq adalah mencanggahi Perlembagaan Amerika Syarikat dan juga melanggar undang-undang antarabangsa.

Sebab itulah beliau menyifatkan tarikh 20 Mac 2003 sebagai satu sejarah hitam kepada Amerika Syarikat, kepada komuniti antarabangsa dan juga kepada rakyat Iraq. Beliau juga menyatakan bahawa, "*Iraq does not pose an imminent threat to the United States or any of its neighboring nations. Iraq was not responsible for the terrorist attack of September 11.*"

Begitu juga dengan Robin Cook, ketua *House of Commons* di Britain, yang sanggup meletakkan jawatan kerana menentang pembabitkan Blair dan Britain di dalam peperangan di Iraq. Katanya, majoriti rakyat Britain menentang peperangan di Iraq kerana mereka tidak yakin Saddam Hussein, dengan izin, "*is a clear and present danger to Britain*". Beliau tidak yakin dan rakyat Britain tidak yakin. Katanya lagi, rakyat Britain juga menentang peperangan tersebut kerana dengan izin, "*they suspect that they are being pushed too quickly into conflict by a United States Administration with an agenda of its own.*"

Begitulah hakikatnya peperangan Amerika Syarikat ke atas Iraq. Serangan tersebut bukan untuk memusnahkan *weapons of mass destruction*, bukan untuk membebaskan rakyat Iraq dan bukannya untuk mempertahankan dunia kononnya dari bahaya yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, peperangan tersebut adalah satu malapetaka kemanusiaan, *human catastrophe*. Peperangan itu adalah satu manifestasi kerakusan kuasa. Peperangan itu adalah untuk mendera, menghukum dan kalau boleh, membunuh Presiden Saddam Hussein. Adalah untuk menakluki Iraq, adalah untuk membolehkan Amerika Syarikat dan sekutunya melaksanakan dasar neo-imperialisme masing-masing.

Peperangan itu adalah untuk membolehkan Amerika Syarikat dan Britain mempamer dan mengiklankan kepada dunia tentang kecanggihan persenjataan moden keluaran mereka, adalah untuk membolehkan syarikat-syarikat petroleum gergasi Amerika Syarikat dan Britain menguasai sepenuhnya sumber minyak di Asia Barat, adalah untuk menghantar *signal* kepada negara-negara yang tidak sehaluan dengan Amerika Syarikat bahawa kononnya hanya Amerika Syarikat sahaja tergagah di dunia ini, bahawa kononnya hanya Amerika Syarikat sahaja yang menjadi jaguh kemanusiaan dan kononnya bahawa hanya Amerika Syarikat sahajalah yang menjadi pejuang demokrasi.

Peperangan itu juga, adalah untuk mengherdik dan juga mengugut negara-negara kecil, miskin dan membangun di seluruh dunia supaya sentiasa tunduk, supaya sentiasa akur dan sentiasa menyokong Amerika Syarikat pada setiap masa.

Demikianlah di antara senarai agenda sulit dan motif sebenar yang tersirat di sebalik serangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq. Malangnya seluruh jentera propaganda Amerika Syarikat dan sekutunya cuba menafikan hakikat ini. Sebaliknya, mereka berbangga dengan peperangan tersebut. Mereka sentiasa memuji-muji kehebatan senjata yang digunakannya. Mereka seolah-olah meraikan satu pesta bunga api apabila mempamerkan dan melaporkan kehebatan bom-bom yang meledak di bumi Iraq pada setiap kali menjelang subuh ataupun menjelang maghrib.

Mereka langsung tidak peduli bahawa *smart bomb*, *precision bomb*, *daisy-cutter bomb* ataupun *microwave bomb* yang meledak itu sebenarnya mengandungi *depleted uranium* yang menjadi punca kepada malapetaka kemanusiaan dan alam sekitar yang amat bahaya.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya CNN dan BBC sentiasa berbangga untuk menghebahkan kepada dunia bahawa pada setiap minit terdapat sebutir bom yang telah diledakkan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas bumi Iraq dalam peperangan kali ini. Di Perang Teluk Pertama pada tahun 1991, Amerika Syarikat dan sekutunya telah meledakkan satu juta *rounds* bom berisi *depleted uranium*. Amerika Syarikat dan sekutunya juga telah meledakkan berjuta-juta pusingan bom di Perang Balkan pada 1999. Amerika Syarikat juga telah meledakkan berjuta-juta *rounds of modern bombs* di Perang Afghanistan pada tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan bom ini, sebagaimana saya katakan mengandungi *depleted uranium* yang amat membahayakan kesihatan umat manusia. Ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu, dia doktor. Baik *civilian* ataupun tentera. Ia menyebabkan masalah susah pernafasan, ia menyebabkan penyakit kanser, ia menyebabkan wujudnya berbagai-bagai penyakit kronik. Apa yang digelar sebagai *the Gulf War Syndrome*, *the Balkan War Syndrome* dan juga *the Afghanistan War Syndrome*. Kali ini ada *the Second Gulf War Syndrome*.

Beberapa kajian yang telah dijalankan kini membuat satu kesimpulan bahawa, jika *weapons of mass destruction* boleh menyebabkan kematian secara serta-merta, *depleted uranium* serta lain-lain logam persenjataan yang diklasifikasikan sebagai *weapons of indiscriminate effect* (WIE) pula boleh menyebabkan perebakan atau *contamination* radioaktif secara meluas dan berpanjangan.

Contamination ini boleh menyebabkan beberapa penyakit sebagaimana yang saya jelaskan tadi. Sebab itulah, contohnya, di Iraq beratus ribu anak-anak yang dilahirkan selepas Perang Teluk Pertama adalah anak yang cacat sedahsyat-dahsyatnya, dan sebab itulah ramai kalangan rakyat Iraq yang meninggal dunia selepas Perang Teluk Pertama adalah rakyat yang menghidap penyakit kanser.

Tuan Yang di-Pertua, inilah hakikat peperangan. Inilah bahananya dan inilah kesan persenjataan moden di dalam peperangan abad ke 20 dan abad ke 21 ini. Oleh itu PBB mestilah bertindak tegas untuk menyekat peperangan yang sedang berlaku di Iraq. PBB mestilah bertindak menerusi beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti yang akan saya huraikan:-

- (i) PBB hendaklah mengarahkan Amerika Syarikat supaya segera memberhentikan serangannya ke atas Iraq dan menarik balik seluruh bala tentera dan kelengkapan perangnya dari Wilayah Teluk dengan serta-merta;
- (ii) PBB hendaklah mengarahkan sekutu Amerika Syarikat, khususnya Britain dan Australia dan lain-lain negara yang dikatakan sedang menyokong Amerika Syarikat menyerang Iraq, supaya memberhentikan segera segala bentuk sokongan mereka dan menarik balik seluruh bala tentera serta kelengkapan perangnya dengan serta-merta;

- (iii) Kalau boleh, Presiden Bush dan juga Perdana Menteri Blair harus dipertimbangkan untuk dibawa ke mahkamah peperangan antarabangsa; [*Tepuk*]
- (iv) PBB hendaklah memberi mandat semula kepada UNMOVIC untuk meneruskan semula usaha-usaha penyiasatan senjata ke atas Iraq supaya negara tersebut tidak terus terbebas, akan dibebaskan dari tuduhan kononnya mempunyai WMD, dan kononnya menjadi ancaman kepada keselamatan sejagat;
- (v) PBB hendaklah membentuk satu jawatankuasa khas untuk mengkaji soal *terrorisme* secara komprehensif sebagaimana yang selalu disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, untuk mengkaji segala punca *terrorisme* dan untuk memperakukan pendekatan-pendekatan yang efektif untuk mengatasi soal *terrorisme*;
- (vi) PBB hendaklah membentuk satu jawatankuasa khas untuk mengemukakan satu definisi yang khusus mengenai *terrorisme* yang universal dan yang boleh diterima oleh seluruh masyarakat dunia. Usaha ini penting Tuan Yang di-Pertua dan perlu dilaksanakan segera kerana sejak dari tahun 1937 hingga ke hari ini PBB terus-menerus gagal di dalam usahanya mendefinisikan soal *terrorisme*. Ini kerana manipulasi oleh kuasa besar. Kerana mereka mahu mentafsirkan *terrorisme* menerusi persepsinya dan boleh menguntungkan diri sendiri. Oleh itu PBB mestilah mendefinisikan *terrorisme* dengan segera. Ia akan menyekat mana-mana pihak yang cuba memperalatkan usaha memerangi *terrorisme* antarabangsa sebagai satu peperangan untuk mewujudkan hegemoni politik, ekonomi dan ketenteraan di seluruh dunia. Dengan definisi ini juga rakyat Israel akan dituduh sebagai *terrorist* sementara rakyat Palestin adalah wira-wira yang mempertahankan tanahairnya. Kalau tidak, mereka dituduh sebagai *terrorists*. Kalau tidak, pejuang Moro di Selatan Filipina juga dituduh sebagai *terrorists*;
- (vii) PBB hendaklah membentuk satu jawatankuasa khas untuk mengkaji seluruh struktur PBB dan agensi-agensinya, termasuklah struktur dan keanggotaan majlis keselamatannya. Usaha untuk *revitalize* dan mereformasikan PBB seperti ini pastinya akan menjadikan pertubuhan dunia itu lebih relevan kepada tuntutan dunia abad ke 21, menjadikannya lebih efektif, lebih *reliable*, lebih perkara dan lebih berwibawa. Kalau tidak, keadaannya macam hari ini: Kofi Annan seolah-olah - dengan izin - seorang *lame duck* atau orang yang tidak ada kuasa. Dalam dua tiga hari ini, satu kenyataan yang tegas daripada PBB pun tidak ada mengenai peperangan ini;
- (viii) PBB hendaklah menjalankan kajian impak peperangan atau *war impact assessment* yang berlaku sejak tahun 1990. Saya cadangkan cut-off *date* adalah 1990 kerana mulai tahun 1990, kuasa barat mempamerkan senjata baru yang amat merbahaya kepada kesihatan umum, ke atas soal-soal kemanusiaan, soal-soal sosial, kesihatan umum dan kesejahteraan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, hanya menerusi langkah-langkah seperti inilah, pada pandangan saya, maka keselamatan dan keamanan dunia di hari muka, insya-Allah, akan dapat dipertahankan, dipelihara dan dijamin oleh PBB selaras dengan tuntutan undang-undang antarabangsa. Jika tidak, pastinya apa yang sedang berlaku di Iraq sekarang akan merebak dan berulang di lain-lain wilayah yang berdaulat dan merdeka di dunia ini. Jika ini terjadi, pastinya dunia akan menjadi *chaotic* dan penuh anarki. Komuniti dunia pula pada

ketika itu akan terus ditindas oleh mana-mana *superpower* yang dahaga dan kerakusan kuasa.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Malaysia akan terus memperjuangkan soal keamanan dan keselamatan dunia serta soal kemanusiaan sejagat dan kesaksamaannya sebagai fokus perjuangannya yang berterusan, baik menerusi NAM yang kini dipengerusikan oleh Malaysia, baik menerusi OIC yang akan dipengerusikan oleh Malaysia, baik menerusi ASEAN, Pertubuhan Komanwel, PBB ataupun lain-lain forum antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengutuk sekeras-kerasnya peperangan di Iraq dan saya menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yan.

12.21 tgh.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya bangun mewakili semua Ahli Yang Berhormat daripada PAS dan rakan-rakan parti pembangkang yang lain menyokong sepenuhnya usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *[Tepuk]* Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ada menyebut tentang *bomb shelter*. Tiga tahun lepas saya berada di Baghdad dan saya telah melihat sendiri salah satu daripada *bomb shelter* tersebut di Amiriyah dikenali sebagai malja' Al Amiriah ditinggalkan sampai ke hari ini daging manusia yang melekat di dinding, kulit manusia yang melekat di atap di bahagian atas bangunan tersebut, begitu juga dengan rambut manusia yang tidak dibuang, masih ditinggalkan sebagai satu pengajaran kepada siapa sahaja yang melihat ataupun yang melawat *bomb shelter* tersebut.

Kesannya amat menyayat hati, kesan peperangan *act of aggression* dalam serangan Amerika yang pertama dahulu ketika menyerang Baghdad ketika dalam Peperangan Teluk yang pertama dan kali ini mereka masuk pula dengan agenda kedua mereka iaitu kita juga akan dapat melihat nanti kesan yang mungkin lebih dahsyat sebab kemungkinan senjata canggih yang lebih akan digunakan ke atas rakyat Iraq. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak harus melupakan juga bahawa apa yang berlaku di Iraq ini dengan agenda antarabangsa musuh yang dikenali sebagai Yahudi kerana Iraq ataupun Baghdad secara khususnya termasuk dalam agenda Yahudi yang dikenali sebagai *The Greater Israel*.

Kita boleh tengok bendera Yahudi, Israel ada *Star of David* di tengah-tengah, kemudian ada dua *line* biru yang melingkungi *Star of David* tersebut. Line biru di atas itu melambangkan Sungai Nil, manakala *line* biru yang di bawahnya pula melambangkan Sungai Euphrates (*Furat*) dan sungai ini letaknya betul-betul *across* bandar Baghdad. Ini adalah merupakan sebahagian daripada agenda Yahudi antarabangsa dengan menggunakan Amerika yang sudah tentulah merupakan juga sekutunya yang utama untuk melaksanakan cita-cita mereka, akidah mereka kepercayaan mereka untuk mengambil sebahagian besar daripada bahagian tanah Arab tersebut untuk dijadikan *The Greater Israel*.

Jadi, kita tidak harus melupakan juga penderitaan yang dihadapi oleh rakyat Palestin, penderitaan yang dihadapi sistem yang ada di Palestin sekarang ini dengan keganasan dan kekerasan dan juga *acts of aggression* yang dilaksanakan oleh rejim Yahudi ke atas rakyat Palestin. Tuan Yang di-Pertua, peperangan yang dilancarkan tanpa mendapat mandat badan dunia PBB ini adalah satu jenayah antarabangsa yang serius yang melanggar piagam PBB.

Masyarakat antarabangsa dan majoriti negara dunia telah menyatakan bantahan ke atas peperangan ini termasuk NAM, OIC dan liga Arab, termasuk sidang penuh PBB. Jika manusia berdiam kali ini, maka percayalah bahawa kuasa besar dunia ini akan berterusan menggunakan kekuasaan mereka menindas negara-negara lemah dan kecil. Jika sekarang Iraq yang menderita, apa yang boleh menghalang selepas ini Iran, Yaman, Sudan, Syria, malah Malaysia sendiri akan termasuk senarai sasaran Amerika Syarikat ini.

Kita meragui agenda besar Amerika Syarikat apabila melihat kepada tindakannya berdolak dalih apabila mulanya mereka bercakap mengenai senjata pemusnah dan kini beralih kepada perubahan rejim di Iraq.

Sebenarnya tujuannya kelihatan untuk bertapak di kawasan Asia Barat! Minyak menjadi agenda utama mereka! Untuk menguasai sebahagian kekayaan di sana di samping mahu menguasai pemikiran negara umat Islam di sekitar rantau ini Amerika Syarikat melakukan *double standard* yang amat memalukan. Merekalah sebenarnya yang mempunyai senjata pemusnah dan senjata nuklear yang paling besar, negara zalim seperti Israel yang mempunyai senjata pemusnah tidak pernah diambil tindakan. Sejarah menunjukkan bahawa satu-satunya negara yang menggunakan senjata nuklear dalam perang ialah Amerika Syarikat.

PBB pun nampaknya tidak mempunyai sangat untuk mengendalikan isu senjata pemusnah yang dipunyai oleh Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya. Jika benar Amerika Syarikat mahu membawa demokrasi kepada Iraq, ini juga adalah *double standard* dan hipokrisi yang amat ketara, kerana pada masa yang sama Amerika Syarikat bersekongkol dengan banyak negara yang tidak mengamalkan demokrasi, malah cukup zalim kepada rakyat mereka. Namun Amerika Syarikat bertoleransi dalam hal ini dan bolehkah kita menerima objektif Amerika Syarikat di Iraq dalam hal ini.

Serangan telah bermula, kerosakan dan kemalangan jiwa di kedua-dua belah pihak semakin meningkat, sama ada di kalangan tentera mahupun orang awam. Kerosakan - dengan izin - *the Islamic cradle of civilization* yakni Baghdad semakin teruk. Kita tidak sanggup melihat bumi umat Islam hancur dan rakyatnya hapus dari muka bumi ini. Kita kecewa dengan beberapa buah negara yang tidak ada kena-mengena dengan rantau berkenaan turut ikut serta dan sebahagiannya menyokong serangan ini.

Sikap suka berperang negara tersebut termasuk sebuah negara menjadi jiran terdekat kita amat menggusarkan, bukan kerana kita takut tetapi kerana ini akan mengancam keamanan rantau ini. Nampaknya Amerika Syarikat tidak mepedulikan bantahan dunia. Mereka menganggap mereka mempunyai autonomi sendiri untuk melakukan apa sahaja ke atas mana-mana pihak yang tidak disukainya. Tindakan ini telah menjejaskan secara serius kredibiliti Bangsa-bangsa Bersatu, menjadikan ia sekadar badan yang menguruskan bantuan kemanusiaan yang sebenarnya boleh dimainkan oleh NGO seluruh dunia. Kita memerlukan PBB lebih dari sebuah badan kemanusiaan. Kita mahu PBB menjadi pengawas keselamatan dunia. Jika, pada saat kritikal ini PBB masih gagal melaksanakan tugasnya ia akan menerima nasib seperti *League of Nations* yang sudah berkubur.

Sebagai pengerusi NAM inilah masanya NAM mengambil langkah-langkah konkrit menangani masalah kritikal dunia ini. Suara 116 negara dunia ini walaupun dikelaskan sebagai negara membangun, mesti disatukan sebagai satu kelompok kuasa dunia bagi menyayangi kuasa Amerika Syarikat. Resolusi NAM tempoh hari sudah cukup baik tetapi kita mahu keberkesanan tindakannya.

Inilah masanya NAM menjadi lebih praktikal, NAM harus menggunakan sentimen dunia yang marah dengan perang yang sudah bermula. OIC juga tidak boleh bersikap pasif. Perpecahan negara umat Islam yang mana sebahagiannya seperti Arab Saudi, Kuwait, Qatar, Turki dan lain-lain menjadi tempat melancarkan serangan ke atas Iraq adalah sikap hipokrit yang cukup memalukan.

Malaysia harus mengambil pendirian yang lebih tegas mengajak negara-negara OIC bersedia menggunakan apa sahaja kekuatan yang ada padanya untuk mengajar Amerika Syarikat daripada terus berleluasa memporak-perandakan negara-negara umat Islam. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, kami ingin mencadangkan supaya:

Yang pertama, PBB dan Majlis Keselamatan segera bersidang untuk membuat resolusi memberhentikan perang ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat dan sekutu biarlah sesuai dengan tuntutan dunia seperti yang kita lihat melalui demonstrasi seluruh dunia sama ada di Amerika, sama ada di London, sama ada di Paris, termasuklah di Kuala Lumpur walaupun dua minggu lepas, kami tidak dapat sampai ke depan kedutaan. Hanya disekat di sebahagian jalan, hanya perwakilan seramai lapan orang sahaja yang dibenarkan

masuk. Insya-Allah, kita akan menganjurkan satu lagi. Kali ini, minta biar sampai dapat, sampai ke depan kedutaan, Insya-Allah, suara global ini perlu didengar oleh penjenayah perang ini.

Yang kedua, pasukan pemeriksa senjata PBB mesti dihantar semula ke Iraq untuk menyelesaikan kerjanya yang tergendala. Kita sebenarnya hairan kenapa Setiausaha Agung PBB terlalu tergesa-gesa mengeluarkan pasukan ini.

Yang ketiga, kita mahu supaya Malaysia bertindak tegas menolak sebarang kerjasama ketenteraan dengan Amerika Syarikat sama ada dalam bentuk latihan, penubuhan pusat latihan keganasan dan bantuan kewangan yang boleh mengongkong kita. [Tepuk] Jangan pula kita dikatakan mengamalkan *double-standard* dalam hal ini.

Yang keempat, kita mencadangkan agar menggesa negara-negara anggota tetap PBB iaitu Perancis, China dan Rusia mengimbangi kuasa Amerika Syarikat dan Britain bagi menjamin orde baru dunia lebih seimbang.

Yang kelima, seperti mana yang telah dicadangkan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suatu ketika dahulu, kami mencadangkan supaya digunakan senjata minyak ke atas Amerika Syarikat dan sekutunya bagi menghukum mereka ke atas jenayah terhadap rakyat yang tidak berdosa.

Yang ketujuh, mengkaji tindakan memboikot barangan Amerika dan sekutu. Suatu ketika dahulu pernah kita dicadangkan dengan '*Buy British Last*'. Kita hendak cadangkan supaya '*Stop Buying British Now*'. Selain daripada boikot barangan Amerika, barang British juga mesti diboikot untuk menunjukkan sokongan kita sekali lagi kepada rakyat Iraq yang tidak berdosa.

Yang kelapan, segera menghantar laporan kemanusiaan kepada Iraq. Dalam hal ini, PAS telah pun mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa khas untuk mengumpul bantuan kemanusiaan dalam bentuk sukarelawan-sukarelawan perubatan yang akan kami hantar dalam tempoh masa tidak lama lagi. Begitu juga sebuah tabung khas telah kami tubuhkan untuk membolehkan sesiapa sahaja yang ingin memberikan bantuan kepada rakyat Iraq dalam bentuk kemanusiaan ini boleh berbuat demikian dan ianya akan tetap kami lakukan dalam tempoh masa yang terdekat.

Kami juga tidak ketinggalan turut sama menyertai seluruh dunia menyatakan sokongan kita secara terbuka kepada apa yang dilakukan ke atas rakyat Iraq. Di Kelantan contohnya pada 21 Mac baru-baru ini, telah diadakan satu demonstrasi yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan. Pada 22 Mac baru-baru ini, kita telah mengadakan Larian Aman di Kota Bharu yang diketuai oleh Menteri Besar Kelantan. Kita juga telah mengadakan majlis kutipan derma dan sebagainya.

Yang kesepuluh, saya ingin mencadangkan supaya Malaysia melancarkan *World Children Fund* untuk membantu khasnya kanak-kanak yang menjadi mangsa seperti mana yang telah saya sebutkan tadi. Saya telah lihat sendiri malja' Al Amiriah. Kita telah lihat sendiri hospital di Baghdad. Kita telah lihat sendiri kilang susu yang dibom oleh Amerika, yang paling teruk menderita dalam Peperangan Teluk yang pertama dan yang juga akan turut menderita dalam peperangan yang kedua ini iaitu serangan Amerika terhadap Iraq ini adalah kanak-kanak.

Jadi, kita mencadangkan supaya satu *World Children Fund* yang dilancarkan oleh Malaysia, yang Malaysia menjadi pendukung utama kepada *fund* ini bagi membolehkan kita sekali lagi memberikan bantuan dalam bentuk yang mampu kita lakukan. Mungkin kita tidaklah mampu untuk melakukan atau memberikan bantuan dalam bentuk-bentuk yang lain tetapi saya rasa tidak ada kurangnya dan tidak ada cacatnya kita mengadakan *World Children Fund* ini bagi membolehkan kanak-kanak di Iraq menerima sedikit bantuan daripada rakyat Malaysia untuk menunjukkan *solidarity* kita bersama dengan mereka.

Saya dengan ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, menyokong sekali lagi sepenuhnya usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupar.

12.35 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak parti PBB Sarawak ingin merakamkan perasaan sedih dan pilu yang tidak terhingga kerana kemusnahan dan pembunuhan yang berlaku di negeri Iraq oleh Amerika yang disokong oleh United Kingdom dan rakan sekutu mereka Australia dan Sepanyol. Penyerangan Amerika Syarikat ke atas Iraq ini telah mendatangkan satu kesan yang amat jauh kepada masyarakat dunia. Bahkan, banyak pandangan dunia termasuk pendirian masyarakat dan penduduk Amerika itu sendiri menentang tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh kerajaan mereka. Dari sudut dasar konvensyen dan politik dunia, penyerangan ini telah mengakibatkan memberi kesan pemusnahan amalan dunia begitu panjang sekali.

Yang pertama, dengan menyerang Iraq, Amerika, United Kingdom dan Australia telah memusnahkan usaha-usaha negara ahli Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengelak dan memberhentikan peperangan dengan secara mengelakkan kekerasan dengan menggunakan kuasa tentera. Ini kerana dalam masa 50 tahun selepas Perang Dunia Kedua, PBB dengan Piagam PBB, dengan wujudnya Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditubuh oleh pihak Amerika dan British bersama telah merealisasikan satu cara baru, orde baru dunia iaitu mendatangkan kewaspadaan untuk mengatasi masalah-masalah dunia.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Kubang Kerian, hendak beri jalan?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduk dulu, peluang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau boleh, oleh kerana ini adalah *gesture of solidarity*, kita tidak perlukan panjang-panjang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, itu tidak kiralah itu Yang Berhormat. Teruskan. Sebab kita putuskan, buat permulaannya tidak ada had masa lagi. Kemudian, kalau ada had masa, kita akan had. Sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan kewaspadaan negara-negara ahli Bangsa-Bangsa Bersatu, mendatangkan satu keadaan iaitu meredakan keadaan perselisihan faham di antara negara-negara di dunia selepas dan semasa Perang Dingin.

Yang kedua, serangan Amerika dan United Kingdom ini terhadap negara Iraq juga tidak ada mempunyai satu justifikasi yang sebenarnya. Banyak bukti yang telah ditunjukkan adalah tidak benar. Bahkan, ada bukti yang ditunjukkan oleh negara Amerika adalah *fabricated evidence* semata-mata. Pembohongan pihak Amerika untuk menakluk Iraq ataupun menyerang Iraq ini telah diketahui oleh masyarakat antarabangsa dan diketahui masyarakat di Amerika itu sendiri. Ternyata sekali, *pre-emptive strike* yang dibuat ke atas Iraq oleh negara Amerika, United Kingdom dan Australia ini adalah satu tindakan yang mencabul kedaulatan negara Iraq itu sendiri bahkan telah mencabul kedaulatan, kemahuan rakyat sejagat.

Kalau tindakan *pre-emptive strike* ini adalah tujuan untuk menyelamatkan negara Israel yang disayangi, dikasihi oleh Amerika itu, tetapi ini adalah bukan caranya. Cara yang terbaik sekali ialah untuk mengatasi masalah Israel yang telah menjadi satu masalah kepada semua umat Islam di dunia ini. Jikalau benarlah Amerika dan United Kingdom hendak menyelesaikan masalah ini, inilah yang dikatakan *root cause of terrorism* di dunia ini, patutlah diatasi dengan seberapa segera. Strategi ini akan mendatangkan kesan yang lebih baik dan lebih murni untuk pihak Amerika dan United Kingdom.

Negara Palestine mesti dibela. Negara Palestine mesti diselesaikan masalahnya dengan segera oleh semua masyarakat di dunia ini terutama negara-negara yang berkuasa besar supaya umat Islam di seluruh dunia tidak merasa mereka sendiri tersingkir, terpinggir dan dipisahkan oleh masyarakat antarabangsa.

Yang ketiga, tindakan Amerika dan sekutunya untuk menyerang Iraq adalah bertentangan dengan *the Code of International Conduct* untuk *civilized nation*. Ternyata sekali United Kingdom dan negara-negara sekutunya tidak boleh lagi menuntut bahawa mereka ini adalah negara yang *civilized*. Mereka ini telah membawa kita ke zaman batu, telah melupakan undang-undang, melupakan piagam Bangsa-Bangsa Bersatu yang mereka sendiri telah tubuhkan.

Dengan menyerang negara Iraq, Amerika, United Kingdom telah meletakkan diri mereka sebagai polis kejam dunia, bukan polis biasa. Polis biasa menyelamatkan orang, tetapi Amerika, United Kingdom ini ialah polis yang kejam. Mereka telah menunjukkan bahawa mereka sendiri ialah satu diktator, mereka sendiri menjadi pendakwa, menjadi polis, menjadi hakim dan selepas itu menggantung orang yang dikatakan telah melakukan satu kesalahan.

Ternyata Amerika Syarikat, Britain dan sekutunya telah mengetepikan United Nations dan piagamnya. Telah mengetepikan suara-suara ramai dan rasmi daripada negara-negara ahli United Nations. Telah mengetepikan suara masyarakat umum dunia termasuk penduduk dan rakyat mereka sendiri. Pada masa sekarang, kita harus bertanya siapakah *axis of evil*? Adakah *axis of evil* ini Iraq, Iran dan North Korea ataupun Amerika, United Kingdom dan Australiakah? Kita sendiri melihat siapa menyerang siapa pada masa sekarang.

Ternyata sekali sejarah juga membuktikan bahawa Amerika adalah negara yang pertama menggunakan atom bom untuk memusnahkan *humanity* dan pada hari ini, Amerika sekali lagi untuk memusnahkan Iraq dan kita tahu sekutu Amerika iaitu Israel kalau dibaca buku *The Samson Option*, tidak teragak-agak menggunakan bom atom untuk memusnahkan siapa sahaja yang mendatangkan kemudaratan kepada mereka.

Dengan keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, parti PBB berasa bersedih dan bersimpati kepada rakyat Iraq yang telah dibom dan dimusnahkan. Parti PBB berasa sedih dan bersimpati atas kemusnahan negara Iraq. Parti kami bersedih kerana penyerangan ini akan mendatangkan kesan jangka panjang kepada pemikiran dan pandangan umat Islam dunia untuk mewujudkan satu *precedent* yang amat bahaya sekali kepada masyarakat sejagat.

Parti kami bersama dengan Barisan Nasional mengutuk tindakan Amerika, United Kingdom, Australia kerana memusnahkan masyarakat Iraq dengan sebab-sebab yang tidak tentu ketara buktinya. Dengan itu juga, parti kami menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kami yang telah kembali daripada bercuti dan bersama dengan rakyat Malaysia untuk mengutuk serangan Amerika ini, mengutuk serangan United Kingdom dan Australia ini kepada mereka yang tidak mampu untuk mempertahankan mereka sendiri. Saya bagi Ahli Parlimen Barisan Nasional menyeru rakyat, masyarakat dunia, masyarakat Amerika, Britain dan Australia supaya bangkitlah menentang kezaliman dan keganasan negara mereka ini yang tidak berperikemanusiaan kepada masyarakat di negara yang tidak berupaya untuk mempertahankan mereka sendiri.

Dengan kata-kata yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak parti kami menyokong Usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Kota Bharu.

12.45 tgh.

Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri kali ini untuk menyokong pendirian dan cadangan yang dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia seperti mana yang telah dibaca sebentar tadi. Pertama, untuk menggesa Amerika

Syarikat menghentikan semua serangannya ke atas Iraq dan mendesak Bangsa-Bangsa Bersatu menggunakan kuasanya untuk menghentikan serangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah surat khabar daripada suara rasmi Rusia semalam memutuskan bahawa Rusia mengecam dengan sekeras-kerasnya tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq. Berikutan dengan itu juga, Ali Khomeini dari Iran juga mengecam, termasuk Sheikh Amru Attif Khomeini, seorang pemimpin Syiah dari Iraq dan diikuti dengan Pope John Paul, negara-negara NAM dan OIC. Kesemua ini adalah negara-negara yang mengecam keputusan dan tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq tetapi malangnya, oleh kerana Amerika Syarikat sekarang ini ialah sebuah negara yang maju dan kuat, dikuasai oleh seorang pemimpin yang terkenal dengan sikap angkuh, bongkak, sombong, degil dan keras kepala. Ini adalah merupakan ciri-ciri diktator dunia moden hari ini yang mesti dikutuk oleh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya walaupun dari parti KeADILan ini banyak perkara yang kita tidak bersama dengan Perdana Menteri Malaysia tetapi kali kita menyokong Perdana Menteri Malaysia... *[Tepuk]* Ini kerana... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terus Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Sabar, sabar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pandang ke mari Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Ada yang kacau, Tuan Yang di-Pertua. Kerana sikap Presiden Amerika Syarikat yang tidak lagi menghormati prinsip-prinsip yang dirangkanya sendiri.

Saya merujuk kepada Konvensyen Geneva tahun 1949 yang menetapkan bahawa tidak boleh mana-mana negara untuk menyerang negara lain tanpa mendapat kelulusan PBB tetapi nampaknya Amerika dalam soal ini tidak lagi menghormati prinsip yang dirangkanya sendiri. Oleh sebab itu, tepatlah seperti mana yang disebut oleh Perdana Menteri Malaysia dan juga Pengerusi NAM dan akan memimpin OIC nanti bahawa sikap ini mesti dikutuk dengan sekeras-kerasnya oleh kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, di antara pengajaran yang kita peroleh daripada peristiwa ini ialah pertama sekali bahawa prinsip ini seperti yang dilaungkan oleh prinsip demokrasi, toleransi, tolak ansur, kemanusiaan, nampaknya tidak dihormati oleh negara-negara dunia. Yang penting ialah mempertahankan kuasanya sendiri. Sebab itu kita nampak Amerika Syarikat hari ini tidak lagi menghormati dan mengetepikan seluruh pandangan-pandangan dunia termasuk rakyatnya sendiri. Ini merupakan satu keangkuhan, sombong dan bongkak Presiden Amerika Syarikat untuk menghentam Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, sikap ini adalah tidak adil. Selepas Iraq telah diarahkan melucutkan semua senjatanya dan memusnahkan semua senjatanya sehingga Iraq tidak mempunyai apa-apa kekuatan untuk mempertahankan diri. Selepas Iraq tidak mempunyai kekuatan untuk mempertahankan diri, Amerika Syarikat, Britain, Sepanyol Iraq tanpa belas kasihan. Ini samalah seperti kita mengikat tangan, menutup mata, kemudian menghentam sampai mati. Ini adalah satu cara dan kaedah yang tidak menghormati prinsip-prinsip kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, saya berdiri pada hari ini dalam Dewan yang mulia ini bersama-sama dengan Kerajaan Malaysia untuk menyokong, yang pertama, mengecam keputusan Amerika Syarikat menyerang Iraq dan mendesak Amerika Syarikat menghentikan serangan ke atas Iraq serta-merta dan seterusnya memutuskan Malaysia bekerjasama dengan negara-negara NAM dan OIC serta dengan negara-negara lain yang bersama dengan kita. Kita merayu masyarakat antarabangsa supaya membantu Iraq serta merta, menubuhkan pasukan kemanusiaan, ubat-ubatan, makanan dan seluruhnya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh bangsa Iraq yang mengalami kesusahan pada masa ini serta menyampaikan resolusi ini kepada Bangsa-Bangsa Bersatu dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa apa yang berlaku kepada Amerika dan Iraq sekarang ini membuktikan kepada kita bahawa teori-teori, rumusan yang dibuat oleh penulis-penulis politik dunia hari ini tidak boleh dipakai sama sekali. Kita telah baca tulisan Lista Taro misalnya, tulisan-tulisan Huntington, Shintaro Isihara dan beberapa ramai lagi penulis-penulis politik antarabangsa yang menjadi idola kepada Perdana Menteri Malaysia kita pada ini, kesemuanya tidak boleh dipakai. Akhirnya, kita dapati bahawa dunia dimusnahkan oleh seorang pemimpin diktator Amerika Syarikat yang menguasai segala-galanya yang tidak dikuasai oleh bangsa-bangsa lain.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, sesuaiilah pada hari ini, saya menyokong Perdana Menteri Malaysia untuk mengutuk serangan Amerika ke atas Iraq. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya saya bagi Sri Gading dahulu. Kalau boleh cubalah perkara-perkara yang belum disentuh.

12.53 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah antara jutaan manusia di dunia ini yang berasa sedih, marah dan kecewa dengan serangan biadab lagi tidak bermaruah Amerika dan konco-konconya terhadap Iraq. Oleh yang demikian, saya mengucap terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, peperangan ialah pembunuhan, peperangan ialah kemusnahan, peperangan adalah kezaliman, peperangan adalah kebinasaan. Peperangan di zaman moden ini tidak ada yang kalah kerana yang ada ialah kemusnahan. Peperangan di zaman moden ini tidak ada kemenangan kerana yang ada ialah kezaliman. Menang jadi arang, kalah jadi abu. Seluruh dunia yang cinta kedamaian, yang cinta keamanan mengutuk serangan Amerika dan konco-konconya ke atas Iraq. Amerika dan konco-konconya harus menerima kutukan ini. Kutukan ini sebenarnya ialah suatu jenis penghinaan yang sangat keji yang telah memusnahkan peradaban, ketamadunan serta menurunkan darjat kemanusiaan Amerika ke tahap yang serendah-rendahnya.

Jelaslah sekarang bahawa Amerika bukan juara kebebasan, kerana ianya penindas. Jelas sekarang bahawa Amerika bukan juara kemanusiaan kerana ianya raja kezaliman. Jelaslah sekarang bahawa Amerika bukan juara demokrasi kerana ianya adalah penjenayah. Bush bukanlah seorang presiden yang boleh membanggakan negaranya. Bush ialah seorang penjenayah perang yang membawa peperangan haram di bumi merdeka negara Iraq. Bush sebenarnya ialah syaitan yang tidak layak digelar manusia. Bush dan Blair adalah pondan, bacul dan pengecut yang berani menyerang Iraq setelah Iraq runtuh hasil sekatan ekonomi oleh Bangsa-Bangsa Bersatu selama lebih 12 tahun.

Serangan Amerika ini samalah seperti pergaduhan antara dua orang, di mana seorang darinya telah diikat kaki dan tangan dan yang seorang lagi bebas dengan kelengkapan senjata yang cukup lengkap. Suatu peperangan yang tidak adil, peperangan yang menzahirkan kejahatan Bush yang sampai ke peringkat kebinatangan yang sangat kejam. Kebinatangan dan kekejaman Bush menyebabkan keruntuhan moral negara Amerika hari ini, menimbulkan kesengsaraan yang amat sangat kepada rakyat awam Iraq yang tidak berdosa. Kematian, kecederaan, jeritan kesakitan dan berbagai-bagai peristiwa sedih dan penderitaan yang harus mereka terima. Dan kemungkinan keruntuhan rumah, kemusnahan harta benda, kebuluran, penyakit dan seribu satu kesan akibat kegilaan manusia gila yang sepatutnya tidak ada di abad yang ke-21 ini.

Konon Bush menuduh Iraq mempunyai senjata pemusnah, walaupun Bush gagal membuktikannya, namun tuduhan itu terus ditegakkan olehnya. Bush cuba meyakinkan dunia dengan tuduhannya itu tetapi yang nyata ialah Amerikalah yang mempunyai senjata pemusnah yang sekarang sedang memusnahkan Iraq dan rakyatnya yang tidak berdosa. Sesungguhnya, Bush adalah penjenayah, penganas yang kejam, penceroboh yang tidak bermoral dan sepatutnya dunia menghadapkan penjenayah perang ini ke muka pengadilan dan mahkamah dunia.

Hampir 200 tahun dunia kagum dengan beberapa Presiden Amerika yang berwibawa, yang menjadi kebanggaan negara dan rakyat Amerika, yang menjadi wira dan idola kepada masyarakat dunia. Namun keharuman maruah dan martabat barisan Presiden Amerika ini dimalukan oleh Bush. Mungkin jika barisan Presiden Amerika yang dibanggakan oleh negara dan rakyat Amerika boleh bangkit hidup kembali, mereka beramai-ramai akan meludah muka Bush kerana Bush telah mencederakan maruah dan nama baik serta martabat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya menyeru seluruh dunia khususnya Bangsa-Bangsa Bersatu bangunlah dengan berani untuk menyelamatkan rakyat Iraq yang tidak berdosa, hentikanlah pencerobohan Amerika ini kerana peperangan sebenarnya bukan dosa dan kesalahan Iraq. Peperangan ini sebenarnya peperangan memuaskan nafsu syaitan Bush, peperangan peribadi Bush yang dendam kesumat yang dirangsang oleh kegelojohan dan ketamakan peribadinya.

Bangsa-Bangsa Bersatu yang menjadi benteng dan harapan negara-negara di dunia, tegakkanlah keadilan kerana dunia mahukan kedamaian dan keamanan. Saya suka melahirkan perasaan hormat kepada seluruh warga dunia yang menentang peperangan haram ini. Dan rasa hormat ini adalah istimewa saya tujukan kepada warganegara Amerika, Britain dan Australia yang bersama-sama dengan seluruh negara di dunia menentang kezaliman, penindasan dan peperangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bandau.

12.58 tgh.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang bagi pihak kami turut menyuarakan sokongan padu kepada usul yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, usul yang mengutuk tindakan Amerika Syarikat yang telah pun menyerang, yang telah pun memulakan proses untuk memusnahkan negara Iraq. Kita sekali lagi mengatakan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana walaupun dalam keadaan cuti, mengambil berat perkara ini sambil kembali ke Dewan yang mulia ini untuk terus membentangkan usul yang begitu penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kami juga awal-awal dalam masa perbahasan Usul Menjunjung Kasih telah pun mencatat pandangan kita di Dewan yang mulia ini mengenai perkara ini. Saya antara yang berucap pada akhirnya dalam susunan membahaskan Usul Menjunjung Kasih itu telah pun mengutarakan ketetapan pihak parti kami, Parti Bersatu Sabah bahawa pihak Amerika Syarikat ini satu negara yang kejam, satu negara yang tidak bertanggungjawab, satu negara yang pada keseluruhannya begitu ketara sekali...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat boleh sambung petang ini.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Begitu ketara sekali bukan mahu mengutamakan perdamaian tetapi membawa kemusnahan dan peperangan. Saya akan sambung. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sambung pada petang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan pada jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat daripada kawasan Bandau boleh menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi, dalam ucapan saya, saya telah menekankan bahawa tindakan Amerika Syarikat memerangi Iraq ialah tindakan yang kejam, bersifat pengganas, pemusnah, penderhaka kepada tiang matlamat PBB iaitu sebenarnya menegak dan melindungi damai dan keselamatan dunia.

Sebenarnya dalam akhir ucapan pada 19 Mac di Dewan yang mulia ini, saya tutup ucapan itu mengatakan, "*Amerika Syarikat jangan, jangan, jangan serang Iraq.*" Tetapi nampaknya kita begitu sedih sekali kerana walaupun kita ikut suara Dewan di sini dan semua rakan seperjuangan, juga suara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepimpinan negara, untuk merayu jangan serang bersama dengan suara dunia, Amerika Syarikat terus juga dengan tindakan yang kejam itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara utama di dalam PBB, ini adalah tindakan Amerika Syarikat yang membawa kesan buruk kepada Kesatuan PBB dan kesan negatif yang akan berterusan di masa akan datang.

Dengan tindakan *unilateral* melalui *so called*, dengan izin, *to empty poor*, Amerika Syarikat dan rakan-rakannya telah merobohkan *pillar*, dengan izin, dan falsafah tujuan dan tujuan PBB sebagai penegak dan pelindung damai di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, rakan-rakan seperjuangan yang telah berucap sebelum ini, perang tidak menguntungkan mana-mana pihak, perang merugikan, memusnahkan, semua pihak, memanglah perang bagi Amerika Syarikat ke atas Iraq ini sebenarnya bukan perang, ia adalah serangan memusnahkan negara Iraq untuk kepentingan politik dan ekonomi Amerika Syarikat serta rakan-rakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu amat terharu dengan apa yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau membentangkan Usul pagi tadi, yang mana beliau telah menekankan bahawa peperangan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat ke atas Iraq adalah bukan peperangan agama, ia bukan peperangan di antara orang-orang Kristian dan orang-orang Islam, ia bukan perang salib, penyertaan dan perkenan yang telah pun dikemukakan oleh semua ketua agama Kristian di seluruh dunia, seperti Pope, seperti Archbishop of Canterbury, seperti ketua-ketua gereja di serata dunia yang mengutuk tindakan Amerika Syarikat ini mencerminkan bahawa perang yang berlaku di Iraq, yang dilakukan oleh Amerika Syarikat ini bukan perang agama, semua rakyat di seluruh dunia tidak mengira latar belakang agama mengutuk tindakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dan saya sebagai seorang Kristian juga turut mengutuk tindakan ini kerana tindakan ini yang dilakukan oleh Amerika Syarikat yang saya katakan tadi, adalah peperangan yang bertentangan dengan ajaran Tuhan yang cintakan damai, perpaduan, kesatuan dan kasih murni di kalangan sesama manusia.

Perang di Iraq oleh Amerika Syarikat ialah perang tamak kuasa. Perang gila kuasa. Perang tindakan pembunuhan yang dilakukan oleh pihak negara Amerika Syarikat dan rakan-rakannya dan konco-konconya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat liputan di dalam televisyen antarabangsa, di mana kita melihat senjata-senjata yang canggih dan termoden digunakan, maka memang kita begitu sedih sekali, kerana ini seolah-olah bagi Amerika Syarikat dan konco-konconya, dengan izin, *nothing more - peace of the most modern armoury in a killing field of innocent people.*

Dan di dalam soal ini, memanglah siapa yang untung, tidak ada yang untung kecuali industri-industri pembinaan *armoury*, pembina senjata-senjata di negara-negara yang telah maju kerana industri-industri pembina alat-alat *military* di negara-negara yang sudah maju ini yang akan menikmati keuntungan, dengan sekali lagi penjualan alat-alat marin yang mereka cipta dan seterusnya pembinaan sekali lagi alat-alat yang mereka gunakan di dalam proses pembunuhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita katakan tadi juga seperti mana yang telah disentuh, kepentingan Amerika Syarikat dari segi ekonomi dalam peperangan ini begitu ketara sekali, belum pun perang dimulakan, Amerika Syarikat telah menamakan syarikat-syarikat yang

akan digunakan kononnya untuk membina kembali Iraq, ini satu tindakan yang bukan sahaja kejam, tetapi, dengan izin, *nothing less than total bigotry* dan dari segi tamak ekonomi dan tamak kuasa untuk kepentingan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu, kita menyokong penuh Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan sekali kita turut untuk merayu supaya komuniti bukan sahaja Dewan yang mulia ini, di negara kita, bahkan di seluruh dunia termasuklah di negara-negara di mana seperti yang negara mereka telah menyertai di dalam perang ini supaya orang biasa, *ordinary people* yang keluar untuk membantah, bersama-sama dengan suara kita bersama, merayu supaya Amerika Syarikat dan konco-konconya menghentikan perang ini serta-merta. Kepada Amerika Syarikat, *stop it, stop it, stop it, you are killing innocent people including your own children*. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berhasratlah supaya perbahasan ini dapat diberhentikan pada pukul 3.30 petang, bagi membolehkan pihak kerajaan menggulung, dan saya mintalah setiap yang diberi peluang jangan berucap lebih daripada sepuluh minit dan sebelum saya memberi peluang untuk Kota Melaka berucap, oleh kerana ada Usul, jadi Yang Berhormat Menteri, sila kemukakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.39 ptg.

Menteri Penerangan [Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) maka inilah saya mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan ke esok hari.”

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang telah dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka.

2.40 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak akan berucap panjang. Saya ingin mengatakan di sini bahawa DAP menyokong sepenuhnya Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada pagi ini. *[Tepuk]*

Oleh kerana tindakan yang telah diambil oleh Amerika Syarikat secara *unilateral* itu, jelas sekali menentang prinsip keadilan, menentang undang-undang antarabangsa dan juga menentang hasrat rakyat seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian pendapat umum yang telah diperolehi bulan lalu, di beberapa negara, jelas sekali bahawa kecuali di dalam Amerika Syarikat, semua negara termasuk negara yang telah dikatakan menyokong tindakan Amerika Syarikat,

rakyat mereka dengan majoritinya menentang keputusan untuk menyerang Iraq secara *unilateral*.

Di Amerika Syarikat pendapat umum yang diperolehi telah menunjukkan 59% rakyatnya menyokong keputusan itu. Dan 37% rakyat mereka menentang. Tetapi daripada mereka yang menyokong tindakan itu, atau keputusan Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq secara *unilateral*, 25% rakyat mereka menyokong dengan syarat atau *with reservation* dan di dalam UK pendapat umum menunjukkan 75% rakyat mereka menyokong peperangan terhadap Iraq sekiranya dua syarat ditepati iaitu yang pertama, bahawa inspektor-inspektor *weapons* mendapat bukti bahawa Saddam Hussein memang mempunyai *weapons* yang berbahaya.

Dan kedua, sekiranya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyokong, kalau tidak, kalau kedua-dua syarat ini tidak ditepati maka orang UK yang menyokong kerajaan mereka untuk menyerang Iraq cuma adalah 25% sahaja dan di Perancis, kajian pendapat umum menunjukkan 85% rakyatnya menentang dan di Germany – 86%.

Saya juga difahamkan bahawa di Jepun majoriti rakyatnya pun juga menentang peperangan terhadap Iraq, maka ini telah menunjukkan dengan jelasnya, pendapat umum seluruh dunia adalah menentang serangan ketenteraan secara *unilateral* ke atas Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita melihat sama ada peperangan ini adalah satu peperangan adil, atau *is it 'just war'*, biarlah kita melihat sama ada ini adalah satu '*just cause*' sama ada ini adalah satu perjuangan yang adil.

Saya tidak berasa hairan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa terdapat begitu ramai pemimpin agama Kristian yang telah menentang peperangan terhadap Iraq oleh kerana mengikut prinsip dan teori *just war* atau peperangan adil yang dipegang oleh orang-orang Kristian di dunia Barat ada tujuh kriteria di mana mereka menggunakan untuk menentukan sama ada satu peperangan itu adalah adil. Dan ini semua boleh kita dapati di dalam Internet, banyak bahan yang menunjukkan tujuh kriteria dan jelas sekali bahawa tindakan Amerika Syarikat memang tidak tepati kriteria-kriteria *just war* dan salah satu yang saya boleh quote di sini ialah, dengan izin, '*A just war can only be waged as a last resort.*'

Walaupun Presiden Bush dapat meyakinkan kemungkinan buat sementara waktu sahaja, rakyat Amerika, bahawa ada perlunya untuk menyerang Iraq secara *unilateral*, tetapi mereka tidak dapat meyakinkan dunia bahawa peperangan atau ketenteraan terhadap Iraq secara *unilateral* adalah *last resort*.

Kriteria yang kedua ialah dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *a war is just only if it is waged by a legitimate authority*. Amerika harus sedar bahawa *legitimate authority* yang diharapkan itu bukan Amerika Syarikat sendiri tetapi PBB dan jelas sekali semua orang tahu bahawa PBB tidak memberi sokongan kepada Amerika untuk melakukan serangan unilateral terhadap Iraq.

Tadi saya katakan bahawa sama ada ini adalah satu perjuangan adil dan kalau kita boleh baca tentangan-tentangan yang telah disebutkan oleh orang-orang Amerika adalah begitu jelas sekali bahawa mereka adalah *in isolation* bahawa Amerika memang tidak dapat meyakinkan dunia bahawa perjuangan itu adalah adil dan lagi pun peperangan itu bukanlah adil. *This is not a just cause, this is not even a just war.*

Seorang Senator Amerika yang menentang peperangan itu dengan kuatnya telah berkata, saya quote: "*We cannot convince the world of the necessity of this war for one simple reason, this is a war of choice and instead of negotiating*", he said "*Washington demanded obedience or threatened recrimination and instead of isolating Saddam Hussein we seem to have isolated ourselves.*" Memang saya kata bahawa Amerika sekarang *in isolation*.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini bukan berkenaan isu sama ada kita suka atau tidak suka Saddam Hussein. Ini bukan satu usul juga yang mengatakan sama ada kita sokong Iraq

atau tidak. Ini adalah bahawa kita memang tidak boleh menerima tindakan serangan ketenteraan secara unilateral ke atas Iraq.

Kita juga khawatir bahawa sekiranya Amerika Syarikat boleh melakukan serangan secara unilateral ke atas Iraq apakah peranan yang akan dimainkan lagi oleh PBB. PBB memang telah ditubuhkan sebagai satu badan untuk menjaga keamanan dunia dan selepas *Cold War* di mana tiada lagi *counter force* yang boleh menjaga kekuatan Amerika, kita memang khawatir bahawa dunia ini akan balik ke zaman batu.

Ini adalah begitu memeranjatkan kita dan saya tahu bahawa di Amerika Syarikat sesebuah kerajaan cuma akan tunduk sekiranya rakyatnya bangun untuk menentang dan membuat bantahan yang kuat dan nampaknya buat masa sekarang tiada sesiapa atau tiada mana-mana satu badan antarabangsa yang boleh menghalang Amerika Syarikat untuk memberhentikan peperangannya ke atas Iraq. Maka saya harapkan orang-orang Amerika boleh bangun untuk menunjukkan bantahan mereka yang kuat dengan jelasnya kepada Presiden Bush.

Apakah yang kita boleh buat dari dunia di luar Amerika Syarikat dan saya rasa bahawa di dalam Malaysia kalau kita membuat satu kajian pendapat umum, saya percaya 100% rakyat Malaysia akan sokong usul yang telah dibentangkan oleh kerajaan oleh kerana saya percaya dalam isu ini bukan sahaja semua parti politik tetapi juga semua rakyat tidak mengira bangsa akan menentang tindakan secara unilateral yang telah dilakukan oleh Amerika Syarikat.

Bagi pihak DAP saya suka menyatakan di sini bahawa kita akan sokong apa-apa tindakan yang rasional yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk menentang serangan ketenteraan secara unilateral yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan atas isu ini juga saya mintalah supaya kerajaan juga mengambil lebih langkah untuk mempengaruhi pendapat umum bukan sahaja di seluruh dunia tetapi juga di Amerika Syarikat.

Ada banyak yang kita boleh buat tetapi apa yang mustahak ialah bahawa saya rasalah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Kerk Kim Hock:kerajaan sebagai satu badan yang mempunyai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya habiskan. Yang mempunyai kekuatan, kewangan dan juga *machinery* boleh mengaturkan lebih program dan rancangan untuk menunjukkan kepada semua rakyat di dunia bahawa rakyat Malaysia memang menentang tindakan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Telok Kemang.

2.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, perarakan secara besar-besaran diadakan di merata dunia untuk membantah tindakan unilateral Amerika Syarikat dan sekutunya menyerang Republik Iraq sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Ketika kita sedang membahaskan usul ini, di Dewan yang mulia ini, ramai rakyat Iraq yang tidak berdosa sedang melarikan diri daripada rumah mereka untuk menyelamatkan diri. Tetapi apa yang menghampakan ialah Washington dan sekutunya seolah-olah bertindak membisu dan tidak mengendahkan bantahan serta keluhan penduduk dunia. Rakyat Malaysia turut membantah peperangan terhadap Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, sejak serangan terhadap negara Iraq bermula, kita telah membaca laporan mengenai ramai rakyat Iraq yang tidak berdosa terbunuh. Mereka ini termasuk wanita dan kanak-kanak. Apakah dosa mereka? Patutkah mereka dilayan seperti ini sehingga terpaksa meninggalkan kampung halaman mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak parti MIC serta seluruh masyarakat keturunan India di negara ini menyokong penuh usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad [*Tepuk*] untuk membantah tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Republik Iraq. MIC mengecam sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan secara unilateral ini dan kita juga menyokong supaya Amerika Syarikat dan sekutunya menamatkan tindakan ketenteraan ini dengan serta-merta.

Hentikanlah kerana jika tidak lebih ramai lagi orang yang tidak berdosa akan kehilangan nyawa mereka. Peperangan ini bukan sahaja memusnahkan bumi Iraq tetapi juga mengambil nyawa ratusan dan mungkin juga ribuan rakyat yang tidak berdosa. Kita tidak ingin melihat pertumpahan darah ini berlanjutan. Oleh itu tamatkanlah serangan secara unilateral ini dengan segera untuk mengelakkan lebih ramai lagi kehilangan nyawa.

Tuan Yang di-Pertua, dunia telah menyaksikan kehancuran yang dibawa oleh peperangan. Kita khawatir jika serangan ke atas Iraq ini dibiarkan begitu sahaja, ia akan membawa padah kepada negara-negara lain yang lemah dan kecil. Kita khawatir bahawa Amerika Syarikat dan sekutunya akan menggunakan serangan unilateral ke atas Republik Iraq sebagai landasan untuk menyerang negara-negara lain yang dianggap merbahaya kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingin menggesa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya dengan segera meminta Amerika Syarikat dan sekutunya menamatkan tindakan ketenteraan ini dengan serta-merta. PBB harus menggunakan segala kuasa yang ada padanya untuk memberhentikan tindakan ini. Harapan kita adalah untuk melihat keamanan kembali di bumi Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Kedah.

2.55 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa khabar orang Kuala Kedah? Kedah tidak ada TV siaran terus-menerus.

Tuan Yang di-Pertua, serangan sedang berlaku. Halangan terhadap perang belum berjaya. Kuasa angkuh ini Amerika Syarikat terus bermaharajalela. Sebagai orang Islam kita yakin sejauh mana, setinggi mana sombong seseorang itu, negara itu, dia tidak terlepas daripada mereka membuat perancangan, Allah S.W.T. akan membalas perancangan mereka. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]

Kita sekarang ini kena melihat apa yang kita hendak buat. Sudah tentu Menteri-menteri Luar ada idea-idea yang banyak terutamanya kita melihat serangan terhadap Iraq ini berlaku perpecahan di Eropah. Ini satu perkara yang kita susah hendak buat secara lobi. Munculnya Perancis, Jerman dan Russia memberi tentangan terhadap Amerika Syarikat khasnya munculnya semula Jerman.

Mustakbirin Amerika Syarikat yang selama ini mereka sahaja yang menguasai dan monopoli dunia ini, masa depan kita lihat ianya sedang dicabar terutama munculnya kembali kuasa Eropah yang tidak mahu tunduk lagi kepada Amerika iaitu Jerman dan Perancis.

Serangan ini juga kita lihat meletakkan Israel di dalam kandang orang salah. Rakyat Eropah keluar ke jalan raya secara besar-besaran, di antara sepanduk-sepanduk mereka tertulis, "*Kalau Iraq diserang kerana mempunyai senjata merbahaya, kenapa tidak menyerang Israel yang mempunyai senjata yang lebih merbahaya.*" Kalau dahulu ucapan itu, sepanduk itu kita boleh lihat di negara-negara dunia ketiga, tetapi sekarang kita boleh lihat sepanduk-sepanduk, kata-kata itu datangnya daripada rakyat Eropah sendiri. Sebab itulah kita lihat sekarang ini dan pada masa yang akan datang, Israel sudah mula diletakkan di kandang orang salah oleh masyarakat Eropah itu sendiri. Ini suatu perubahan yang begitu baik untuk perkembangan dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dunia sedang bergerak ke arah penyusunan semula. Dengan munculnya Jerman dan Perancis mereka akan mencari rakan di sebelah Timur Tengah dan di sebelah sini. Kita yakin melihat perubahan juga sedang berlaku di Turki walaupun masih kita tidak puas hati. Tetapi Turki sedang cuba keluar daripada kongkongan Israel sejak daripada pemerintahan sekular Turki yang amat dahsyat bermula pada tahun 1924, hubungan yang rapat dengan Israel sejak Israel wujud pada tahun 1948, latihan bersama tentera Turki dengan Israel saban tahun di Laut Mediterranean memang susah untuk mengeluarkan dengan secara yang segera Turki daripada ikatan Israel dan juga Amerika. Tetapi kebangkitan rakyatnya akan kita lihat bahawa Turki yang pernah menjadi kuasa besar dunia suatu ketika akan membawa suatu ke arah baru muncul kuasa baru iaitu Turki, Jerman dan Perancis pada masa yang akan datang. Ini yang kita harapkan untuk menghadapi Amerika yang bersifat angkuh, sombong di atas muka bumi ini. Negara-negara OIC khasnya Malaysia boleh memainkan peranan mahu tidak mahu mesti berusaha untuk mewujudkan satu kumpulan yang boleh mencabar suatu kuasa di atas muka bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang berlaku sekarang ialah negara-negara OIC sendiri begitu lemah khasnya negara Arab walaupun kita lihat Iran yang pernah berperang dengan Iraq begitu dahsyat sekali segala penyeksaan termasuk bom-bom kimia digunakan terhadap Iran tetapi negara itu boleh bersifat berkecuali, tidak menyokong Amerika dan tidak mengizinkan buminya ditempatkan tentera Amerika untuk melancarkan serangan terhadap Iraq. Sayang negara-negara Arab sama ada Arab Saudi, Kuwait, Bahrain, Qatar yang kita lihat mereka ini, negara-negara ini sanggup membuka negara mereka untuk menjadi pangkalan Amerika menyerang saudara mereka sendiri, sebangsa dan seagama. Ini satu perkara yang menyedihkan kita orang-orang Islam dan manusia di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan dunia baru mesti diusahakan segera. Dalam negara-negara dunia ketiga khasnya negara OIC dan mana-mana negara, pengajaran mesti dilihat iaitu pertarungan apa pun mesti pertarungan dalam negeri. Ertinya, misalnya kita di Malaysia kita bertarung di dalam negeri. Kita berbeza pendapat di dalam negeri. Tidak ada orang yang keluar negara, *exile* dan duduk di luar negara akhirnya boleh menjadi alat kepada negara asing untuk menyerang negara sendiri. Perkara ini perlu diambil perhatian iaitu biarlah kita berpolitik, berkelahi, bergaduh, bertengkar dalam negara, tidak sampai ke peringkat ada golongan rakyat yang menjadi tetamu luar negara atau *exile*, kemudian mereka itu bertindak pula terhadap negara mereka sendiri di atas sebab hujah-hujah mereka.

Perkara ini perlu diambil perhatian sebab kuasa besar boleh menggoncang sesebuah negara bila ada masalah dalaman yang besar dalam negara itu. Di Vietnam, mereka gagal sama sekali kerana rakyatnya bulat menghadapi Amerika dan kita harap negara-negara lain juga akan berfikir ke arah itu supaya kita bulat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mohamad bin Sabu: ... kita bulat dalam menghadapi kuasa yang monopoli dunia sekarang ini. Negara Malaysia akan kita suruh mempelopori terutama sekali melahirkan satu kekuatan baru pada sekarang dan masa akan datang untuk menghadapi satu kuasa Amerika ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kemaman.

3.01 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Amerika Syarikat sedang mengalami kegawatan ekonomi yang agak teruk apabila ekonomi *cybemya* ataupun e-ekonominya runtuh. Ini dapat dilihat daripada runtuhannya pasaran saham NASDAQ, yang pada suatu ketika dahulu syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam papan tanda NASDAQ boleh memperolehi *multiplier* hingga 700 kali dan ada juga sehingga 1000 kali seperti saham Amazon.com dan sebagainya.

Hari ini kedudukan pasar tanda NASDAQ berkedudukan hidup segan mati tidak mahu. Begitu juga dengan sektor pertahanan kerajaan dan sektor swasta Amerika Syarikat

berbelanja ratusan bilion dolar dalam pelaburan, pembangunan, pendidikan dan pengeluaran peralatan persenjataan. Mereka perlu pasaran untuk menjual barang-barangan dan peralatan-peralatan ini.

Dan, dalam dunia yang aman, peralatan persenjataan tidak boleh dijual. Jadi, ketegangan dan peperangan perlu diadakan seperti mana yang diperlukan oleh tauke-tauke syarikat ini yang mengharapkan pengeluaran mereka mendapat pasaran. Itulah sebabnya mereka sama ada menyuruh kerajaan mereka, Amerika Syarikat, ataupun sekutu-sekutunya mencari sasaran untuk mengadakan peperangan dan ketegangan di rantau mana-mana yang diperlukan.

Begitu juga dengan persaingan barangan keluaran Amerika Syarikat. Mereka tidak dapat lagi berupaya bersaing dengan keluaran negara-negara seperti China, Korea, Brazil dan sebagainya. Sebab itulah Amerika perlu keluar daripada kemelesetan ekonominya. Cara yang terbaik untuk keluar dari kemelut kegawatan ekonominya ialah dengan menggunakan kaedah penjajahan lama iaitu menguasai sumber kekayaan negara yang dijajah dan menjadikannya sebagai sumber yang murah untuk menjana kekayaan negara yang menjajah.

Iraq mempunyai rizab minyak yang kedua terbesar di dunia. Apabila Amerika Syarikat berjaya menguasai Iraq saya percaya mereka akan menjadikan sumber minyak ini sebagai sumber tenaga yang murah dengan harapan dengan harga minyak yang murah, ekonomi Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya akan pulih. Sudah diperkatakan selepas peperangan Iraq dan apabila Iraq kalah, harga minyak mentah dunia akan dikawal sekitar USD10 satu *barrel* ataupun satu tong sahaja berbanding dengan USD20 setong pada sekarang ini.

Demi kepentingan ekonomi Amerika Syarikat dan Barat, mereka sanggup menggadaikan segala kepercayaan negara mereka dan pegangan negara dan rakyatnya iaitu *the American values* yang menghormati hak asasi kemanusiaan, kebebasan bersuara, kebebasan media, hak *sovereignty* negara lain dan hak keselamatan dan keamanan dan pelbagai lagi. Apa yang lebih menyedihkan kita ialah segelintir rakyat Amerika Syarikat sanggup berpesta setiap kali bom Amerika jatuh ke tanah Iraq dengan memasang bunga api dan mercun. Di mana lagi tinggalnya *the American values* yang selama ini diagung-agungkan oleh Amerika Syarikat dan rakyatnya yang menyuruh seluruh dunia mengikuti mereka?

Saya percaya hari ini, *the American values* tidak boleh dipakai lagi dan nilai baru perlu diperkenalkan, dan saya yakin bahawa nilai baru yang menjaga keamanan ataupun keadilan sejagat tidak lain dan tidak bukan ialah nilai-nilai yang telah diperkenalkan Islam sejak dahulu lagi.

Jadi, dengan ini saya menyokong usul yang telah diusulkan oleh Perdana Menteri kerana ini adalah satu usul yang menentang kezaliman Amerika Syarikat terhadap rakyat Iraq. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sepang.

3.05 ptg.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai seorang pemimpin wanita saya juga ingin turut serta dalam menyuarakan bantahan [*Tepuk*] sekeras-kerasnya di atas serangan ketenteraan secara unilateral Amerika Syarikat dan sekutunya yang telah menyerang Iraq tanpa mendapat sokongan dan kebenaran Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang pastinya akan membawa padah dan banyak kesan negatif terhadap kesejahteraan dan kemakmuran dunia sejagat.

Tindakan ini juga mampu mengundang banyak lagi insiden keganasan dan tindak balas yang berpanjangan dan lebih dahsyat lagi di masa terdekat. Sebagai rakyat Malaysia, kita juga membantah tindakan ketenteraan secara unilateral Amerika Syarikat dan sekutunya kerana kita menuntut kedaulatan sebuah negara itu dihormati. Perbuatan mencerooboh dan bertindak tanpa sebab yang kukuh bukanlah budaya orang yang beragama.

Semua agama di dunia menyeru kepada keamanan dan kedamaian tetapi kalau ada di antara penganutnya yang bertindak di luar batasan agama dan kemanusiaan maka sudah tentu tindakan mereka berbentuk kejam, penuh kebencian dan ala syaitan.

Dalam hal ini, banyak juga negara-negara bukan Islam yang mempunyai kuasa veto di PBB seperti Rusia, China, Jerman dan Perancis tidak bersetuju dengan tindakan ketenteraan Amerika Syarikat dan sekutunya. Apabila tercetus peperangan, yang akan menjadi mangsa dan menderita akibat perang adalah orang awam, yang sebilangan besar terdiri daripada kaum wanita, kanak-kanak dan orang tua yang tidak berdosa.

Bom-bom yang digugurkan sudah tentu tidak berakal, tidak mengenal siapa dan oleh itu mampu membuat kesilapan. Walau bagaimana canggih pun bom yang digunakan, ianya tetap akan mengorbankan orang awam yang tidak berdosa. Ramailah wanita akan menjadi janda termasuk dari pihak Amerika Syarikat dan sekutunya sendiri. Suami akan menjadi duda, anak-anak menjadi yatim piatu dan banyak lagi kesan negatif kepada masyarakat dan ekonomi negara dan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, perang ke atas Iraq tidak sepatutnya berlaku sekiranya pihak PBB bersikap tegas dan memainkan peranannya dengan adil dan saksama tanpa pilih kasih. Apa yang berlaku menunjukkan bahawa fungsi PBB telah dibelakangkan. Kita dapati tindakan Amerika Syarikat ini tidak langsung mendapat teguran dari PBB. Dengan membisu PBB seolah-olah sudah merestui suatu perbuatan keganasan yang terbesar di dunia pada hari ini anjuran Amerika Syarikat. Walaupun sebilangan besar rakyat dunia membantah tindakan Amerika Syarikat ini dengan berdemonstrasi namun ia tidak dipedulikan, mereka membutakan mata dan memekakkan telinga.

Dalam hal ini, yang berhubung kait dengan kepentingan Amerika Syarikat, PBB jelas mengamalkan sikap *double standard*. Dalam kes keganasan rejim Israel ke atas penduduk Palestin, perkara ini kurang mendapat tekanan dari PBB. Sebaliknya keganasan, penindasan, kekejaman dan pencerobohan dibiarkan terus berlaku. Di manakah asasi kemanusiaan yang dilaungkan oleh Amerika Syarikat selama ini?

Ini jelas membuktikan ianya tidak terpakai kepada mereka tetapi hanya kepada negara-negara membangun dan dunia ketiga sahaja. Perjuangan hak asasi manusia ini yang diwujudkan oleh mereka sebenarnya adalah untuk membunuh dan membantutkan pembangunan-pembangunan negara-negara yang sedang membangun. Ia dipakej sedemikian rupa, seperti musuh dalam selimut dan gunting dalam lipatan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun PBB telah mengumumkan pada 4 Disember 1946 bahawa pembunuhan beramai-ramai merupakan satu jenayah dalam undang-undang antarabangsa dan dikutuk oleh dunia, namun kuasa besar terus mencabuli kenyataan dan peraturan tersebut.

Dalam perang Iran/Iraq misalnya, kita dapati seramai 1.5 juta rakyat Iran telah terkorban dan akibat perang Teluk seramai 277 orang lelaki di Kuwait mengalami tekanan psikologi; dan apa yang malang, ramai wanita turut menjadi mangsa rogol dan mangsa melepaskan nafsu tentera-tentera yang terlibat. Tragedi ini sebenarnya berlaku dalam setiap peperangan tidak kira perang di Bosnia atau perang Iran/Kuwait.

Tuan Yang di-Pertua, peperangan tidak akan dapat menyelesaikan masalah tanpa mengorbankan nyawa manusia dan kemusnahan harta benda. Dunia kini bertambah maju dan canggih, tetapi mengapakah cara primitif menjadi pilihan untuk mengatasi krisis ini? Kita mempunyai badan antarabangsa bagi membincangkan isu-isu pertelingkahan dunia, mengapa ianya diketepikan dalam hal ini?

Adakah ianya tidak relevan lagi? Perlukah kita kepada sebuah kuasa dunia yang boleh bertindak mengikut sesuka hati mereka. Secara rasional warga dunia sepatutnya memberi lebih tumpuan dan kerjasama dalam banyak lagi hal, kepentingan bersama seperti kemiskinan, pembangunan, pendidikan, kesihatan dan banyak lagi. Tetapi sebaliknya, mengapa pemusnahan dan pembunuhan menjadi pilihan? Yang sedihnya peristiwa ini melibatkan sebuah kuasa besar yang sepatutnya menjadi contoh baik kepada negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan bantahan ini, saya ingin mencadangkan supaya kuasa veto kepada ahli-ahli badan keselamatan PBB iaitu kepada semua kuasa besar dunia yang ada sekarang di PBB dihapuskan. Sebaliknya keputusan isu-isu yang ada kaitan dengan keselamatan dunia sepatutnya melibatkan semua ahli badan PBB untuk mengundi [*Tepuk*] dan membuat keputusan.

Pemilihan Setiausaha PBB pula dipilih mengikut giliran berdua seperti Afrika, Asia, Eropah, Amerika Utara dan Selatan. Semua senjata pemusnah masa yang terdapat di semua negara di dunia harus dimusnahkan secepat mungkin. Ini akan memberi keadilan kepada semua dan tiada suatu negara yang boleh mengancam negara lain sewenang-wenangnya.

Adalah lebih baik sekiranya perbelanjaan membangunkan senjata disalurkan bagi kerja-kerja kebajikan yang boleh membantu warga dunia dalam banyak hal kepentingan bersama. Seterusnya tiada suatu kuasa asing yang dibenarkan mencerooboh negara lain tanpa kelulusan PBB. Dan, jika didapati melanggar ketetapan ini pemerintah negara tersebut boleh didakwa di mahkamah jenayah antarabangsa.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

3.12 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk menyokong usul kerajaan ini untuk menentang serangan yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat dan Britain terhadap Iraq bagi pihak wanita Malaysia yang menyokong parti pembangkang dan mencintai keadilan dan keamanan. [*Tepuk*]

Saya ingin memberi sokongan *solidarity* golongan wanita ini kepada kaum wanita dan kanak-kanak di Iraq kerana perang Iraq ini sudah tentu akan menyebabkan lebih wanita Iraq menjadi balu dan lebih kanak-kanak menjadi yatim piatu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan isu ini telah pun banyak kali dibahaskan di Dewan Rakyat dan ramai Ahli Yang Berhormat kerajaan dan parti pembangkang telah pun menunjukkan pendirian yang sebulat suara terhadap penyerangan Amerika Syarikat dan Britain terhadap Iraq, kerajaan sepatutnya menjemput pihak pembangkang untuk mendraf usul antiperang Iraq ini dan membentangkan usul ini bersama-sama dengan parti pembangkang demi menunjukkan pendirian menentang serangan terhadap Iraq yang sebulat suara di Dewan Rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan telah menyeru rakyat Malaysia menonton laporan perang Iraq CNN dan BBC secara kritis kerana sesetengah laporan yang dibentangkan oleh CNN dan BBC adalah berat sebelah. Saya bersetuju tentang pandangan Timbalan Menteri Penerangan ini kerana memang terdapat perbezaan laporan perang Iraq di antara stesen TV Bahasa Arab dan saluran CNN dan BBC.

Walau bagaimanapun, saya juga menyeru stesen TV Malaysia khususnya RTM, TV3 dan NTV7 lebih berhati-hati dari segi pemilihan berita daripada agensi berita antarabangsa supaya stesen TV kita dapat memberi laporan yang bernas dan adil tentang perang Iraq kepada rakyat Malaysia.

Saya juga ingin menyeru pemimpin kerajaan supaya jangan menolak wawancara yang diminta oleh wartawan BBC, CNN dan agensi berita Barat supaya kita berpeluang meluahkan pendirian antiperang kita di media Barat seperti di CNN dan BBC. [*Tepuk*] Sehubungan dengan itu, saya juga menyeru media dan stesen TV kita boleh mempraktikkan profesionalisme dengan memberi laporan yang seimbang dan layanan yang adil dan saksama terhadap kenyataan dan aktiviti antiperang Iraq yang dianjurkan oleh parti pembangkang dan NGO.

Dalam satu tunjuk perasaan yang dianjurkan oleh parti pembangkang di luar kedutaan Amerika Syarikat, saya mendapati hanya dua akhbar tempatan yang menyiarkan berita tersebut. [*Tepuk*] Laporan yang seimbang tentang aktiviti menentang perang Iraq ini

adalah penting kerana kita ingin menunjukkan kepada masyarakat dunia bahawa sentimen menentang perang Iraq datang daripada semua pihak di Malaysia dan bukan daripada pihak kerajaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perang Iraq telah mencetuskan bantahan daripada penduduk dan rakyat di seluruh dunia. Ramai rakyat di luar negara termasuk rakyat di negara Barat telah pun mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran di negara mereka masing-masing. Perhimpunan beramai-ramai antiperang ini menunjukkan bahawa perang ini bukannya perang di antara orang bukan Islam terhadap orang Islam dan juga bukan serangan negara-negara Barat terhadap negara Islam kerana ramai orang Barat dan negara Barat telah pun membantah serangan Amerika Syarikat dan Britain terhadap Iraq manakala sesetengah negara Islam pula menyokong serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq dengan memberi tentera Amerika Syarikat menggunakan negara mereka sebagai tapak serangan terhadap Iraq. Selain itu banyak gereja kristian dan kuil Buddist telah pun berdoa untuk keamanan di Iraq. Oleh itu kenyataan bahawa perang ini adalah serangan negara bukan Islam terhadap negara Islam haruslah dihentikan oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan rakyat di seluruh dunia dibenarkan oleh kerajaan mereka untuk mengadakan tunjuk perasaan terhadap perang Iraq. Saya menyeru kerajaan supaya membenarkan rakyat Malaysia untuk mengadakan tunjuk perasaan untuk membantah perang Iraq dan bukan mengadakan pelbagai halangan terhadap demonstrasi rakyat Malaysia. Pihak polis juga tidak harus mengadakan *double standard* dari segi memberi kebenaran perhimpunan antiperang Iraq.

Setakat ini hanya perhimpunan antiperang Iraq yang dianjurkan oleh pemuda UMNO dan NGO yang menyertai Aman Malaysia dibenarkan untuk mengadakan perhimpunannya di Stadium Bukit Jalil. Manakala tunjuk perasaan yang dianjurkan oleh parti pembangkang dan NGO pula dihalang oleh pihak polis. Sikap *double standard* ini haruslah dihentikan serta-merta terutamanya Malaysia telah menjadi pengerusi kepada NAM. Kita mesti menunjukkan *Kepemimpinan Kita Melalui Tauladan* kepada para anggota negara di dalam NAM bahawa rakyat Malaysia sama ada penyokong BN ataupun pembangkang kita sebulat suara menjalankan aktiviti yang menentang perang Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan Dewan Rakyat ini haruslah mendesak Jawatankuasa Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengadakan mesyuarat tergepang untuk menghantar pasukan PBB ke Iraq di samping mengadakan sidang perhimpunan PBB yang khas untuk menghentikan perang Iraq yang diketuai oleh Amerika Syarikat.

Akhirnya saya juga mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan tabung khas kepada mangsa perang Iraq sebagai saluran bagi rakyat Malaysia untuk menunjukkan kasih sayang dan simpati kita terhadap mangsa perang Iraq yang sengsara, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dungun.

3.20 ptg.

Dato' Mustafa bin Ali [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, persidangan kita yang kita adakan hari ini suatu yang *historic*, suatu yang bersejarah di mana kita memperlihatkan suatu kesatuan dalam pemikiran kita dalam tindakan kita. Dan ini salah satu daripada waktu-waktu di mana pihak kerajaan dan pembangkang dengan suatu tekad dengan suatu keazaman bahawa kita menentang perang yang dilancarkan oleh Amerika terhadap Iraq. Keazaman dan tekad yang ditunjukkan ini adalah satu permulaan kepada suatu persamaan dalam banyak perkara yang menyentuh soal kedaulatan negara, soal keadilan dan soal demokrasi.

Kita telah bersetuju dalam banyak perkara yang berkait dengan isu ini, minggu lepas saya telah menyentuh sedikit tentang perang Iraq ini dan saya telah menyatakan pada waktu itu bahawa perang yang berlaku ini bukannya satu perang yang berdasarkan kepada *the clash of civilization*. Tetapi suatu peperangan di antara *the arrogance of power against humanity*. Suatu peperangan kerana keangkuhan suatu kuasa besar terhadap kemanusiaan sejagat dan kita telah melihat bagaimana keangkuhan itu diterjemahkan

kepada perang yang sedang kita hadapi sekarang yang kita lihat sekarang, ia tidak bermula beberapa hari lalu tetapi perang ini telah dimulakan dalam Perang Teluk yang pertama tahun 1991 yang dilancarkan oleh 'Bush Senior' yang menjadi Presiden pada waktu itu.

Perkara yang seumpama ini menggambarkan bahawa dunia tidak boleh mengizinkan bahawa ada suatu kuasa tunggal dalam dunia ini yang boleh menentukan segala apa perjalanan sejarah tamadun manusia. Bush memperlihatkan bahawa *he wants to play god*. Bush memperlihatkan bahawa dia hendak berlagak sebagai Tuhan yang boleh menentukan apa perjalanan di dalam sesebuah negara itu. Siapa yang dia anggap tidak setuju dengan tindakan yang dilakukan maka orang itu akan diancam dengan suatu ancaman berdasarkan kepada bagaimana kesungguhan cabaran yang diberikan oleh sesebuah negara itu. Ia bukan suatu perkara baru kerana kita telah mendengar istilah-istilah yang digunakan oleh Bush selepas daripada peristiwa 11 September, "*the axis of evil*," "*either you are with us or against us*"; ini suatu ucapan yang menggambarkan bahawa Bush dan pemimpin pentadbiran Amerika sekarang ini telah hilang kewarasannya.

Kita tidak menyatakan bahawa kenyataan ini menggambarkan sikap seluruh rakyat Amerika kerana ada rakyat Amerika juga menentang tindakan yang dilakukan oleh Bush. Apa sebenarnya yang perlu kita lakukan. Apa sebenarnya yang boleh menghalang Bush daripada bertindak sewenang-wenang sebagai mana mereka bertindak sekarang. Yang boleh kita lakukan bahawa demonstrasi yang menyeluruh seluruh dunia ini akan memberikan suatu tekanan kepada rakyat Amerika. Bush tidak akan peduli apa yang dilihatnya merupakan demonstrasi terhadapnya tetapi yang boleh menghalang Bush ialah rakyat Amerika itu sendiri dan tekanan masyarakat dunia akan memberikan kesan kepada masyarakat Amerika yang boleh menahan Bush daripada melakukan tindakan yang seperti itu.

Alasan yang diberikan oleh Bush ialah alasan yang karut yang tidak boleh diterima sama sekali. Diberikan alasan kerana adanya *weapons of mass destruction*, Hans Blix telah menyatakan bahawa dalam penyiastannya dan dia telah berusaha dan dia yakin bahawa ini boleh diselesaikan tetapi Bush tidak mepedulikan itu semua. Bush beranjak kepada suatu alasan yang lain kerana Saddam, Saddam yang menjadi penghalang kepada demokrasi, tetapi ini juga, rakan-rakan telah menyatakan bahawa demokrasi bukan alasan Bush yang sebenarnya.

Campur tangan sebuah negara asing ke dalam sebuah negara adalah suatu yang tidak beretika yang melanggar segala norma-norma dalam tamadun manusia yang moden ini sebab itu kita menentang, menentang Bush yang mahu menurunkan Saddam walaupun kita akui bahawa ada kesilapan yang dilakukan oleh Saddam tetapi bukan hak Bush untuk menentukan apa yang berlaku dalam negara Iraq. Sebagaimana juga kita tidak akan mengizinkan misalnya sebuah negara asing menentukan apa yang berlaku dalam negara kita sendiri.

Hari ini kita bertentangan dari sudut perjuangan kita antara pembangkang antara PAS dengan UMNO dengan BN. Tetapi hari ini kalau Bush yang memerintahkan, Perdana Menteri kita mesti meletakkan jawatan kita akan mempertahankan Perdana Menteri itu, *[Disampuk]* tapi kalau Perdana Menteri sendiri hendak mengundur dengan sukarela kita menghargai itu. *[Ketawa]* Kita tidak menghalang itu kalau itu dilakukan secara sukarela tetapi kalau ada satu suara daripada luar yang mengatakan demikian kita akan mempertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya Amerika mempelajari daripada pengalaman yang dilaluinya di Vietnam dan kepada saya dalam waktu yang ringkas ini, saya ingin menyatakan bahawa alasan, matlamat, tujuan daripada pentadbiran Bush melakukan ini salah satu daripada matlamat besarnya ialah penguasaan ke atas minyak kerana siapa yang menguasai minyak maka dia menguasai nadi perjalanan tamadun manusia seluruh dunia ini.

Orang mengatakan macam mana, kerana sebahagian besar minyak ialah di negara Asia Barat, di negara-negara Arab. Kita tidak menggunakan hujah siapa yang mempunyai minyak, maka dia menguasai dunia? Saya mengatakan, "*Siapa yang menguasai minyak!*". Negara Arab hanya pengeluar minyak tetapi mereka tidak menguasai

perjalanan minyak. Minyak dikuasai oleh orang lain dan penguasaan ini mahu diperbesarkan oleh Bush, oleh pentadbirannya sehingga mereka dapat menguasai semua sekali.

Demikianlah juga yang kita lihat dalam peristiwa Afghanistan misalnya. Ia bukan semata-mata kerana Osama tetapi kita mesti menyedari bahawa laluan ke Laut Hindi daripada negara-negara bekas Soviet Union dahulu yang kaya dengan minyak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Mustafa bin Ali: ..mesti melalui Afghanistan dan Pakistan. Sebab itulah Bush beria-ia mahu menakluki Afghanistan untuk memastikan laluan minyak daripada negara-negara bekas Soviet itu tidak terancam melalui Afghanistan, melalui Pakistan dan itulah matlamat dia yang sebenar dan inilah tindakan yang dilakukan. Kepentingannya bukan kerana demokrasi, kepentingannya bukan kerana keadilan, kepentingannya bukan kerana kemanusiaan tetapi semata-mata kerana kepentingan Bush dari segi politik domestiknya sendiri dan kepentingan Bush untuk menguasai dunia dalam istilah geopolitik yang berlaku sekarang ini supaya tidak ada suatu kuasa, tidak ada satu negara yang boleh mencabar kekuasaan yang dipegang oleh Bush, oleh Amerika pada waktu ini. Terima kasih.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya hanya dapat memberikan seorang lagi. Memang saya minta maaf kepada ramai yang ingin berucap. Hasrat Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin memberi sokongan kepada Usul Yang Amat Berhormat itu memang satu tanda yang baik, menunjukkan kita semua bersatu untuk satu suara yang sama. [Tepuk] Jadi, sebelum saya minta Yang Amat Berhormat menggulung, sila Yang Berhormat bagi Shah Alam berucap.

3.27 ptg.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih kurang 150 tahun dahulu di Amerika semasa zaman sebelum mereka bertamadun, banyak kereta kuda dihalakan menuju ke California untuk mendapatkan emas. Itu negara yang belum bertamadun dan belum berbudaya tetapi nampaknya pada hari ini, bala-bala tentera Amerika dan sekutunya sedang menghala ke Iraq untuk mendapatkan juga emas hitam.

Justeru kerana itu saya mempunyai pandangan dan pendapat bahawa istilah peperangan Amerika-Iraq tidak boleh digunakan. Sebaliknya lebih tepat kita gunakan adalah istilah keganasan antarabangsa... [Tepuk] Pencabulan kedaulatan negara Iraq, pencerobohan ke atas wilayah Iraq, serangan permusuhan ke atas negara-negara yang ditekan dengan kuasa-kuasa yang zalim dan kejam.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tindakan Amerika boleh dianggap sebagai bacul kerana seolah-olah bertarung dalam satu kumpulan gengster dengan lawan yang berseorangan sambil tangan lawannya telah diikat, juga boleh dikatakan membuli pihak lawan dalam keadaan tidak lagi berupaya bertindak balas dalam konteks pertarungan.

Kita sedar dan kita lihat, semenjak Perang Teluk pada tahun 1991, berbagai-bagai sekatan telah pun digunakan kepada Iraq dengan mengenakan No Fly Zone dan akhirnya Iraq telah pun bersetuju untuk menerima pemeriksaan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk pelupusan senjata tetapi Tuan Yang di-Pertua nampaknya, ikut nasihat dan tindakan dari PBB pun salah, tidak ikut lagi salah. Inilah yang sebenarnya berlaku di hadapan mata kita pada hari ini.

Pada saya Tuan Yang di-Pertua, Amerika sebenarnya sedang menguji kemajuan teknologi persenjataannya untuk mengaut keuntungan perniagaan senjatanya hasil keberkesanan ujian yang dijalankan ke atas Iraq contohnya bom pintar, bom pemusnah kubu dan bom pemusnah terbaru iaitu MOAB seberat 9,450 kilogram yang disifatkan

sebagai ibu segala bom. Yang ini yang hendak dijual ke dunia supaya perniagaan persenjataan mereka boleh dibaik pulih.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, di manakah PBB sekarang? Dan apakah peranannya sebagai badan pengawas antarabangsa? Kita minta PBB bertindak proaktif bagi menghentikan tindakan kegilaan Amerika ini dengan serta-merta supaya perlu mengambil usaha dan saya bersetuju dengan pandangan rakan saya Yang Berhormat bagi Parit Sulong supaya mendakwa ataupun menamakan George W. Bush dan pemimpin-pemimpin lain termasuk Tony Blair yang bersekongkol dengannya sebagai penganas antarabangsa dan mengheret ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa... [Tepuk] Di atas tindakan di luar restu PBB dan masyarakat dunia. Itu sahaja cara untuk melihat dunia aman tanpa peperangan dan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara dunia terutama negara dunia membangun perlu tegas dalam menyatakan pendirian dan bersatu dengan menggunakan senjata ekonomi iaitu bertindak melalui langkah-langkah yang boleh melumpuhkan ekonomi Amerika seperti penggunaan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa dan mengurangkan kebergantungan terhadap *US Dollar*.

Saya jadi pelik, hairan bin ajaib kerana dalam peperangan ini nampaknya *US Dollar* bukannya bertambah lemah, ia bertambah *strong*. Dan kita tahu USD100 juta bilion dibelanjakan kepada peperangan ini dan dengan defisit yang ada di Amerika sepatutnya dolarnya jadi lemah tetapi macam mana Dolar dia boleh jadi lebih kuat? Ini kerana adalah permainan dalam perdagangan yang kita hadapi pada hari ini.

Ini satu persoalan yang harus kita sentuh. Perlu ditegaskan bahawa rakyat terutama negara Islam dan juga rakyat negara lain tidak mungkin mengalami kebuluran atau negara akan musnah jika ekonomi dan perdagangan antarabangsa tidak lagi bergantung kepada Amerika dan Dolarnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada saya, saya amat menghargai usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan disokong oleh semua pihak dan kita zahirkan kekuatan kita ini, perpaduan kita ini dan insya-Allah akan kita jadikan sebagai satu peringatan kepada kita bahawa betapa kita menghargai keamanan, kestabilan dan saya berterima kasih kepada rakan-rakan daripada pembangkang yang menzahirkan sokongan... [Tepuk] Dan marilah kita ambil ini sebagai kekuatan dan kemenangan kita bersama.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

3.34 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ingin mengulung perbahasan yang telah diadakan dari pagi sehinggalah sekarang. Saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Parit Sulong, Yan, Batang Lupar, Kota Bharu, Sri Gading, Bandau, Kota Melaka, Teluk Kemang, Kuala Kedah, Kemaman, Sepang, Seputeh, Dungun dan Shah Alam.

Saya tahu ramai Ahli Yang Berhormat yang lain bersetuju dengan usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun mereka tidak berpeluang untuk mengambil bahagian. Yang pentingnya ialah Dewan Rakyat Parlimen Malaysia mempunyai kesatuan di dalam menentukan pendapat Malaysia.

Dan saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kita juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membatalkan cutinya untuk satu hari bagi tujuan membentang usul mengenai masalah antarabangsa yang dicetuskan oleh kuasa besar semata-mata untuk menegakkan kebenaran Amerika sendiri di atas asas kekuatan ketenteraan ini.

Suara Yang Amat Berhormat bukanlah suara politik kepartian tetapi suara kemanusiaan, keadilan dan *conscience* dunia bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan serta kestabilan dunia dapat dipertahankan. Parlimenlah tempatnya untuk kita membahaskan suara rakyat Malaysia bagi menegakkan keluhuran undang-undang antarabangsa dan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, yang menjadi asas untuk melindungi keamanan bagi tujuan kebaikan negara kecil dan negara yang lemah.

Suara kita bukan suara yang terpinggir tetapi sebenarnya suara di aliran utama pendapat rakyat dunia. Adakah tindakan Amerika Syarikat adil atau mempunyai sebab yang munasabah? Kedua-duanya tidak dapat kita terima kerana ianya tidak adil dan tidak mempunyai sebab yang munasabah.

Saya telah mendengar tiap-tiap ucapan yang dibuat. Saya fikir semua ucapan yang diberikan merangkumi perkara-perkara yang sama walaupun pendekatan-pendekatan kita berlainan. Tetapi yang pentingnya kita menentang peperangan di atas asas bahawa peperangan ini tidak diberikan mandat oleh Bangsa-Bangsa Bersatu.

Peperangan ini adalah untuk menukar rejim, dan tidak ada usul Bangsa-Bangsa Bersatu yang membolehkan Amerika Syarikat dan sekutunya untuk mengambil tindakan bagi menukar rejim, dan oleh itu ia adalah satu perkara yang di luar bidang undang-undang, dan tindakan ini bertentangan dengan prinsip dan undang-undang antarabangsa. Dengan menggunakan Usul 678 atau 687 Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menghalalkan tindakan *unilateral* mereka, mereka sudah meniadakan pula Usul 1441, yang memerlukan pihak pemeriksa untuk membuat pemeriksaan dan melaporkan dan kalau tidak berpuas hati, untuk diadakan usul kedua.

Kita melihat sikap Amerika dan sekutunya sehingga menggunakan kuasa untuk menggagalkan kuasa veto yang terkandung di dalam kuasa Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan mengundurkan usul kedua. Jadi, kuasa veto tidak dapat diexercise dan dilaksanakan. Oleh itu, mereka memandang ke belakang dan menggunakan usul lama yang tidak boleh diguna pakai. Kalau ini menjadi asas, maka Bangsa-Bangsa Bersatu akan terkubur dan tidak akan bermakna lagi untuk mempunyai Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sebab itu kita percaya dan yakin, pandang-pandangan Yang Berhormat untuk melihat supaya dipulihkan semula, disuburkan semula Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai satu-satunya pertubuhan yang ada untuk melindungi kita semua perlu diberikan pandangan yang serius, dan kita akan mengambil apa juga tindakan, tetapi ingin saya menjelaskan, bahawa sudah beberapa kali Malaysia dan beberapa negara mengambil tindakan untuk dicadangkan supaya Bangsa-Bangsa Bersatu disusun semula tetapi apabila pihak Ahli-ahli Tetap Bangsa-Bangsa Bersatu tidak bersetuju maka kita tidak boleh bergerak.

Sebab itu saya fikir, tempat yang paling utama sekali ialah pergerakan di peringkat akar-umbi. Rakyat dan masyarakat antarabangsa mesti bergerak secara bersama. Suara rakyat Malaysia, suara rakyat Amerika, suara rakyat Eropah perlu digembleng untuk tujuan memberitahu kepada Amerika supaya mereka memberhentikan peperangan yang tidak adil ini, yang zalim, yang akan membawa kemusnahan, bukan sahaja kepada harta benda tetapi kepada orang awam yang tidak berdosa.

Oleh itu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, yang telah memberikan cadangan-cadangan yang bernas, cadangan-cadangan yang boleh kita berikan perhatian. Ada yang akan kita berikan perhatian, ada yang boleh kita mengambil tindakan dan kita akan mencari jalan untuk bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada daripada pembangkang ataupun daripada kerajaan, untuk bekerja sebagai satu pasukan Malaysia bagi kepentingan keadilan dan kepentingan undang-undang antarabangsa dapat dipertahankan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dipersetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:-

BAHAWA, Amerika Syarikat dan sekutunya telah melancarkan serangan ketenteraan secara unilateral ke atas Republik Iraq tanpa sokongan dan kebenaran Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;

BAHAWA, tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika Syarikat dan sekutunya melanggar prinsip undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu;

BAHAWA, tindakan ketenteraan secara unilateral ini tidak mempunyai sebab-sebab yang rasional yang boleh diterima sama sekali;

BAHAWA, tindakan ketenteraan secara unilateral ini yang merupakan tindakan pre-emptif, tidak dibenarkan oleh Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan undang-undang antarabangsa;

BAHAWA, tindakan ketenteraan secara unilateral ini yang bertujuan menukar Kerajaan Iraq merupakan pencerobohan ke atas sebuah negara yang bebas dan berdaulat;

DENGAN INI mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) Mengecam sekeras-kerasnya tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq;
- (2) Menggesa Amerika Syarikat dan sekutunya menamatkan tindakan ketenteraan secara unilateral ke atas Iraq dengan serta-merta;
- (3) Menggesa semua pihak yang berkenaan supaya berusaha sedaya upaya untuk segera kembali kepada proses penyelesaian secara aman dalam memastikan Republik Iraq mematuhi resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan jika didapati benar Iraq memiliki senjata pemusnah;
- (4) Mendesak supaya Amerika Syarikat dan sekutunya menghormati hak asasi manusia rakyat Iraq dan prinsip-prinsip undang-undang kemanusiaan antarabangsa, khususnya "*Geneva Convention relative to the Protection of Civilian Persons in Time of War*";
- (5) Memutuskan Malaysia bekerjasama dengan negara-negara anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali dan negara-negara yang sependapat untuk mendukung prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menangani isu berkaitan hubungan antara negara;
- (6) Merayu kepada masyarakat antarabangsa supaya menghulurkan bantuan kecemasan kepada rakyat Republik Iraq dengan segera; dan
- (7) Dewan ini juga membuat ketetapan menyampaikan resolusi ini kepada semua Dewan Perundangan dan Parlimen yang berkenaan, khasnya Amerika Syarikat, Britain, Spain dan Australia.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima Parlimen Yang Kesepuluh”. **[20 Mac 2003]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya memohon Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menjawab.

3.40 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membangkitkan beberapa perkara atau isu serta cadangan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Semasa perbincangan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja dalam Dewan yang mulia ini.

Setengah daripada isu-isu yang dibangkitkan itu telah pun diberi penjelasan semasa sesi soal jawab di Dewan ini atau secara bertulis. Meskipun demikian, sukacita saya memberi penjelasan lanjut berhubung dengan perkara-perkara dasar yang tertentu berkaitan isu-isu yang dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelan induk ICT negara, kementerian ingin menjelaskan bahawa walaupun ianya masih belum ada tetapi beberapa inisiatif yang merupakan komponen utama pelan tersebut telah pun dirangka dan diperkenalkan. Antaranya ialah pembangunan MSC, Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat, Pusat Komuniti Internet dan Perundangan Cyber. Dengan pelaksanaan komponen utama pelan ICT ini dijangka boleh melonjakkan pembangunan industri ICT di negara ini.

MSC ialah sebuah projek pembangunan ICT yang memfokuskan pembangunan persekitaran bagi melahirkan idea dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan pembangunan ilmu produk, perkhidmatan dan perniagaan yang boleh dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat. MSC telah membangunkan tujuh aplikasi perdana di mana pelaksanaannya adalah ke arah menjadikan rakyat Malaysia sebagai sebuah masyarakat berpengetahuan atau *knowledge-based society*, dengan izin.

Di bawah inisiatif Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat pula, usaha difokuskan dengan mengambil kira isu-isu jurang digital bagi memastikan akses yang sama

rata kepada keseluruhan komuniti, sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Beberapa program telah dilaksanakan oleh berbagai agensi kerajaan termasuk di sekolah, klinik kesihatan, perpustakaan, pusat-pusat komuniti setempat dan sebagainya. Dari aspek perundangan, Akta Komunikasi dan Multimedia serta perundangan *cyber* lain adalah merupakan infrastruktur asas yang disediakan khususnya bagi membangunkan industri komunikasi dan multimedia.

Antara perundangan *cyber* yang telah diwujudkan termasuklah:

- (a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;
- (b) Akta Tanda Tangan Digital 1997;
- (c) Akta Telekesihatan 1997;
- (d) Akta Hak Cipta (Pindaan) 1997, dan
- (e) Akta Jenayah Komputer 1997.

Dalam memastikan perundangan *cyber* yang lengkap, kerajaan telah mengambil inisiatif dengan mengkaji lebih 700 perundangan sedia ada, untuk memastikan keselarasannya dengan pembangunan teknologi dan perdagangan di dunia Internet. Dalam hal ini, tiga lagi perundangan *cyber* akan diperkenalkan, iaitu Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik, dengan izin, *Electronic Government Activities Act*, Akta Transaksi Elektronik dan Akta Perlindungan Data Peribadi.

Kesemua perundangan tersebut digubal dengan tujuan mewujudkan suasana perdagangan elektronik yang selesa dan terjamin di negara ini. Kesemua strategi dan inisiatif yang tersebut di atas telah dirangka supaya perkembangan ICT di negara ini setanding dengan negara-negara maju agar mampu bersaing.

Tuan Ng Lip Yong: [*Bangun*]

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, sejak pembangunannya, MSC telah berkembang dengan pesat. Setakat ini terdapat 840 buah syarikat yang telah dianugerahkan status MSC.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu, bangun, ya.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen apa sebab-sebab '*Streamyx*' *Broadband Service* yang dibekalkan oleh Telekom selama ini dalam satu bulan gagal dan kalau kita pakai *Dial-Up Service* lebih cepat dari *Broadband Service* yang ada. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini yang saya tahu perkhidmatan *streamyx* yang diganggu oleh TMnet telah seperti perang Iraq diserang oleh pihak-pihak yang tertentu dengan apa yang dikatakan *DOS - Denial Of Services*. Atas kesalahan ini TMnet khasnya *Streamyx* telah menghadapi masalah dan usaha sedang diambil supaya perkhidmatan yang memuaskan iaitu kepercayaan laluan sebanyak 380 *kilobytes* sesaat dapat dicapai iaitu perkhidmatan yang ditentukan atau ditujukan dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya kata tadi setakat ini terdapat 845 buah syarikat yang telah dianugerahkan status MSC. Jumlah ini adalah jauh melebihi jumlah yang telah ditetapkan dalam perancangan asal MSC iaitu 500 buah syarikat. Kehadiran 845 buah syarikat bertaraf MSC membuktikan yang MSC masih relevan dan mampu menarik minat pelabur sama ada dari dalam ataupun daripada luar negara. Syarikat-syarikat ICT yang bertapak di MSC dengan secara tidak langsung telah meningkatkan peluang pekerjaan di bidang ICT.

Menurut kajian yang telah dijalankan MSC mencatatkan sejumlah 17,369 pekerja berilmu di syarikat-syarikat MSC. Jumlah ini merupakan 82% daripada jumlah semua pekerja di MSC. MSC juga berjaya menarik pelabur daripada syarikat gergasi tempatan

mahupun dari luar negeri. Jumlah pelaburan terbesar yang terdapat daripada syarikat-syarikat tempatan berjumlah sebanyak RM640,920,559.

Pembangunan projek MSC yang dinyatakan di atas dan perkembangan ICT di negara ini amnya sangat menggalakkan berbanding dengan negara-negara lain terutamanya di kalangan negara-negara ASEAN. Dalam kajian tahap kesediaan elektronik dengan izin, *e-readiness study* yang dijalankan di peringkat ASEAN pada tahun 2001 menunjukkan Malaysia terletak hanya di belakang Singapura dan mendahului negara-negara lain di rantau ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keperluan pekerja-pekerja berilmu atau dengan izin, *knowledge workers*, kementerian tetap mengalu-alukan penyertaan pekerja-pekerja berilmu dari luar negara dalam bidang ICT selaras dengan jaminan *Bills of Guarantee* di bawah projek MSC.

Setakat inilah penjelasan yang dapat saya beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya terdapat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang saya tidak sempat jawab saya memohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Saya ingin nyatakan bahawa Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya telah berulang-ulang kali bertanya tentang kedudukan MDC yang menjadi tonggak kepada perjalanan MSC di negara kita dan saya menerima dokumen-dokumen penting berkenaan dengan perjalanan MDC yang terlalu banyak yang perlu dijawab oleh pihak kerajaan tentang kerugian demi kerugian yang berlaku ke atas anak-anak syarikat yang dikendalikan oleh MDC.

Jadi, saya nampak ada satu jawapan yang kontra disebut tentang kejayaan MSC tetapi kerugian beratus-ratus juta ringgit MDC ini seolah-olah tidak mahu kita perbincangkan dan kita cuba perbaiki dari segi kekurangan-kekurangan yang ada. Bagaimana kita hendak berjaya kalau MDC sendiri terlalu banyak persoalan yang boleh kita timbulkan yang telah pun saya timbulkan di Parlimen ini tetapi tidak mendapat jawapan yang khusus daripada pihak kerajaan sendiri. Minta penjelasan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nyatakan tadi adalah pencapaian yang telah dicapai di bawah projek MSC khasnya daripada sasaran yang ditentukan bahawa sasaran atau jumlah syarikat bertaraf MSC telah pun dicapai. Itulah sasaran yang tetap yang ditentukan dan bukan sahaja sasaran itu dicapai bahawa sudah melebihi hampir dua kali ganda daripada sasaran yang disasarkan itu.

Umpamanya, sebagai satu contoh, seperti yang saya nyatakan tadi iaitu sasaran untuk tahun 2004 ialah 500 buah syarikat yang bertaraf MSC. Oleh kerana terlalu banyak syarikat sama ada syarikat tempatan atau syarikat luar yang membuat permohonan setakat ini lebih daripada 850 syarikat telah pun bertaraf MSC. Kemungkinan bahawa sasaran yang baru yang telah ditentukan kemungkinan ialah 1000.

Memang dalam projek MSC seperti projek-projek lain khasnya dalam bidang ICT memang membawa risiko. Tetapi yang mustahak sekali ialah kerajaan memang mempunyai satu pelan atau satu projek yang dinamakan MSC yang akan membawa Malaysia ke satu tahap untuk mencapai status negara yang maju dan supaya Malaysia dapat bersaing dengan negara lain dan diharapkan bahawa dengan pencapaian masyarakat atau ekonomi berilmu ataupun *knowledge-based economy* barulah kita dapat bersaing di dalam negara ini.

Jadi, dalam industri ICT yang berisiko ini memang bukan semua boleh kata mencapai kejayaan dan ada projek-projek yang selalu dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu kalau tidak silap saya....

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu.

Tuan Chia Kwang Chye: ...ialah satu projek *e-village*. Jawapan pun telah diberi setiap kali atas pertanyaan. Jadi, mengenai *e-village* ini merupakan satu projek dari segi konsep memang tidak dinafikan adalah satu konsep yang baik. Pelaksanaan setakat ini boleh dikatakan tidak memuaskan. Jadi, boleh dikatakan sehingga sekarang lebih kurang RM66 juta telah pun digunakan tetapi ini merupakan satu *expenditure* sahaja. Jadi, apabila projek ini dipulih lagi sekali dengan satu pemaju yang baru kemungkinan bahawa pelaburan dalam *e-village* ini boleh dapat balik sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat ada bangkitkan objektif untuk mencapai status negara-negara maju, ekonomi berilmu, tetapi berlaku baru-baru ini serbuan oleh polis terhadap pekerja IT profesional dari India. Apakah kesan ekoran daripada serbuan dan tindakan polis tersebut yang melulu dan menerima bantahan daripada pihak negara India? Apakah kesan terhadap objektif kerajaan ini?

Sebab sejauh yang saya dimaklumkan selepas serbuan tersebut, saya berjumpa dengan pekerja-pekerja IT ini dan mereka maklumkan ramai yang sedang bercadang untuk meninggalkan negara ekoran daripada serbuan ini. Jadi, apakah strategi yang akan diambil oleh kementerian bagi memastikan segala kerja untuk menarik golongan yang berilmu ini datang ke negara ini untuk menjayakan MSC tidak digagalkan oleh kementerian yang lain yang gagal menjalankan tanggungjawab dengan baik, berdisiplin dan efisien.

Tangan kanan mestilah tahu apa tangan kiri buat agar segala objektif kerajaan yang baik boleh berjaya. Jadi saya pohon penjelasan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, insiden yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah merupakan satu insiden yang boleh dikatakan berasingan atau *isolated incident* dan ditujukan kepada untuk menyelesaikan masalah yang dibawa oleh pekerja asing dan bukan tertentu kepada profesional IT. Jadi, dasar kerajaan berkenaan dengan profesional IT khasnya dari luar negara tidak bertukar. Kita memang menggalakkan dan akan menerima profesional IT dari semua negara termasuk negara India.

Masalah ini boleh dikatakan telah selesai dan diterima oleh *High Commissioner* dari India bahawa masalah ini telah diselesaikan. Jadi, memang ini membayangkan bahawa ada masalah tetapi oleh sebab masalah ini boleh diselesaikan, saya berharap bahawa pihak pembangkang tidak membangkitkannya lagi. Nampaknya memang ada satu dasar kerajaan yang ditujukan kepada profesional IT.

Kalau kita semua bekerjasama dan menolong kerajaan supaya kita mencerminkan satu imej yang baik, barulah kita dapat menarik lebih ramai profesional IT dan barulah Projek MSC dapat berjaya dengan baik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

3.59 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina mengenai perkara-perkara yang ada hubung kait dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan. Sepanjang perbahasan Ahli Yang Berhormat telah menjuruskan cadangan dan pandangan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan pertumbuhan sektor perindustrian. Secara keseluruhannya, perkara yang menjadi fokus ialah mengenai pelaburan domestik, daya saing IKS dan insentif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Shah Alam mencadangkan agar kementerian dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk membangunkan Industri Kecil dan Sederhana mengambil langkah-langkah tertentu bagi meningkatkan daya saing peniaga-peniaga IKS dalam menghadapi cara globalisasi dan liberalisasi terutamanya dalam pelaksanaan AFTA.

Suka saya menjelaskan di sini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui SMIDEC telah menggubal strategi-strategi dan menyediakan pelbagai program bagi membantu Industri Kecil dan Sederhana, khususnya di dalam sektor perkilangan bagi meningkatkan daya saing mereka. Strategi-strategi pembangunan IKS telah didokumenkan dalam Pelan Induk Pembangunan IKS tahun (2001 hingga tahun 2005). Pelan pembangunan ini adalah untuk mempersiapkan IKS dalam menghadapi cabaran serta merebut peluang yang muncul hasil daripada liberalisasi dan globalisasi perdagangan serta kemajuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi.

Bagi merealisasikan strategi-strategi yang digubal, pelbagai program dan skim bantuan kewangan disediakan oleh SMIDEC. Program tersebut termasuk:

- (i) Program Pembangunan Teknologi;
- (ii) Program Pembangunan Pasaran;
- (iii) Program Peningkatan Produktiviti dan Kualiti; dan
- (iv) Program Peningkatan Penggunaan ICT.

Yang Berhormat bagi Kluang juga meminta pihak kerajaan membantu IKS untuk meningkatkan produktiviti, inovasi dan keupayaan teknologi terkini. Bagi meningkatkan produktiviti, inovasi dan keupayaan teknologi di kalangan IKS terutamanya sektor perkilangan, kerajaan melalui SMIDEC melaksanakan Program Peningkatan Produktiviti dan Kualiti yang saya sebutkan sebentar tadi.

Di bawah program ini, kerajaan menyediakan dua jenis, dengan izin, *matching grant* iaitu:

- (i) Geran Peningkatan Pembangunan Produk dan Proses atau e-tough 2; dengan izin, dan
- (ii) Geran Peningkatan Produktiviti dan Kualiti atau e-tough 3.

Jumlah bantuan maksimum Geran Peningkatan Pembangunan Produk dan Proses ialah sebanyak RM500,000, manakala bagi Geran Peningkatan Produktiviti dan Kualiti ialah sebanyak RM250,000. Kedua-dua geran ini mendapat sambutan menggalakkan dan sehingga akhir tahun 2002, sebanyak 360 kelulusan diberi di bawah e-tough 2 dengan nilai berjumlah sebanyak RM18.2 juta. Sementara itu sebanyak 1,358 permohonan diluluskan untuk ITAF 3 dengan nilai sebanyak RM46.9 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kluang menyarankan agar usaha dibuat bagi menggalakkan lagi pelaburan domestik selain tumpuan kepada pelaburan langsung asing (FDI). Selain daripada itu, insentif juga boleh diberikan kepada pelabur tempatan untuk melabur di negara luar terutamanya di negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang berusaha bersungguh-sungguh untuk menggalakkan pelaburan tempatan selaras dengan fokus Bajet 2003 yang menggalakkan pelaburan tempatan sebagai jentera pertumbuhan ekonomi. Galakan cukai seperti pengurangan cukai korporat atau elaun cukai pelaburan diperkenalkan khusus untuk menggalakkan pelaburan tempatan dan industri yang terlibat ialah:

- (i) Enteprise Kecil dan Sederhana;
- (ii) Syarikat milik tempatan yang membuat pelaburan semula dalam industri berasaskan sumber dan aktiviti memproses produk makanan yang digalakkan;
- (iii) Syarikat milik tempatan yang menjalankan aktiviti perkhidmatan logistik bersepadu; dan

- (iv) Vendor termasuk syarikat kecil dan sederhana berhasrat untuk mengeluarkan barangan yang digalakkan atau menyertai aktiviti dalam program perindustrian.

Insentif juga disediakan kepada syarikat milik tempatan yang berjaya mencatatkan pertumbuhan eksport. Insentif tersebut ialah pengecualian cukai pendapatan sebanyak 30% ke atas peningkatan eksport, pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% bagi syarikat-syarikat yang menembusi pasaran baru dan pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya bagi syarikat-syarikat yang mencatat peningkatan eksport tertinggi menurut kategori.

Bagi menggalakkan syarikat tempatan melabur ke luar negara, insentif-insentif berikut telah disediakan iaitu:

- (i) pendapatan yang diperolehi dari pelaburan di luar negara yang dibawa balik ke Malaysia akan diberikan pelarasan 100%;
- (ii) dividen yang diperolehi dari pendapatan yang tidak dicukai akan juga dikecualikan daripada cukai pendapatan; dan
- (iii) pengecualian cukai ini adalah untuk tempoh lima tahun.

Perbelanjaan pra operasi seperti kos penyelidikan pasaran boleh dipertimbangkan untuk potongan bagi tujuan cukai pendapatan dan syarikat milik tempatan yang mengambil alih syarikat asing di luar negara diberi elaun tahunan sebanyak 20% selama lima tahun ke atas kos pengambilalihan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada galakan cukai, kerajaan juga menyediakan pelbagai bantuan kewangan untuk syarikat-syarikat milik tempatan. Kerajaan pada masa ini sedang merangka langkah-langkah tambahan bagi menggalakkan lagi pelaburan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kluang juga mahukan daya maju sektor EKS bukan sahaja bergantung kepada bantuan dan pinjaman daripada kerajaan semata-mata tetapi terpulanglah kepada strategi dan pengusaha EKS itu sendiri. Untuk mencapai matlamat ini EKS perlu meningkatkan produktiviti serta lebih kreatif dan inovatif untuk bersaing di pasaran terbuka.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sememangnya pengusaha EKS harus menyesuaikan sendiri dengan persekitaran ekonomi semasa yang kian berubah dengan pantas agar mereka terus berdaya saing. Selain daripada sentiasa mengikuti perkembangan dan kehendak pasaran, EKS perlu mengubah orientasi perniagaan daripada hanya bertumpu kepada pasaran domestik kepada orientasi yang global dan cuba menerokai pasaran eksport.

Pembukaan pasaran ASEAN di bawah AFTA misalnya akan meningkatkan persaingan di kalangan EKS tempatan dan antarabangsa. Justeru EKS tempatan perlu memastikan produk-produk mereka mencapai tahap kualiti yang tinggi memenuhi standard antarabangsa yang ditetapkan seperti ISO, takat kawalan genting analisis bahaya atau HACCP dan lain-lain persijilan. EKS perlu bijak menentukan hala tuju mereka termasuk menerokai bidang-bidang baru yang berpotensi. Selain daripada memanfaatkan insentif-insentif yang disediakan, EKS boleh meningkatkan kecekapan dengan melaksanakan gabungan semasa mereka. Ini akan membolehkan syarikat EKS mampu menerokai pasaran eksport, mengurangkan kos operasi, kos pasaran serta meningkatkan daya saing di pasaran antarabangsa dan serantau.

Mengenai saranan Yang Berhormat bagi Kluang agar polisi industri automotif negara perlu mengambil kira aspek keupayaan industri tempatan untuk bersaing di peringkat antarabangsa ingin saya memaklumkan....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Fu Ah Kiow :... hala tuju masa depan industri automotif..

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengenai barang-barang keluaran kita dalam AFTA ini, saya pernah membangkitkan bagaimana produk-produk kita supaya ia ada ISO standard, supaya bila AFTA datang *so tariff barrier* sudah tidak ada, kalau ada satu sekatan produk kita hendak masuk ke negara-negara dalam ASEAN, apakah langkah kementerian untuk menentukan bahawa produk ini mencapai satu standard yang ada.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, memastikan produk kita dapat persijilan antarabangsa seperti ISO dan HSCCP bukan sahaja untuk pasaran AFTA sahaja, malah ada juga untuk pasaran antarabangsa. Kementerian saya melalui SMIDEC memang telah menyediakan geran ITAF3 yang membantu EKS mendapatkan persijilan tersebut. Di antara negara Asian, kita juga sedang berusaha supaya negara-negara Asian akan mengiktiraf persijilan dan standard-standard yang diiktiraf oleh anggota ASEAN. Makna kalau produk yang mendapat pengiktirafan daripada SIRIM, melalui program koordinasi, kita berharap pada masa yang akan datang, lain negara juga akan mengiktiraf sijil SIRIM itu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, langkah yang sama, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengenakan kawalan mutu daripada produk asing yang masuk ke sini. Bilakah kita hendak menetapkan untuk menyekat produk *dumping* dalam pasaran kita *to protect our product*.

Datuk Fu Ah Kiow: Ini memang merupakan satu langkah melindungi kepentingan pengguna dalam negeri iaitu barangan di mana ada kaitan dengan keselamatan pengguna, sentiasa dikawal oleh pelbagai agensi dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat bagi Kluang agar polisi..

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dia beri jalan dahulu. Ya Seputeh, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat akan menjawab ucapan dalam kementerian ini ataupun tidak kerana saya pernah membangkitkan tentang ISO 9000.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat, nanti dahulu, jangan tanya lagi sama ada dia akan menjawab atau tidak, tunggulah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kerana saya tidak pasti sama ada isu itu di bawah kementerian inikah ataupun kementerian yang lain.

Datuk Fu Ah Kiow: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ok, saya hanya nak mengikuti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam tadi mengenai ISO 9000 itu. Sekarang yang kita tahu ISO 9000 itu selalunya ia menekankan tentang prosedur permohonan dan juga menekankan tentang aspek pentadbiran atau pengurusan sesuatu organisasi ataupun syarikat. Prosedur ini sebenarnya tidak berkaitan dengan mutu atau pun kualiti barangan yang dihasilkan oleh sesebuah syarikat ataupun kilang.

Jadi, ada syarikat yang mendapat ISO 9002 atau 9004 itu mereka tidak semestinya menghasilkan barangan yang bermutu dan berkualiti tetapi ini selalunya secara tidak langsung telah mengakibatkan ramai pengguna tertipu tentang cop SIRIM ataupun cop ISO 9000 ini. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Fu Ah Kiow: Masalah itu tidak timbul sebab pengiktirafan persijilan ISO ada yang mengenai dengan proses, ada yang mengenai dengan kualiti produk dan ada yang mengenai dengan alam sekitar. Jadi, ia ada beberapa aspek ISO, bagaimana pun tentang ketirafan yang lebih lanjut mengenai dengan kepelbagaian ISO adalah di bawah bidang Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar iaitu SIRIM.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat bagi Kluang agar polisi industri automotif negara perlu mengambil kira aspek keupayaan industri tempatan untuk

bersaing di peringkat antarabangsa. Ingin dimaklumkan, hala tuju masa hadapan industri automotif yang telah diumumkan pada 16 Disember 2002 yang lalu sememangnya antara lain mengambil kira aspek keupayaan industri tempatan untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Perkara-perkara seperti kesediaan dan daya saing industri daripada segi harga, kualiti dan reka bentuk juga telah diteliti sebelum Dasar Industri Automotif digubal.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun bertanya, mengapakah tayar daripada negara China lebih murah daripada tayar celup di negara kita, walaupun getah dikeluarkan di negara ini. Beliau ingin tahu, di manakah kesilapannya, adakah kerajaan memberi insentif kepada sektor perkilangan yang berkapasiti rendah dan tidak kompetitif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada umumnya dalam pembuatan tayar, komponen bahan mentah daripada getah asli atau getah tiruan hanya terdiri daripada 12% kos pengeluaran. Di samping itu kebanyakan komponen-komponen yang lain seperti kimia dengan izin, *carbon black*, *antioxidant*, *bonding agent*, *'plastisizer'* dan *surfactant* adalah juga diimport dan dikenakan cukai. Oleh itu, walaupun Malaysia adalah salah sebuah negara pengeluar getah asli yang utama berbanding dengan negara China, namun tayar keluaran negara tersebut didapati lebih rendah disebabkan kos buruh di negara tersebut adalah lebih murah dan pengeluarannya adalah berskala ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan mencadangkan supaya kerajaan menghalang eksport barang-barang buatan seperti tembaga dengan izin, *copper waste and scrap* untuk menjamin penawaran industri tempatan. Di samping itu, cukai import yang tinggi harus dikenakan terhadap dengan izin *iron bar and rod* bagi mengelakkan pengaliran keluar ringgit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dasar semasa berkaitan eksport tembaga, *copper and waste metal* adalah dibenarkan jika terdapat lebih bekalan dalam pasaran tempatan. Apabila terdapat kekurangan bekalan bahan sisa buangan tersebut dalam pasaran tempatan, pengeksporthannya memang tidak digalakkan.

Mengenai cukai import, *bar and rod*, kadar cukai semasa ialah sebanyak 15% adalah memadai bagi melindungi kepentingan sektor tersebut. Barangan besi iaitu dengan izin, *hot roll coils*, *cold roll coils*, *electro galvanized iron*, *galvanized iron* dan besi paip telah dikenakan cukai import pada kadar sebanyak 50% mulai 15 Mac, 2002. Ini bertujuan bagi menggalakkan penggunaan barangan besi keluaran tempatan dan melindungi industri tempatan daripada lambakan dan persaingan yang tidak adil daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sibul meminta kerajaan mengkaji isu kenaikan bahan-bahan mentah terutamanya bagi industri pembinaan iaitu barangan besi dan keluli yang menyebabkan kenaikan harga pembeli rumah kos rendah dan sederhana. Pada masa ini, barangan besi dan keluli bagi industri pembinaan seperti *billets* dan *bar* pula dengan izin, masih dikawal oleh kerajaan bagi memastikan supaya kenaikan harga tidak mempengaruhi pembeli rumah kos rendah. Misalnya kedudukan harga *billets* di pasaran antarabangsa pada masa ini dianggarkan sebanyak RM900 hingga RM1,007 bagi setiap tan metrik manakala harga di pasaran tempatan adalah sebanyak RM785 bagi setiap metrik tan.

Mengenai cadangan pemansuhan duti import yang dikenakan ke atas barangan besi seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan, ingin dimaklumkan bahawa perkara ini perlu dikaji memandangkan negara-negara luar seperti USA dan China terus melindungi kepentingan industri besi dan keluli tempatan masing-masing. Di samping itu, untuk melindungi persaingan terbuka produk-produk ini juga tertakluk kepada penggunaan lesen import atau AP.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sibul juga menyarankan kerajaan harus menyokong kepentingan industri-industri tempatan akibat dari kemasukan China ke WTO. Semasa China di dalam proses untuk menyertai WTO, Malaysia telah mengadakan rundingan dua hala bagi mendapatkan penurunan tarif beberapa produk di mana industri-industri tempatan Malaysia mempunyai kepentingan eksport. Melalui rundingan dua hala tersebut, China telah bersetuju untuk mengurangkan tarif bagi 760 produk pertanian dan bukan pertanian yang diminta oleh Malaysia. Di antara produk-produk tersebut ialah

barangan elektrik dan elektronik, barangan kayu dan getah, plastik, bahan kimia, tekstil, logam dan peralatan pengangkutan.

Penurunan tarif ini akan memberi peluang kepada industri-industri tempatan untuk meningkatkan eksport ke negara China. Contohnya, barangan kayu di mana tarif akan diturunkan kepada empat hingga lapan peratus daripada 10 hingga 15 peratus. Barangan elektrik di mana tarif akan diturunkan kepada 10 hingga 15 peratus daripada 25 hingga 45 peratus. Minyak kelapa sawit di mana kuota diperbesarkan daripada 1.5 juta metrik tan dalam tahun 2000 sebelum China dimasukkan ke WTO kepada 2.1 juta metrik tan dalam tahun 2001 dan kepada 3.17 juta metrik tan dalam tahun 2005. Menjelang tahun 2006, sekatan kuota untuk minyak kelapa sawit akan dihapuskan dan dikenakan cukai import sembilan peratus sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, setelah China menyertai WTO, perdagangan Malaysia dengan China telah meningkat sebanyak 82.3% daripada RM23.82 billion pada tahun 2000 kepada RM43.43 billion pada tahun 2002. Malaysia juga akan menikmati faedah apabila perjanjian perdagangan bebas ASEAN, China akan dirundingkan pada bulan Jun, 2004. Di bawah perjanjian ini, pengeksporth-pengeksporth Malaysia akan menikmati layanan tarif yang istimewa di pasaran China. Perjanjian ini akan mewujudkan pasaran sebanyak 1 billion penduduk juga akan menggalakkan pelabur-pelabur untuk terus melabur di Malaysia dan ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bandau meminta kerajaan mengatur strategi bagi melindungi pertumbuhan ekonomi yang mungkin terancam sekiranya Amerika Syarikat menyerang ke Iraq. Kini, Amerika telah pun menyerang Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya sedang merancang strategi-strategi yang tidak hanya.....

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tambun bangun Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat telah pun dijawab tadi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yang China tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yang China tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Negeri China. Ya, baik, baik. Sila.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa China merupakan satu cabaran besar kepada kita Tuan Yang di-Pertua. Tadi, Yang Berhormat mengatakan bahawa eksport kita telah bertambah tetapi import kita turut bertambah. Import kita lebih besar daripada eksport. Sekarang ini, seperti mana Yang Berhormat katakan bahawa Malaysia dan China akan adakan FTA. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat dari segi kita buat kajian kita, adakah kita buat kajian dari segi untung rugi kita, satu dan saya rasa besar kemungkinan yang China akan dapat lebih untung daripada yang kita dapat. Kalau begitu, macam manakah harus kita buat supaya akhirnya kita dapat untung daripada FTA yang hendak dilaksanakan.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Malaysia menandatangani perjanjian FTA China-ASEAN, negara kita sebenarnya telah buat satu kajian yang amat teliti tentang impak perjanjian tersebut. Kita juga telah menjalankan kajian yang teliti tentang impak kemasukan China dalam WTO dan dalam kajian tersebut, kita telah mengenal pasti kekuatan China masing-masing. Kita telah pun mengenal pasti sektor-sektor dan bidang-bidang di mana kita boleh memanfaatkan industri tempatan dan kajian tersebut pun telah diedarkan kepada persatuan-persatuan atau perniagaan dan industri-industri tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya telah merancang strategi-strategi yang tidak hanya menyediakan ekonomi negara untuk menghadapi ancaman, akibat daripada peperangan di Iraq tetapi juga merupakan satu langkah yang komprehensif untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan juga telah merangka satu program untuk menambahkan usaha-usaha promosi eksport ke pasaran-pasaran yang dijangka mengalami kesan yang minimum akibat peperangan Iraq seperti di negara China, ASEAN dan Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sipitang mencadangkan supaya MITI mengkaji kemungkinan memperkenalkan jenama Malaysia di luar negara seperti Proton, Perodua, Brahim dan sebagainya. Sesungguhnya, program mempromosikan jenama tempatan di pasaran antarabangsa termasuk pasaran baru adalah satu aktiviti di bawah Kementerian ini yang dikendalikan oleh MATRADE. Persatuan-persatuan pengeluar termasuk persatuan-persatuan pengilang-pengilang Malaysia (FMM) turut mengambil bahagian dalam menjayakan program ini.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mempromosikan jenama Malaysia di luar negara ialah:

- (i) penyertaan dalam pameran-pameran perdagangan antarabangsa. Pada tahun 2002, MITI telah menyelaraskan penyertaan syarikat Malaysia dalam 46 pameran di luar negara;
- (ii) menganjurkan pameran khas Malaysian Product Exhibition, dengan izin, di luar negara untuk mempromosikan Malaysia di Jeddah, Beirut dan Nairobi;
- (iii) menganjurkan misi-misi perdagangan ke luar negara dengan salah satu objektif untuk mempromosikan jenama Malaysia; dan
- (iv) penerbitan Directory of Malaysian Brand Name, dengan izin, untuk diedarkan di luar negara.

Pelbagai insentif juga disediakan oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat yang ingin mempromosikan jenama Malaysia di antaranya ialah potongan cukai dua kali bagi promosi jenama Malaysia; geran pembangunan pasaran; dan potongan cukai dua kali untuk mempromosi eksport.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab buat kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertahanan.

4.27 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam usul perbahasan Titah Diraja bagi persidangan Dewan Rakyat pada kali ini. Kementerian Pertahanan sentiasa bersikap terbuka dan bersedia menerima segala penerangan dan teguran yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kementerian dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab kementerian dengan lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu mengenai isu keamanan sejagat dan pembabitan Angkatan Tentera Malaysia dalam latihan ketenteraan bersama tentera Amerika Syarikat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia sentiasa menyokong langkah yang diambil bagi menjaga keamanan sejagat dan pendirian negara adalah sentiasa konsisten dalam perkara ini. Ini dapat dilihat daripada segi peranan dan penglibatan dalam misi pengaman di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semenjak tahun 1960an lagi.

Malaysia juga merupakan ahli kepada pelbagai perjanjian kawalan senjata antarabangsa seperti Non Proliferation Treaty, Comprehensive Test Ban Treaty dan Anti Personal-Landmine Detection. Di samping itu, Malaysia juga sentiasa menyokong usaha-usaha antarabangsa ke arah pembanterasan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama dua hala atau *bilateral* dengan izin, antara ATM dan angkatan tentera Amerika Syarikat dalam aktiviti ketenteraan telah diwujudkan melalui Forum Bilateral Training and Consultative Group atau lebih dikenali sebagai BITACG melalui memorandum persefahaman yang telah ditandatangani pada tahun 1984. Melalui BITACG, ATM telah dapat manfaat dalam pelbagai program khusus dalam bidang ketenteraan, pertukaran maklumat perisikan ketenteraan, kerjasama dalam bidang industri pertahanan serta kerjasama dalam bidang sains dan teknologi pertahanan. Di bawah BITACG, Angkatan Tentera Malaysia telah mengadakan pelbagai *exercise* dan latihan seperti *combat*, *float readiness and training* atau CART.

Penglibatan Angkatan Tentera Malaysia dalam latihan ketenteraan bersama tentera Amerika Syarikat ini adalah merupakan sebagai sebahagian daripada aktiviti dua hala yang diadakan dengan negara tersebut. Aktiviti ini merupakan salah satu langkah ke arah meningkatkan keupayaan profesionalisme Angkatan Tentera Malaysia. Penglibatan Angkatan Tentera Amerika Syarikat di dalam semua *exercise* dan latihan dalam tahun 2001 hingga 2002 adalah seramai 1,400 orang tentera yang terdiri daripada pelbagai cawangan dan kepakaran mengikut jenis *exercise* atau latihan yang dilaksanakan setiap tahun.

Selain daripada Amerika Syarikat, Malaysia juga mengadakan latihan tentera dengan negara-negara lain termasuk New Zealand di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara atau Five Power Defense Arrangement atau FPDA dan juga negara-negara jiran seperti Indonesia dan juga Filipina.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan ruang udara negara adalah tertakluk kepada kebenaran diplomatik yang sewajarnya mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Setakat ini tidak ada sebarang permintaan daripada pihak Amerika Syarikat untuk menggunakan Malaysia sama ada sebagai tapak latihan ataupun *launching pad* untuk menyerang Iraq. Namun demikian, dasar kerajaan adalah jelas iaitu menentang usaha serangan ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat dan sekutunya. Oleh itu, jika terdapat sebarang permohonan untuk menggunakan ruang udara negara kita untuk tujuan tersebut, pihak kementerian akan membuat keputusan selaras dengan dasar kerajaan mengenai isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu berhubung dengan perolehan peralatan pertahanan yang tidak telus. Dakwaan ini adalah tidak berasas. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua perolehan persenjataan yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat tersebut adalah dilaksanakan mengikut prosedur dan peraturan kewangan yang telah ditetapkan oleh kementerian...

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri. Yang Berhormat, hendak beri jalan? Ya sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ada kemukakan soalan bertulis tentang pembelian *Skyhawk*, berapa biji yang telah sampai, berapa yang masih tersadai di Arizona, Amerika Syarikat tetapi jawapan di sini dia kata itu dalam rahsia - OSA, rahsia negara, tak boleh. Tadi Timbalan Menteri kata telus, jadi macam mana hal *Skyhawk* kita tidak boleh tahu tetapi Yang Berhormat kata begitu telus hal pertahanan negara kita. Minta penjelasan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sabar sikit Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, saya akan sampai ke situ. Bab itu belum sampai lagi. Persoalan telah pun dibangkitkan mengenai *Skyhawk* ini. Setakat ini saya hendak menyentuh tentang perkara secara *general* terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut mengenai peruntukan dan perolehan senjata yang canggih, berkesan dan bermutu tinggi bagi ATM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak *back track* sedikit tentang pembelian senjata yang mana telah tersebar secara meluas. Pertamanya, isu pembinaan kapal selam yang melibatkan orang yang bernama Razak Baginda. Jadi, saya ingin mendapat kepastian dalam Dewan ini, kalau tidak benar laporan media antarabangsa itu, adakah kerajaan tidak mahu saman media antarabangsa itu kerana kredibiliti negara kita terjejas kerana dikatakan orang yang bernama Razak Baginda itu mendapat *all in all* lebih daripada RM300 juta.

Jadi, saya ingin mendapat kepastian daripada kementerian sendiri. Jadi, kalau kita menafikan tanpa kita mengambil sebarang tindakan terhadap laporan yang dikeluarkan oleh media-media antarabangsa secara meluas disiarkan dan disebut nama orang yang mendapat keuntungan daripada projek pembelian senjata itu. Saya minta penjelasan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak, Tun sudah lalu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tak mengapa, terus.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Seperti yang saya sebut, apa yang kita telah laksanakan tentang pembelian alat-alat persenjataan ini, mengikut prosedur dan peraturan kewangan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Seperti apa Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu sebutkan, itu adalah perkara yang tidak benar dan tidak perlu untuk kita pihak kerajaan ataupun pihak mana-mana untuk mengambil perkara ini sehingga diheret ke mahkamah. Apa yang penting kepada kita ialah peralatan persenjataan ini dimiliki oleh negara kita agar dapat mempertahankan negara kita. Kita tidak ragu dengan prosedur yang telah dilaksanakan. Apa yang penting ialah seperti yang saya sebut, ketelusan. Tidak bererti bila ketelusan dalam pembelian peralatan persenjataan ini semuanya kita hendak terangkan. Dengan izin, *there are certain things that we don't have to show to public or to our enemy*. Kerana peralatan-peralatan ini adalah untuk mempertahankan negara kita.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini perkara yang serius, yang amat penting dan melibatkan seorang yang mempunyai hubungan rapat dengan Menteri Pertahanan kita, orang kanan Menteri Pertahanan dan nama dia disebut secara meluas, dikaitkan secara meluas dengan keuntungan yang didapati dan kalau kita *hide behind the bush* dengan jawapan yang sedemikian, fitnah, tidak benar dan sebagainya, saya tidak menyatakan ini... saya yang membuat fakta ini tetapi meluas dalam media-media antarabangsa disiarkan, disebar dan disebut nama-nama orang yang terlibat secara langsung dan mendapat keuntungan secara langsung, yang mempunyai hubungan rapat dengan Menteri Pertahanan kita dan ini boleh menyebabkan kredibiliti negara kita, Menteri Pertahanan sendiri terjejas kalau kita tidak mengambil sesuatu langkah kalaulah perkara ini tidak benar sebagaimana yang dinyatakan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kalau perkara itu benar, Tuan Yang di-Pertua, maka ianya akan menjejaskan bukan hanya pihak kementerian, bahkan juga negara kita termasuk pimpinan Kementerian Pertahanan. Perkara ini adalah tidak benar dan ini telah dilaporkan oleh media asing. Tidak semua bila dilaporkan tentang perkara-perkara yang berlaku di dalam negara kita, kita harus mengambil langkah, bawa heret mereka ke mahkamah untuk *to prove something, that is not true*. *That is no necessity for us*, dengan izin, untuk mengheret perkara ini ke peringkat mahkamah antarabangsa ataupun mana-mana mahkamah. Apa yang penting kepada kita seperti yang saya nyatakan tadi bahawa

kita menjalankan tugas dan tanggungjawab ini selaras dengan peraturan-peraturan yang termaktub di dalam negara kita. Maka dengan itu saya yakin bahawa apa yang kita telah laksanakan mengikut peraturan dan tak perlu untuk kita hendak mengheret perkara ini sejauh mungkin sehingga kita berbalah dengan pihak media asing.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kementerian Pertahanan memperoleh peralatan dan persenjataan yang berkesan dan bermutu tinggi serta berkeupayaan untuk mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara. Peningkatan kelengkapan sistem pertahanan negara adalah satu proses yang berterusan untuk menjamin kredibiliti dan komitmen Angkatan Tentera Malaysia agar mampu melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Peruntukan ATM bagi pembelian peralatan pertahanan adalah tertakluk kepada keupayaan kerajaan dalam jangka masa tersebut. Dalam merancang perolehan senjata-senjata dan peralatan bagi melengkapi keupayaan ATM, keutamaan ditumpukan kepada peningkatan keupayaan kesiapsiagaan sesuatu perkhidmatan sama ada Tentera Darat, Laut mahupun Udara.

Untuk tujuan tersebut, kementerian sedang dalam proses menunggu penerimaan beberapa peralatan canggih dan untuk MLRS, kita sudah terima *multiple launcher rocket system* atau MLRS, sistem pertahanan udara jarak dekat seperti JERNAS, sistem pertahanan udara sangat dekat seperti IGLAH, kapal selam termasuk kereta kebal atau *man battle tank*.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pertahanan negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau, ingin saya menjelaskan bahawa dalam menentukan pelaksanaan tanggungjawab mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara dengan berkesan, ATM telah mengambil kira semua sudut strategi ketenteraan termasuk perancangan untuk membina landasan pendaratan pesawat dan infrastruktur di lebuhraya sebagai landasan alternatif semasa darurat. Rancangan pembinaan ini adalah termasuk dalam Konsep Pertahanan Menyeluruh ataupun Total Defense yang sedia termaktub dalam Dasar Pertahanan Negara.

Berkenaan dengan isu penjualan jet pejuang Skyhawk yang dibangkitkan....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: oleh rakan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Larut berdiri.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, selain pembelian senjata bermutu dan canggih serta persediaan yang telah dibuat oleh angkatan tentera yang tidak kita nafikan tetapi sejak akhir-akhir ini dengan ancaman ke atas Asia Barat ekoran daripada serangan daripada Amerika Syarikat ke atas negara Iraq, sudah barang tentu ancaman jua sedikit sebanyak akan dirasai oleh negara-negara yang berjiran.

Jadi, adakah kementerian bercadang di dalam membuat persediaan ini akan memohon peruntukan yang lebih untuk *budget* yang akan datang. Minta sedikit penjelasan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan, permohonan untuk melengkapkan Angkatan Tentera Malaysia ini dengan peralatan yang moden tertakluk dengan keupayaan negara kita, memang keinginan di peringkat Kementerian Pertahanan ialah untuk memperolehi peralatan-peralatan yang canggih agar ia dapat mempertahankan negara dan juga kita tidak diperkotak-katikkan oleh negara-negara luar, oleh pihak asing yang mempunyai muslihat yang jahat untuk cuba mengancam keamanan dan kedaulatan negara kita.

Saya yakin dengan adanya peruntukan yang mencukupi, banyak kemungkinan selaras dengan apa yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat daripada Larut, maka itu

akan dapat melengkapkan keperluan pihak Angkatan Tentera Malaysia dalam mempertahankan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu penjualan jet pejuang *Skyhawk* yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut berdiri lagi Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebelum Yang Berhormat masuk kepada pembelian senjata-senjata yang lebih canggih, sekarang ini kita tidak menghadapi peperangan dengan negara komunis selepas mereka meletakkan senjata, ekoran daripada perjanjian yang tercapai di antara kedua-dua pihak, apakah pihak kementerian melihat dalam persediaan memperkemaskan ataupun mempertingkatkan lagi sistem pertahanan kementerian juga melihat tentang kekurangan ke atas para anggota tentera berhubung dengan elaun yang mungkin masih perlu dinilai semula supaya mereka merasakan bahawa kedudukan mereka terjamin, tidak akan terpaksa ataupun terdesak membuat pekerjaan-pekerjaan lain sewaktu mereka bercuti ataupun di luar latihan kerana ini akan juga boleh menjejaskan masalah sosial kerana membabitkan anggota tentera. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Larut, memang Kementerian Pertahanan mengambil pendekatan yang agak menyeluruh, tentang melengkapkan pihak Angkatan Tentera Malaysia ini bukan hanya dalam pembelian peralatan ataupun pembinaan perumahan, bahkan juga menyentuh tentang kesihatan dan pendidikan, termasuk sehingga elaun seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, kerana kita tahu ini akan sedikit sebanyak dapat meningkatkan moral dan spirit pasukan angkatan tentera.

Dalam peperangan yang telah kita lihat sama ada dalam UNPROFO ataupun Afghanistan ataupun yang di Iraq, spirit dan moral angkatan tentera itu amat penting sekali. Mereka kalau kita dapat pertingkatkan, saya yakin mereka akan dapat berjuang dengan lebih tinggi lagi komitmen mereka dan akan dapat mempertahankan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak penjualan sebanyak 35 buah pesawat-pesawat tersebut telah pun ditandatangani pada bulan November 1996 dengan sebuah syarikat yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Bagaimanapun kementerian telah pun menamatkan kontrak jualan tersebut pada bulan Ogos 2002 kerana kegagalan syarikat berkenaan membayar sepenuhnya baki harga jualan pesawat kepada kerajaan. Satu laporan lengkap mengenainya akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan kita tengah menunggu tentang laporan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya memberikan sedikit penjelasan ke atas Program Khidmat Negara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, Wangsa Maju dan Rasah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang memperincikan cadangan Program Khidmat Negara ini di mana cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat juga akan dipertimbangkan.

Pada ketika ini, perancangan yang lengkap masih dalam pertimbangan Jawatankuasa Kabinet mengenai khidmat negara, model khidmat negara Malaysia dijangka akan diumumkan secara terperinci pada penghujung bulan Mei. Di samping itu, satu akta baru akan dibentangkan dalam Dewan ini pada sesi bulan Jun tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai *blueprint* dan *strategic deterrence* seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, Angkatan Tentera Malaysia sememangnya melaksanakan *strategic deterrence* atau cegah rintang. Strategi ini bertujuan untuk mempamerkan kekuatan ATM sebagai satu *deterrent force* yang disegani di samping memberi amaran kepada bakal penceroboh bahawa sebarang serangan ketenteraan terhadap Malaysia akan dibanteras oleh ATM.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ingin saya menyentuh isu strategi pembangunan dan perkongsian industri pertahanan. Konsep penswastaan serta kaedah penyelenggaraan dan baik pulih peralatan canggih ATM dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kerajaan memang menganggap syarikat-syarikat industri pertahanan tempatan sebagai rakan perkongsian dalam usaha meningkatkan keupayaan pertahanan negara.

Pada masa ini, penglibatan industri pertahanan tempatan adalah dalam aktiviti penyelenggaraan, pembaikan, baik pulih, rombak rawat, peningkatan keupayaan dan modenisasi ke atas platform persenjataan serta pelbagai atau *military solutions* yang digunakan oleh ATM. Keupayaan industri pertahanan tempatan dalam aspek ini akan membawa hasil dan menyumbang kepada penyediaan peralatan ketenteraan serta kesiapan ATM.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi membangunkan industri pertahanan tempatan, pelbagai strategi telah digubal oleh kerajaan, antaranya termasuk pelaksanaan konsep persyarikatan Malaysia, pemindahan teknologi dari negara asing kepada syarikat-syarikat pertahanan tempatan, seiring dengan pembelian peralatan.

Di bawah Program OFFSET (Out-Sourcing Non-Core Activities) ATM kepada syarikat-syarikat tempatan, kementerian juga mengamalkan penggunaan konsep Dwi Teknologi dalam sektor ketenteraan dan awam atau *dual-used technology in civil military applications*, dengan izin, serta penyediaan peluang pekerjaan kepada bekas-bekas tentera dalam pelbagai bidang.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan konsep tersebut, beberapa aktiviti telah dan akan terus diswastakan oleh Kementerian Pertahanan. Dalam melaksanakan penswastaan ini, Kementerian Pertahanan sentiasa memastikan bahawa isu kos, masa, serta kualiti perkhidmatan adalah sentiasa diutamakan. Kementerian Pertahanan sehingga kini telah pun menswastakan beberapa aktiviti ketenteraan seperti penyelenggaraan, baik pulih, kapal terbang TUDM

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Bunyi locengkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya pun tidak tahu di mana bunyi ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Penyelenggaraan dan baik pulih kapal terbang TUDM dan kapal-kapal TUDM serta perkhidmatan *catering* bagi anggota Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, demikian sahajalah di antara beberapa perkara yang dapat saya jelaskan berhubung kait dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Pertahanan dan saya ucapkan jutaan terima kasih dan sebarang teguran yang diberikan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, kita akan ambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Izinkan saya untuk menjelaskan beberapa pertanyaan daripada soalan yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat terutama daripada Shah Alam, Parit Buntar dan beberapa orang lagi semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari.

Saya amat menghargai keprihatinan mendalam yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya daripada Shah Alam tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah Alam Sekitar terutama mengenai masalah-masalah seperti pemanasan sejagat ataupun *global warming*, *Kyoto protocol*, pencemaran sungai, *incinerators* dan akhirnya mengenai bio teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya ingin memaklumkan bahawa Malaysia telah meratifikasi protokol Kyoto pada 4 September 2002 yang lalu. Sehingga 24 Februari 2003, sebanyak 105 buah negara telah meratifikasikannya. Walau bagaimanapun, protokol ini belum lagi dapat dikuatkuasakan kerana jumlah pelepasan gas rumah-rumah kaca daripada negara-negara yang telah meratifikasi protokol ini hanyalah 43.9% dan belum lagi mencapai had 55% seperti yang ditetapkan bagi membolehkan ia berkuat kuasa.

Protokol dapat berkuat kuasa dengan segera sekiranya negara seperti Rusia yang bertanggungjawab kepada 17.4% pelepasan gas-gas rumah-rumah kaca secepat meratifikasi protokol ini.

Kementerian memang sedar bahawa isu pemanasan sejagat kurang diketahui dan kurang diberi perhatian oleh masyarakat negara ini. Ini adalah kerana ia tidak menyentuh keselesaan rakyat secara langsung, ia berbeza dengan pencemaran udara ataupun jerebu yang dilihat dan dialami sendiri kesannya oleh rakyat.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah ramai yang tidak menyedari akan kesan dan punca pemanasan sejagat ini, malah ada yang langsung tidak tahu apa yang dimaksudkan dengan pemanasan sejagat. Keadaan sedemikian mengakibatkan tugas kementerian sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan ke atas isu-isu pemanasan sejagat semakin mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini bagi memastikan program kesedaran awam dijalankan dengan teratur dan berkesan, kementerian telah memperolehi peruntukan kewangan sebanyak kira-kira RM870,000 di bawah Rancangan Malaysia Kelapan bagi menjalankan program-program kesedaran awam dan juga pelbagai kajian bagi menangani kesan pemanasan sejagat ini. Kajian-kajian yang dijalankan adalah:-

- (i) kajian *coastal vulnerability index (CVI)* yang akan menunjukkan satu indeks yang boleh menunjukkan *vulnerability*, dengan izin, satu tempat kepada kenaikan paras air laut. Indeks yang dikenali sebagai CVI ini akan diwujudkan dan akan diguna pakai di dalam beberapa kawasan perintis yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza. Hasilnya boleh digunakan sebagai asas untuk mencadangkan satu langkah proaktif bagi menangani kesan kenaikan paras air laut;
- (ii) kajian kesihatan awam. Untuk mendapatkan maklumat tentang kewujudan penyakit-penyakit di negara ini dalam dekad yang lalu. Penyakit-penyakit ini termasuklah yang endemik kepada negara ini, penyakit baru dan juga penyakit lama yang timbul semula. Kajian ini seterusnya akan mewujudkan satu kaitan statistik di antara penyakit-penyakit yang telah dikenal pasti dengan faktor-faktor iklim bagi tempoh yang sama. Faktor lain yang akan diambil kira termasuklah faktor pembangunan, umur, perubahan guna tanah, sumber air dan pencemaran udara;
- (iii) kajian terhadap pengurangan pelepasan gas karbon dioksida iaitu kajian perbandingan mengenai potensi karbon *sequestration*, di mana tujuan ini adalah untuk menilai dinamik karbon di antara dua eco-system yang berbeza bagi menentukan karbon *sequestration potential* pada masa sekarang dan masa hadapan di kedua-dua eco-system ini. Kajian ini amat penting memandangkan terdapat usaha-usaha di arena antarabangsa untuk mewujudkan karbon *trading* di masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanah Merah berdiri Yang Berhormat, ya hendak beri jalan?

Dato' Zainal bin Dahalan: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit mengenai Yang Berhormat sebutkan tadi mengenai karbon dan kesihatan manusia.

Saya perhatikan terutama sekali di lebu-lebu raya terdapat tol di mana tol ini kereta berhenti, kemudian ada pekerja-pekerja tol yang mengambil tiket tol itu, kemudian di situ yang kita perhatikan apabila kenderaan yang cuba menekan minyak balik, ia melepaskan karbon daripada asap-asap kereta itu, tetapi tidak ada penahanan kepada pekerja-pekerja itu.

Kalau kita perhatikan di sesetengah tempat, tol yang berbukit, kalau kita dapat lihat kesannya ialah tiang-tiang lampu itu sendiri, daripada warna putih menjadi hitam, jadi kepada manusia itu, kepada pekerja-pekerja ini apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian supaya karbon-karbon yang tidak diperlukan itu masuk dalam pernafasan pekerja-pekerja itu.

Jadi, saya minta penjelasan sedikit.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat. Ini satu perkara yang juga kurang disedari kesannya secara keseluruhan. Jadi, dalam hal ini kita akan melihat apakah kesan-kesan yang lebih serius lagi terhadap kesan pelepasan gas-gas karbon dioksida yang diakibatkan oleh kereta-kereta yang bergerak di kawasan-kawasan tol, selepas dia berhenti dan sebagainya terhadap mungkin pekerja-pekerja ataupun petugas-petugas yang berada di rumah-rumah tol.

Mungkin kita akan dapatkan kerjasama daripada Kementerian Pengangkutan sendiri dan juga Kementerian Kesihatan, sejauh manakah kesan negatif daripada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, semua kajian ini dijangka akan memberikan maklumat yang terkini mengenai isu pemanasan sejagat yang berguna kepada para penggubal dasar, badan bukan kerajaan dan orang ramai. Program-program kesedaran awam pula ditumpukan kepada para penggubal dasar, badan-badan bukan kerajaan, pihak industri dan juga para pemberita dan sebagainya, semoga maklumat mengenai kesan-kesan yang berlaku ke atas *global warming* ataupun pemanasan sejagat ini akan dapat lebih dimaklumi oleh orang ramai. Dan juga telah menjalankan seminar-seminar mengenai perkara ini dengan badan-badan antarabangsa bagi menyedarkan lebih ramai stake holders tentang punca dan kesan gas-gas rumah kaca.

Di samping itu, kementerian juga memberi sokongan kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh beberapa badan bukan kerajaan dalam kempen kesedaran mereka mengenai dengan isu-isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengadakan seminar dan bengkel-bengkel kementerian juga telah mewujudkan satu jawatankuasa pemandu kebangsaan mengenai perubahan iklim bagi menggubal dasar, merancang pelan tindakan dan memastikan pelaksanaan program dan aktiviti selari dengan kepentingan negara. Pelan-pelan tindakan tersebut termasuklah menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan semasa, mewujudkan bangunan-bangunan yang menggunakan sumber tenaga secara berkesan ataupun *energy-efficient building* dan menggalak penggunaan kenderaan yang menggunakan gas asli ataupun *natural gas vehicles*.

Dalam pada itu kerajaan juga telah mewujudkan dasar bagi menggalakkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui ataupun RE iaitu *renewable energy*, sebagai bahan api kelima dan dengan ini boleh menyumbang 5% daripada keseluruhan bahan api untuk elektrik dalam tahun 2005.

Semua ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk mengurangkan pelepasan gas-gas rumah kaca yang menyebabkan ataupun salah satu sebab utama yang menyebabkan pemanasan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pencemaran sungai di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar telah mengenal pasti dan

memulakan pelaksanaan program pencegahan pencemaran dan peningkatan kualiti air sungai di Malaysia ke atas 26 lembangan sungai di seluruh negara.

Usaha pencegahan pencemaran dan peningkatan kualiti air sungai yang sedang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar ini merupakan suatu bentuk pengurusan lembangan sungai bersepadu yang melibatkan kawalan atau pencegahan pencemaran di peringkat punca dan menilai kesan pencemaran kepada persekitaran termasuklah di dalam ekosistem dan fizikal sungai-sungai terbabit di seluruh negara.

Objektif program ini adalah untuk memperbaiki kualiti air bagi sungai-sungai yang tercemar ataupun sederhana tercemar kepada status bersih serta mengembalikan kualiti air sungai berkenaan kepada kegunaan berfaedahnya mengikut kelas-kelas sungai dengan tumpuan utama untuk bekalan air minuman.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan.

Dato' Zainal bin Dahalan: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan... *[Terdiam sebentar kerana bunyi guruh yang kuat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu, dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak runtuh Yang Berhormat, bukan bom, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, kita.... saya tidak boleh lawan dengan petir ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Ini bukan bom di Baghdad.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, di Baghdad, macam itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Silakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Lebih kurang ya tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah *[Ketawa]* Saya pun tidak tahu, saya tidak pergi ke sana Yang Berhormat. Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, lebih kurangnya itu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Barangkali hendak pergi Iraq *[Ketawa]*.

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh juga, kita boleh pergi, tak jadi masalah pada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada tambahan kakitangan di dalam kementerian, itu satu langkah yang betul dan juga usaha tadi untuk membersihkan semua sungai, itu saya berharap dapat diteruskan. Bolehkah Yang Berhormat mengambil perhatian ataupun mengambil langkah yang positif untuk menangani masalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kita sebab saya sudah banyak kali

membangkitkan mengenai LRT kita, tiang-tiang itu di dalam sungai yang kecil. Tiang-tiang LRT ini di dalam sungai yang kecil, Sungai Klang, Sungai Batu dan sebagainya.

Tadi Yang Berhormat cakap, kita hendak ambil tindakan fizikal pula. Ini fizikal ini, tiang-tiang di dalam sungai ini macam mana kita boleh selesai. Kalau di Sungai Pahang, sungai besar dengan ada tiang-tiang untuk, apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jambatan.

Dr. Tan Seng Giaw: Untuk itulah kita pun boleh faham tetapi dengan sungai yang kecil kita sekarang ini, tiang yang besar macam mana kita boleh selesaikan masalah alam sekitar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kepong. Pada mulanya tanggungjawab mengenai penjagaan dan juga pengurusan sungai adalah di bawah agensi yang berlainan iaitu daripada Jabatan Parit dan Saliran atau JPS sendiri.

Dalam hal ini kementerian ingin orang kata dengan izin, *to supplement* atau meluaskan bidang tugas selain daripada memantau sebab-sebab dan juga punca-punca berkaitan pencemaran kepada usaha-usaha untuk bersama-sama membantu dari segi penjagaan dan juga pembersihan. Kita maklum bahawa keadaan yang berlaku di kawasan Kuala Lumpur khususnya di mana pembinaan struktur untuk membina laluan jalan bertingkat dan sebagainya yang sedikit sebanyak memang ada yang menyebabkan kesan kepada mungkin satu daripadanya, bila musim hujan lebat boleh menyebabkan banjir kilat dan juga kadang-kadang menghalang sedikit sebanyak laluan sampah sarap di dalam sungai tersebut.

Jadi dalam hal ini, oleh kerana memandangkan keperluan-keperluan yang begitu mendesak dari segi hendak menyelesaikan masalah lalu lintas, satu daripada penyelesaian yang dapat difikirkan ialah membina laluan-laluan seperti yang ada hari ini. Jadi dalam hal ini kita akan bersama-samalah dengan Dewan Bandaraya dan juga agensi yang berkenaan untuk melihat secara berterusan sekiranya berlaku kekotoran ataupun sampah-sampah yang terkumpul di bawah tiang-tiang tersebut dapat kita bersihkan dengan seberapa segera dan memberikan laluan air dalam sungai tersebut supaya tidak terhalang. Terima kasih.

Tuan Ronald Kiandee: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi, Ahli Yang Berhormat bagi Beluran, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Zainal bin Dahalan: Ya.

Tuan Ronald Kiandee: Sungai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Ronald Kiandee: Saya ingin bertanya tentang pencemaran sungai akibat daripada industri kelapa sawit iaitu air kumbahan daripada industri kelapa sawit. Kawasan saya berhadapan dengan masalah ini yang diakibatkan oleh kilang-kilang sekitar kelapa sawit di sekitar sebatang sungai yang memberi bekalan air bersih kepada penduduk di kawasan saya.

Dikatakan bahawa teknik *land application method* iaitu cara pembuangan sisa kumbahan kilang ini ke tanah daratan telah sedikit sebanyak mengakibatkan pencemaran terhadap sungai. Dikatakan bahawa air-air kumbahan yang dibuang ke tanah daratan ini, bila musim hujan, ianya menjadi punca kepada pencemaran disebabkan bahan-bahan disalurkan melalui hujan ke kawasan sungai-sungai yang berhampiran.

Saya ingin tahu, apakah pendekatan kementerian terhadap masalah ini sama ada *land application method* terhadap pembuangan sisa kilang ini boleh digunakan lagi ketika ini ataupun terdapat cara-cara atau pendekatan-pendekatan yang harus diambil oleh kementerian untuk menentukan bahawa kaedah pelepasan, *land application method* ini

tidak memberi kesan kotoran kepada sungai-sungai, apatah lagi sungai-sungai yang memberi bekalan air bersih kepada penduduk-penduduk. Saya inginkan penjelasan.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini pihak Jabatan Alam Sekitar di bawah kementerian sering mengadakan lawatan dan juga pemantauan terhadap masalah tersebut. Apa yang dilaksanakan pada masa ini ialah mengadakan perbincangan dan perundingan dengan pengusaha-pengusaha ataupun pemilik-pemilik kilang kelapa sawit ini supaya dapat mengawal pelepasan kumbahan ataupun sisa-sisa kotoran daripada kilang ke sungai dengan mensyaratkan supaya kilang-kilang mengadakan kolam-kolam tapisan untuk menapis sisa-sisa yang kotor sebelum air yang dianggap telah bersih disalurkan ke sungai.

Jadi kita akan teruskan usaha untuk mengadakan perbincangan dan nasihat selain daripada usaha terakhir kita untuk mengambil tindakan daripada segi undang-undang kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya ucapkan terima kasihlah di atas pandangan Yang Berhormat tadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan program berteraskan konsep pengurusan lembangan sungai bersepadu ini adalah wajar dilaksanakan dalam usaha untuk mencapai Wawasan 2020 dan status negara maju di mana sungai-sungai terpelihara dengan tahap kebersihan yang memuaskan. Hasilnya akan memberi banyak manfaat kepada negara terutamanya daripada kesejahteraan sosial dan ekonomi kepada orang ramai di samping berupaya memelihara alam sekitar. Mengurangkan bencana banjir, memastikan bekalan air jangka panjang, meningkatkan prospek pelancongan, memastikan penggunaan tanah yang mantap dan tersusun dan memajukan kehidupan sosial dan ekonomi negara.

Semua aspek ini sememangnya ditekankan di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan yang menyasarkan pewujudan keadaan alam sekitar yang sihat dan sejahtera untuk memastikan pembangunan mapan, saksama dan memberi manfaat kepada semua.

Usaha sebegini telah dilaksanakan secara berkesan dan jayanya di beberapa buah negara di Eropah dan Amerika Syarikat, New Zealand dan Australia di mana ianya memakan masa antara 10 hingga 30 tahun. Walaupun di Malaysia telah ada langkah-langkah yang diambil untuk menggunakan pendekatan pengurusan lembangan sungai bersepadu di peringkat negeri iaitu di Selangor dengan tertubuhnya Lembaga Urus Air Selangor atau LUAS namun ianya masih di peringkat awal dan masih memerlukan banyak penelitian dalam usaha untuk mengatasi masalah pencemaran kualiti air sungai di negara ini terutama bila merentasi lebih daripada satu negeri. Contohnya seperti Sungai Klang yang melalui Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Oleh yang demikian, keperluan untuk pelaksanaan *integrated river catchment management* dengan izin di peringkat Persekutuan adalah wajar dan mendesak untuk mengatasi masalah persempadanan lembangan-lembangan sungai tersebut dan untuk memastikan penyeragaman dan penjelasan polisi serta pengurusan di seluruh negara.

Tambahan pula pelaksanaan pendekatan bersepadu dan menyeluruh adalah kompleks dan memerlukan fokus dan komitmen yang tinggi. Oleh kerana terdapat beberapa agensi lain yang turut bertanggungjawab dalam pengurusan sungai, maka dengan persetujuan semua pihak, penentuan satu *lead agency* bagi memandu arah tuju yang jelas dan penyelarasan yang berkesan adalah amat wajar ditentukan bagi memastikan kejayaan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai *incinerator*, di kawasan yang menghadapi *constraint* keluasan tanah yang mencukupi dan aspek teknikal seperti kesesuaian hidrogeologi, kehendak zon penampunan dan sebagainya bagi pelupusan sisa pepejal di tapak pelupusan kambus tanah ataupun *landfill* maka teknologi *incinerator* merupakan kaedah terbaik untuk menangani masalah pelupusan sisa pepejal yang semakin meruncing di negara ini.

Berdasarkan kajian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2001, kawasan Kuala Lumpur sahaja menghasilkan sebanyak 2,400 tan sisa pepejal sehari

dengan purata setiap orang menghasilkan sebanyak 1.5 kilogram sisa pepejal sehari. Daripada jumlah ini, sebanyak 47% sahaja buangan sisa pepejal boleh dikitar semula. Manakala selebihnya perlu dirawat dan dilupuskan dengan kaedah yang sesuai dan selamat.

Berdasarkan peratus pencapaian dan program kitar semula yang masih rendah di kalangan rakyat semenjak ia dilancarkan pada tahun 2001 dan mengelakkan kawasan Lembah Klang mengalami krisis sampah yang serius akibat penutupan tapak-tapak pelupusan yang sedia ada menjelang tahun 2005, langkah kerajaan untuk membina sebuah loji *incinerator* berkapasiti 1,200 tan sehari di Selangor adalah sesuai dan tepat pada waktunya.

Penggunaan *incinerator* tidak memerlukan kawasan yang luas sebagai pembinaannya yang dapat mengurangkan 90% isi padu sisa pepejal kepada satu bentuk sisa akhir iaitu "slag" yang stabil ataupun "inert". Di samping mempunyai potensi *material recovery* yang tinggi, teknologi *incinerator* yang berasaskan konsep *waste to energy* dengan izin, mampu menjana tenaga elektrik melalui pemasangan *heat recovery system* dan ianya boleh dijadikan suatu hasil tambahan.

Kajian menunjukkan paras pencemaran dioksin yang dilepaskan daripada cerobong *incinerator* boleh dikawal kepada paras yang sangat rendah dan berada jauh di bawah paras yang ditetapkan oleh piawai antarabangsa seperti Kesatuan Eropah iaitu 0.1 nanogram bagi setiap meter padu.

Bagi pencemar-pencemar lain yang juga seperti asap, gas hidrogen florida, oksid-oksida sulfur, oksid-oksida nitrogen, plumbum, *cadmium* dan *mercury*, paras pelepasan boleh dikawal agar berada jauh di bawah paras yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seputeh berdiri.

Dato' Zainal bin Dahalan: Dan piawai 'C', Peraturan-peraturan kualiti Alam Sekeliling, Udara Bersih 1978.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak beri jalan?

Dato' Zainal bin Dahalan: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu macam mana kerajaan mengawal pengeluaran dioksin daripada *incinerator* ini dan adakah EIA di tapak baru di Broga telah pun dijalankan?

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, agensi-agensi yang berkaitan mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu bagi mengawal masalah-masalah yang dibangkitkan. Saya berharap supaya dapat kita memberi kesempatanlah. Saya percaya bahawa semua agensi yang berkaitan begitu prihatin dan peka di atas masalah-masalah yang mungkin timbul kesan daripada pembinaan *incinerator* yang akan dilaksanakan. Saya percaya dan berharap biarlah projek ini kita laksanakan dahulu selepas Kampung Bohol dibantahi dengan kuat oleh Yang Berhormat, hari ini cadangan untuk membina *incinerator* dipindahkan ke Broga. Saya harap Yang Berhormat boleh berikan sokonganlah kali ini. Jangan buat kempen kepada penduduk tempatan untuk menentang pula. Jadi akhirnya kita tidak boleh selesaikan masalah ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. EIA Report akan disediakan, itu perkara yang biasa sebagai peraturan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Silakan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soal *incinerator* ini, soalnya ialah soal kebanyakan mereka yang terlibat dalam membuat *research* tentang kesan-kesan sampingan ini bukan soal tempat dipindahkan dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain tetapi ialah kesan seperti mana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh tadi berkaitan dengan gas dioksin dan sebagainya yang boleh dikeluarkan melalui *incinerator* ini yang boleh memberikan kesan kepada kesihatan masyarakat manusia.

Jadi, bagi saya walaupun disebut tadi, cuma saya hendakkan penjelasan apakah pihak kerajaan bersedia untuk berbincang mendapat pandangan daripada pelbagai pihak termasuk daripada NGO dan sebagainya. Kerana baru-baru ini saya sempat menghadiri satu seminar yang berkaitan dengan *incinerator* yang dianjurkan oleh CAP di negeri Pulau Pinang yang menjemput pakar-pakar dari luar negara yang mendapati bahawa memang apa yang dijelaskan oleh pihak kerajaan selama ini tidak memberikan kesan.

Sebenarnya, mengikut kajian yang telah dibuat di luar negara apa yang sudah berlaku tetap ia memberikan kesan. Pada saya ini ada kertas-kertas kerja yang menunjukkan, membuktikan, memberi jawapan kepada beberapa penjelasan daripada kerajaan yang disanggah oleh pendapat ini. Pendapat ini menjelaskan bahawa tidak sewajarnya *incinerator* itu diguna sebagai penyelesaian kepada permasalahan pelupusan sampah.

Bagi saya juga bahawa sepatutnya kerajaan mencari jalan bukan hendak menguruskan bagaimana hendak melupuskan sampah, mencari jalan bagaimana hendak mengurus bagi mengurangkan sampah. Dan, kemudian mencari pendekatan-pendekatan yang terbaik untuk memastikan supaya penyelesaian kepada masalah sampah itu tidak memberikan kesan sampingan kepada masyarakat manusia.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Projek *incinerator* ini bukanlah satu projek yang telah begitu panjang dipolemikkan, walaupun kita telah berikan bukti keyakinan bagaimana negara-negara yang maju juga menyelesaikan masalah-masalah pembuangan sisa dengan menggunakan *incinerator*.

Namun dalam apa sahaja projek memang kita tidak nafi ada kesan-kesan sampingan yang boleh ataupun yang akan timbul tetapi dengan kaedah-kaedah terkini dari segi teknologi dan sebagainya, saya ataupun kerajaan yakin bahawa kita akan berusaha untuk memastikan bahawa masalah-masalah yang akan timbul ini dapat diminimumkan.

Tidak ada satu program ataupun projek yang boleh dikatakan 100% tidak ada masalah, saya kira memang mungkin ada masalah. Tetapi saya ataupun kita berkeyakinan bahawa dengan kaedah moden apa kesilapan dan kekurangan yang terdapat di dalam projek-projek *incinerator* yang ada di luar negara harus boleh diperbaiki, dengan itu masalah-masalah yang dibimbangkan akan dapat kita kurangkan seberapa minimum yang mungkin.

Mengenai perundingan, perbincangan, saya kira itu tertakluk kepada apakah *subject matter* ataupun perkara yang ingin hendak dibincangkan kerana kadangkala kalau perkara-perkara yang berbentuk teknikal kita hendak bincangkan dengan pihak-pihak NGO yang hanya bercakap mengenai perkara-perkara yang mereka tahu secara umum kadang-kadang tidak ada kesan akhirnya. Tetapi kalau sekiranya kerajaan berpendapat bahawa perbincangan dengan jabatan agensi teknikal yang sedia ada sudah memadai maka kita rasa bahawa itu sudah mencukupi untuk kita terus melaksanakan program yang akan dilaksanakan ini. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Beri jalan lagi, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Seputeh berdiri lagi, Yang Berhormat.

Dato' Zainal bin Dahalan: Cukuplah, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Zainal bin Dahalan: Banyak lagi rakan-rakan hendak dijawab ini. Kita tengoklah projek ini siap besok kita sama-sama melawat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ialah mengenai bidang bio-teknologi yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam, iaitu di mana bidang bioteknologi sering disebut sebagai teknologi untuk abad ke-21 yang mempunyai potensi yang besar dalam industri selepas ICT.

Bioteknologi adalah bidang *multi-sectoral* yang dapat menjana faedah ekonomi dalam bidang pertanian, perubatan, kesihatan, kejuruteraan dan alam sekitar dan lain-lain. Bidang ini juga akan memberi kesan yang besar kepada alam kehidupan di dunia seperti penghasilan dadah baru untuk tujuan perubatan, makanan yang kaya dengan khasiat dan lain-lain lagi.

Penemuan gene manusia melalui *Human Genome Project* pada Februari 2001 memberi impak yang besar kepada saintis dalam bidang bioteknologi khususnya melalui penguasaan ilmu pengetahuan mengenai kehidupan manusia. Sejajar dengan kedudukannya sebagai satu bidang yang penting bioteknologi telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada lima bidang teknologi yang akan membawa Malaysia sebagai sebuah negara industri pada tahun 2020 melalui sokongan dan komitmen daripada kerajaan.

Menyedari pentingnya bioteknologi, sebuah Majlis Bioteknologi dan Biodiversiti Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan ahli-ahli majlis ini terdiri daripada Yang Berhormat Menteri-menteri dan dari kementerian-kementerian yang terlibat dalam bidang bioteknologi dan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri telah ditubuhkan pada tahun 2001 dengan tujuan:

- (i) untuk mengenal pasti hala tuju polisi dan strategi pembangunan untuk bioteknologi dan biodiversiti negara;
- (ii) mengkoodinasikan pembangunan biodiversiti dan bioteknologi negara; dan
- (iii) mencadangkan kepada kerajaan arah tuju dan pembangunan strategi untuk bioteknologi dan biodiversiti negara.

Selain itu, kerajaan melalui kementerian telah menubuhkan Direktorat Teknologi Kebangsaan pada tahun 1995 dengan tujuan untuk mengkoordinasikan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang bioteknologi secara lebih khusus lagi. Ianya juga bertujuan memantapkan lagi hubungan kerjasama penyelidikan dan pembangunan antara sektor awam dan swasta bagi menerajui pembangunan bioteknologi negara dan menghasilkan produk yang boleh dikomersilkan.

Strategi yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) membangunkan kerjasama penyelidikan dengan organisasi penyelidikan dan industri yang hasilnya menjurus kepada *commercialization* dan menggalakkan pembangunan ekonomi lestari;
- (ii) membangunkan keupayaan penyelidikan dalam bidang bioteknologi;
- (iii) menyokong serta mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan program *biotech* dan pembangunan sumber-sumber manusia; dan
- (iv) mengadakan perkongsian pintar dengan industri penyelidikan luar negara.

Projek-projek R&D dalam bidang bioteknologi dilaksanakan secara kerjasama antara saintis institusi penyelidikan tempatan melalui Pusat Koperatif Bioteknologi yang ditubuhkan. Melalui jalinan dan kerjasama ini beberapa pencapaian seperti penghasilan penumbuhan yang diubah genetiknya bagi tujuan rintangan kepada serangan virus, penghasilan *recombinant* vaksin untuk haiwan, penghasilan *techno-bio remedy* untuk rawatan sisa kumbahan industri dan pertanian dan teknik penanda DNA untuk tumbuhan telah ditemui. Kegiatan R&D ini akan ditingkatkan lagi di mana penyelidik dan saintis negara digalakkan supaya lebih aktif dalam penyelidikan. Selain dari itu pihak swasta juga digalakkan untuk menjalankan R&D atau melabur dalam projek-projek bioteknologi di negara ini.

Bagi memastikan sumber tenaga manusia dilatih secara berterusan khususnya dalam bidang bioteknologi beberapa program latihan secara khusus telah diadakan.

Sehingga kini seramai hampir 400 saintis *bio-tech* telah dilatih dalam teknik-teknik terkini bioteknologi di bawah pelbagai program pembangunan sumber manusia yang ditaja oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama Pusat Koperatif Bioteknologi. Seramai 80 pelajar peringkat Sarjana dan 39 orang pelajar peringkat Doktor Falsafah telah diberikan biasiswa di bawah Skim Pembiayaan Penyelidikan Sains Nasional untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang bioteknologi.

Bagi memanfaatkan negara dalam pemindahan teknologi, pihak kementerian telah mengadakan kerjasama dengan institusi penyelidikan luar. Salah satu program kerjasama yang dijalankan ialah Program Kerjasama Penyelidikan Malaysia dengan Massachusetts Institute of Technology (MIT) dalam bidang bioteknologi. Program ini telah berjaya meningkatkan keupayaan kita dalam bidang bioteknologi kelapa sawit dan penemuan produk semula jadi.

Di bawah projek ini sebanyak 11 projek dilaksanakan dengan penglibatan seramai 160 orang saintis dari institusi penyelidikan tinggi awam dan swasta. Setakat ini dua paten telah difailkan di bawah program ini dan 10 lagi sedang dikaji. Kementerian ini juga akan memperbanyakkan lagi kerjasama penyelidikan dengan negara luar atau institusi yang terkemuka di dunia dalam bidang-bidang bioteknologi.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai semua bahan dan resipi untuk mencapai kejayaan dalam industri bioteknologi. Sebagai sebuah dari 12 buah negara mega pelbagaian ataupun *mega diversity* di dunia, Malaysia mempunyai khazanah flora dan fauna yang belum diterokai sepenuhnya untuk penyelidikan dan pembangunan bagi tujuan kesihatan dan perubatan. Kekayaan khazanah negara hanya boleh dimanfaatkan sepenuhnya sekiranya kita mempunyai keupayaan dari segi *skill*, kemahiran dan kemudahan infrastruktur yang sesuai. Usaha-usaha ke arah ini sedang dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Sehubungan dengan ini Malaysia akan menganjurkan satu mesyuarat pakar bagi *Like-Minded Megadiverse Countries Group* pada bulan Mei 2003 akan datang bertujuan untuk memperkukuhkan keupayaan koordinasi kumpulan tersebut dari segi mekanisme, operasi dan *networks* selepas kumpulan ini ditubuhkan di Cancun, Mexico pada 18 Februari 2002. Objektif utama kumpulan ini adalah untuk mengetengahkan dan melindungi kepentingan negara ahli *Megadiverse* berhubung dengan penggunaan sumber-sumber kepelbagaian bioteknologi yang terdapat di negara masing-masing.

Penganjuran mesyuarat pakar ini adalah susulan daripada tawaran yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa mesyuarat yang diadakan oleh kumpulan tersebut sempena sidang kemuncak Pembangunan Lestari Sedunia ataupun WSSD di Johannesburg, Afrika Selatan yang lalu.

Bioteknologi dikenali sebagai pemacu pengetahuan teknologi yang memerlukan sokongan kuat melalui perkongsian pengetahuan dan rangkaian. Dengan adanya MSC infrastruktur sedia ada, Malaysia mampu menerokai bidang bio-informatik dan bioteknologi secara lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan projek *bio-valley* sebagai projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Ianya

merupakan satu pelan tindakan yang digariskan di bawah strategi bioteknologi kebangsaan bagi membangunkan *cluster* bioteknologi dalam Koridor Raya Multimedia. Ini akan mewujudkan senergi antara bidang bioteknologi dan dapat menjana ekonomi melalui k-ekonomi yang berasaskan kepada komunikasi, sains, pendidikan dan pembangunan dan harta intelek.

Bioteknologi dan ICT merupakan dua elemen penting dalam k-ekonomi. Para analisis berpendapat bahawa gabungan antara bioteknologi dan ICT akan menjadi penyumbang utama yang dapat menjana ekonomi negara. Dalam usaha untuk menggalakkan lagi aktiviti di *bio-valley*, kementerian telah menjemput kerajaan-kerajaan negara mengambil bahagian dalam projek *bio-valley*. Sehingga kini sebanyak 6 kerajaan negeri telah memberi persetujuan dan dijangkakan lain-lain negeri akan turut serta mengambil bahagian dalam projek ini.

Bagi tujuan mempromosikan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk mewujudkan aktiviti bioteknologi negara, kementerian telah menganjurkan Bio-Malaysia 2002, *International Biotechnology Symposium, Exhibition And Business Partnering*, dengan izin, atau dikenali sebagai BioMalaysia 2002 pada 1 hingga 4 Oktober 2002 yang lepas.

BioMalaysia 2002 adalah bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada saintis, penyelidik, usahawan dan pelabur untuk mengenali lebih dekat lagi industri bioteknologi di Malaysia dan seterusnya melibatkan diri dalam *bio-valley* Malaysia. *Conference* ini telah dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada masa ini dalam proses menggubal Dasar Bioteknologi Negara yang akan dijadikan panduan dalam mencorakkan pembangunan bidang bioteknologi negara supaya pihak-pihak yang terlibat mempunyai hala tuju yang jelas. Dasar ini menyediakan landasan yang sesuai untuk mengeksploitasi bioteknologi dan menggunakan sumber biologi negara secara lebih terkawal untuk menjana kekayaan.

Pada masa yang sama ianya membantu meningkatkan kualiti hidup bersesuaian dengan nilai dan standard Malaysia dalam melindungi tahap kesihatan dan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah penjelasan yang dapat saya sampaikan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Zainal bin Dahalan:yang telah memberikan buah fikiran dan pandangan

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Zainal bin Dahalan: ...dan mana-mana yang tidak dapat saya jelaskan, kita akan mengambil ingatan untuk tindakan-tindakan selanjutnya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tunggu sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah habis, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Perkara yang saya bangkitkan, ucapan saya tidak dijawab mengenai SIRIM dan ISO 9000, tadi Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri kata ini adalah di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kenapa ini tidak dijawab?

Dato' Zainal bin Dahalan: Mungkin kita akan beri jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak jawab secara bertulis, Yang Berhormat. Ya, minta dia besok.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Besok boleh? Besok boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bila-bilalah, Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya sudah tunggu lama untuk inilah. Saya tunggu lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kementerian Sumber Manusia. Dia sudah cakap macam itu, Yang Berhormat.

5.24 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, seramai enam Ahli Yang Berhormat yang menyentuh isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia sewaktu membahaskan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ke bawah Duli oleh enam Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang menyentuh isu-isu Kementerian Sumber Manusia iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam, Yang Berhormat bagi Kluang, Yang Berhormat bagi Tambun, Yang Berhormat bagi Dungun, Yang Berhormat bagi Hulu Langat dan juga Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Kementerian mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Shah Alam telah membangkitkan isu bahawa dalam *Voluntary Separation Scheme* (VSS) terdapat pegawai yang tidak berpuas hati dan merasa kekecewaan yang berlaku ekoran skim tersebut.

Di sini ingin saya menjelaskan di dalam Dewan yang mulia bahawa pada tahun 1997 akibat kegawatan ekonomi banyak syarikat terpaksa mengambil keputusan memberhentikan atau mengurangkan pekerja, salah satu tindakan yang diambil ialah memberhentikan pekerja secara dengan izin, *Volunteer Separation Scheme* (VSS). Menerusi skim ini para pekerja diberikan pilihan untuk memohon berhenti secara sukarela dengan dibayar pampasan yang sewajarnya.

Pada lazimnya majoriti pekerja akan menerima skim ini kerana ia menawarkan jumlah pampasan yang lebih menguntungkan berbanding jika mereka memohon berhenti kerja di luar skim atau diberhentikan kerja. Walau bagaimanapun di bawah skim VSS ini terdapat juga pekerja yang memohon untuk berhenti kerja secara sukarela tetapi tidak diluluskan oleh majikan. Mereka ini diminta untuk terus bekerja oleh pihak syarikat kerana tenaga mereka masih diperlukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan, ya sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Timbalan Menteri. Di kawasan Parlimen Sri Gading, ada tiga kawasan perindustrian, antara yang terbesar di negeri Johor, apabila meletusnya perang ataupun Iraq diserang oleh Amerika ini, beberapa orang pemuda cawangan UMNO, sana PAS tidak kuat, UMNO ini! Telah datang berjumpa saya melahirkan rasa kebimbangan kerana mungkin kalau peperangan ini berlarutan kerana nampaknya pertahanan Iraq ini tidak mudah dibuli oleh samseng koboi dari Amerika ini, mungkin akan mengambil masa yang panjang dan dengan itu mungkin akan menjejaskan eksport kita dan apabila menjejaskan eksport ini, bermakna kilang-kilang harus *reduce* dia punya pengeluaran dan apabila itu berlaku maknanya dia juga harus agaknya mengurangkan tenaga pekerjanya dan inilah

yang menjadi kebimbangan para pemuda-pemudi di kawasan Parlimen saya. Apa agaknya langkah kementerian untuk, untuk.....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Mengatasi masalah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:untuk membuat persiapan, persediaan, ikhtiar supaya pekerja-pekerja inilah tidak dibuang oleh majikan, itu satu. Saya sambung sekali...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sambung, sambung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hasil daripada pemeriksaan ketat yang mengada-ada yang dibuat oleh Kerajaan Singapura baru-baru ini, di mana puluhan ribu pekerja dari Johor yang lewat datang mungkin lambat datang kerana akibat perbuatan ini mungkin dibuang kerja oleh majikan mereka di Singapura. Apa agaknya kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa agaknya kalau peristiwa-peristiwa seperti itu berlaku bagaimana? Bagaimana agaknya nasib pekerja-pekerja kita itu, jadi saya mohon Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan, penerangan yang jelas dan terang daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, silakan.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya memang maklumlah Yang Berhormat Sri Gading sentiasa prihatin tentang nasib anak buah beliau, PAS ini memang tidak kuat di Sri Gading sebab Ketua Bahagian UMNO dia, kuat. Mengenai tindakan kementerian, mengenai kesan perang jangka pendek dan jangka panjang terhadap pekerja, Mesyuarat Kabinet baru-baru ini telah pun mengarahkan Kementerian Sumber Manusia mengaktifkan kembali satu jawatankuasa khas yang memang kita wujudkan setiap kali kita menghidu, dan menjangkakan mungkin pekerja-pekerja kita terlibat dan mungkin diberhentikan ekoran daripada kesan-kesan yang boleh menggugat ekonomi negara.

Umpamanya pada tahun 1997 kita menggerakkan jawatankuasa tersebut di mana jawatankuasa tersebut akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Buruh, dahulu Jabatan Buruh sekarang tukar nama Jabatan Tenaga Kerja. Di mana kita akan terus menggerakkan jawatankuasa ini bukan sahaja di peringkat pusat, kita ada *hotline* dan juga di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah di semua 94 pejabat tenaga kerja atau pejabat buruh yang berselerak di seluruh negara. Di mana kita akan memastikan pekerja-pekerja, jika perang berlarutan dan mungkin pekerja kita diberhentikan, tetapi ada prosedur-prosedur tertentu yang pihak-pihak syarikat, yang mungkin terjejas ekoran daripada perang yang berlarutan ada prosedur-prosedur yang tertentu yang perlu mereka ikut seperti yang kita hadapi sewaktu kegawatan ekonomi pada 1997.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlu bimbang memang sifat semula jadi manusia memang kita rasa takut dengan suasana-suasana yang tidak menentu, tapi kementerian sudah pun menjalankan tindakan secara proaktif. Apa pun pekerja tempatan akan sentiasa diberi *priority* daripada pekerja asing.

Mengenai isu kedua pekerja Malaysia yang diperiksa begitu teliti oleh pihak berkuasa Singapura sewaktu mereka hendak masuk bekerja, dari sudut kementerian ikut pada perundangan antarabangsa kita tidak boleh campur tangan kerana pekerja Malaysia yang bekerja ulang alik, pekerja Malaysia yang berulang alik dari Johor Bahru majoritinya ke Singapura, ini adalah bidang kuasa Kerajaan Singapura untuk memastikan suasana keselamatan negara mereka terjamin. Walau bagaimanapun kita boleh melahirkan rasa ...

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tunggu sekejap Pokok Sena, biar saya habis dahulu! Melahirkan rasa tidak puas hati kita melalui Kementerian Luar Negeri. Dan jika ada pekerja-pekerja kita diberhentikan kerja ekoran daripada datang lambat ini adalah juga bidang kuasa Kerajaan Singapura yang mempunyai undang-undang yang berdaulat macam kita juga. Sila, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan Timbalan Menteri. Mengenai isu sekatan kepada pekerja-pekerja Malaysia yang berlaku untuk masuk ke Singapura ini, disebut tadi berpuluh-puluh ribu kalau tidak silap saya. Cuma saya hendak tanya di Johor tidak ada kerjakah? Sehingga orang Johor

terpaksa kerja di Singapura, sebab saya sebelum ini digembar-gemburkan bahawa orang Kelantan yang tidak ada kerja di Kelantan, jadi mereka bekerja di Kuala Lumpur. Sekarang nampaknya dari Johor bekerja ke Singapura, berpuluh-puluh ribu seolah-olah macam Kerajaan Johor itu tidak mampu membangunkan industri untuk berikan peluang pekerjaan kepada rakyat Johor.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha, mana ada? [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Seorang Ahli: Macam mana hendak jawab tu?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Pokok Sena inilah, dia tidak tahu, dia duduk di Kedah, yang ramai kerja di Singapura itu ramai rakyat Kelantan dengan Terengganu. Dia duduk sahaja di negeri Johor tumpang, dia kerja di Singapura sebab dua-dua negeri ini tidak ada apa pun yang boleh menjamin kestabilan pekerja. [*Sorak*][*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, biar saya sambung sedikit ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Dr. Abdul Latiff Ahmad: Walau bagaimanapun, di bawah Skim VSS ini terdapat pekerja yang memohon bercuti secara sukarela tetapi tidak diluluskan oleh majikan. Mereka ini diminta untuk terus bekerja oleh pihak syarikat kerana tenaga mereka masih diperlukan. Ini menimbulkan ketidakpuasan hati mereka tambahan lagi pihak majikan tidak dapat memberikan jaminan atau perlindungan yang mereka tidak akan diberhentikan kerja sekiranya berlaku sesuatu terhadap syarikat di kemudian hari.

Pada keseluruhannya Skim VSS ini merupakan skim yang dilaksanakan oleh majikan dengan perjanjian bertulis oleh pekerja yang menerima tawaran skim tersebut. Skim ini memberi peluang kepada pekerja untuk menentukan pemilihan mereka sama ada ingin terus kekal dalam jawatan sedia ada ataupun menerima skim saraan yang ditawarkan oleh majikan.

Sehubungan itu, pihak Kementerian Sumber Manusia amat menggalakkan para majikan dan kesatuan pekerja untuk sama-sama berbincang dan membuat Perjanjian Kolektif atau dengan izin, *Collective Agreement* bagi mengatasi masalah ketidakpuasan hati serta memelihara perhubungan yang baik di antara mereka. Oleh yang demikian, soal tidak puas hati atau kecewa tidak timbul kerana pihak majikan telah pun memberi penerangan sejelas-jelasnya dan keputusan untuk memilih VSS adalah sepenuhnya dalam bidang kuasa pekerja sama ada hendak memilih VSS ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kluang dan juga Yang Berhormat bagi Tambun membangkitkan isu yang lebih kurang sama iaitu mengenai masyarakat yang berasaskan pengetahuan atau *a knowledge-based society*, dengan izin. Kementerian Sumber Manusia melalui hubungan Sumber Manusia Berhad telah melaksanakan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) sebagai mekanisme penting untuk mewujudkan pekerja yang berpengetahuan. Melalui skim ini, majikan adalah digalakkan untuk melatih semua pekerja secara berterusan dan melatih semula secara berterusan ini akan meningkatkan pengetahuan dan keberkesanan pekerja.

Dari mula dilaksanakan pada tahun 1993 hingga Februari 2003 sebanyak 3.5 tempat latihan telah diluluskan oleh majikan bagi melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja dengan melibatkan bantuan kewangan sebanyak RM1,353.88 juta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peningkatan kemahiran ICT, PSM Berhad juga menggalakkan majikan untuk melatih pekerja mereka di dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Bagi tujuan ini, PSM Berhad telah melaksanakan Skim Pembelian Komputer untuk membolehkan majikan melengkapkan bilik latihan dengan komputer bagi tujuan latihan ICT. Sehingga Februari 2003, sejumlah RM19 juta telah diluluskan di bawah skim tersebut. PSMB juga telah melaksanakan skim latihan berasaskan komputer untuk membenarkan majikan membeli atau membangunkan perisian latihan bagi melatih pekerja melalui kaedah latihan berbantu komputer dan sehingga Februari 2003, PSM Berhad telah meluluskan sebanyak 430,642 tempat latihan dengan bantuan kewangan sebanyak RM177.3 juta dalam bidang kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi. Di samping itu

PSM Berhad juga melaksanakan Skim Perintisan Teknologi Maklumat sebagai usaha untuk meningkatkan penawaran pekerja mahir dalam bidang kemahiran teknologi tinggi dan komunikasi yang diperlukan oleh majikan penaja.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu teras dalam Rancangan Malaysia Kelapan ialah mempercepatkan pembangunan sumber manusia dengan mengoptimumkan penggunaan tenaga buruh tempatan dan mengukuhkan sistem maklumat pasaran buruh untuk menambah penawaran tenaga manusia berkemahiran tinggi dan juga berpengetahuan. Lebih ramai tenaga kerja tempatan terlatih, berkemahiran dan berpengetahuan diperlukan oleh negara untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang baik dan lebih berdaya saing.

Oleh yang demikian, dalam program Pembangunan Sumber Manusia di negara ini menerusi kementerian ini telah memberi tumpuan dan penekanan kepada peningkatan daya saing dengan meningkatkan penawaran tenaga kerja berkemahiran tinggi menerusi penambahan peluang latihan, latihan semula, peningkatan kemahiran dan sistem penyampaian latihan yang berkualiti termasuk dalam bidang ICT yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu KSM melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai program melahirkan tenaga kerja mahir yang terlatih melalui perancangan yang komprehensif. Program latihan yang dilaksanakan meliputi pra perkhidmatan di institut latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) dan kementerian ini juga menyediakan serta menggalakkan penggunaan standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan atau National Occupational Skills Standard (NOSS) melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan sebagai *parallel career path* - dengan izin untuk *skill-based occupations*.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah mengambil langkah-langkah untuk menambah semua tenaga mahir dengan mempertingkatkan kapasiti institut latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia daripada 17 ribu kepada 28 ribu setahun bila kesemua institut tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kelapan yang semuanya sembilan buah siap sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Dungun telah membangkitkan isu mengenai permohonan perolehan Pusat Latihan TESDEQ Terengganu dan Pinjaman Tabung Pembangunan Kemahiran. Perkara tersebut, mengenai tabung, Yang Berhormat bagi Hulu Langat juga membangkitkan isu yang sama. Sukacita dimaklumkan bahawa kementerian ini melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan telah memproses permohonan tersebut untuk menjadi pusat bertauliah. Pemeriksaan premis telah dijalankan untuk menilai kesesuaian peralatan dan kemudahan yang disediakan. Permohonan ini akan dibawa kepada Jawatankuasa Standard dan Persijilan setelah semua penguasaan teknikal diatasi.

Kita dapati bahawa ada elemen-elemen setelah pegawai membuat pemeriksaan, terdapat bukti-bukti bahawa TESDEQ Terengganu tidak mempunyai kemahiran dari sudut teknikal khususnya penyediaan para pengajar untuk mengendalikan kursus-kursus yang lebih *value-added* seperti tool and dye dan juga kepakaran-kepakaran yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Hulu Langat juga membangkitkan isu mengenai Tabung Pembangunan Kemahiran. Kementerian telah membuat keputusan memberhentikan Tabung Pembangunan Kemahiran buat sementara supaya tunggakan bagi tahun 2002 dapat diselesaikan secepat mungkin. Keadaan ini berlaku kerana permohonan pinjaman daripada tabung telah mendapat sambutan di luar dugaan dan kementerian ini sedang berusaha untuk memohon dana tambahan. Pinjaman yang diberikan sebanyak RM5 ribu maksimum setahun sahaja kerana syarat yang liberal membolehkan kelulusan diberi bagi RM10 ribu hingga RM15 ribu pinjaman telah mengakibatkan penyalahgunaan kemudahan pinjaman oleh pihak-pihak tertentu.

Oleh yang demikian, syarat pinjaman telah dikaji semula dengan tujuan seperti berikut:

- (i) untuk mengagihkan pinjaman latihan kemahiran kepada seberapa ramai peminjam yang boleh;

- (ii) untuk melihat keberkesanan program latihan yang telah dijalani dan penerimaannya di pasaran kerja;
- (iii) untuk mengamalkan konsep latihan semula dan peningkatan kemahiran selepas bekerja untuk menentukan hanya mereka yang benar-benar berminat meningkatkan kemahiran sahaja dipertimbangkan pinjaman tambahan untuk memupuk tanggungjawab membayar balik pinjaman; dan
- (iv) untuk mengurangkan kemungkinan penyalahgunaan pinjaman oleh pihak-pihak tertentu.

Selaras dengan itu pinjaman sebanyak RM5 ribu untuk satu tahap atau kombinasi tahap-tahap latihan yang mengambil masa di antara enam hingga 12 bulan pembayaran sahaja yang akan dipertimbangkan. Ini bermakna, kursus yang masa pembayarannya kurang daripada enam bulan tidak layak dipertimbangkan.

Kedua, pinjaman tambahan untuk peningkatan tahap kemahiran pula hanya layak dipertimbangkan sekiranya peminjam telah membuat pembayaran balik pinjaman terdahulu untuk tempoh atau jumlah bayaran tidak kurang enam bulan ansuran.

Untuk dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kementerian hanya membekukan sementara permohonan baru tabung supaya tunggakan 2002 dapat diselesaikan dengan secepat mungkin, dan untuk tujuan memverifikasikan status pelajar dan amaun tanggungan yang sebenarnya, bagi membolehkan kementerian membuat permohonan dana tambahan daripada Perbendaharaan Malaysia.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Pusat Bertauliah MLVK juga

....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Bagi saya habis dulu. Haruslah mempunyai sumber kewangan alternatif dan tidak harus bergantung seratus peratus semata-mata kepada pinjaman daripada Tabung Pembangunan Kemahiran, kerana dana memang terhad, apatah lagi permintaan adalah melebihi kemampuan dana yang ada. Walau bagaimanapun, kementerian akan membuat pembayaran kepada peminjam yang telah diluluskan dan yang telah menghantar perjanjian kepada tabung.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan soal pinjaman Tabung Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia untuk kursus-kursus Majlis Latihan Vokasional Malaysia ini, pertama, saya hendak mendapatkan sedikit penjelasan, berapa lamakah tempoh pembekuan sementara ini dimaksudkan, sebab kadang-kadang kita ada juga permasalahan, takut nanti kolej-kolej tersebut tidak boleh beroperasi, yang kesannya nanti kepada pelajar-pelajar, itu yang saya hendak sebut.

Yang kedua, bolehkah seseorang pelajar yang masuk ke sesuatu kolej, dia habis tahap satu, tahap dua dan tahap tiga, dapat sijil-sijil MLVK dan kemudian untuk tahap empat dia tukar ke kolej lain. Adakah boleh dia menyambung pinjamannya ataupun sekerat jalan dia hendak tukar kolej, dia boleh sambung pinjaman itu, boleh di*transfer* ke kolej yang lain?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Seperti saya nyatakan, senario ini hanya bersifat sementara. Sebagai Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa bertanggungjawab, ada kerajaan dia tidak berani tanggung, dia jawab pun salah.

Jadi, ini sementara sahaja, bila kita sudah selesaikan semua tunggakan, pegawai-pegawai di peringkat kementerian dan juga Perbendaharaan sudah pun berbincang kerana kita jangkakan tiap-tiap tahun hanya 30,000 sahaja yang membuat pinjaman tetapi sejak tahun 2002 tiba-tiba penyedia latihan mengadakan pelbagai taktik untuk meramaikan

pelajar dan pelajar juga sedar tentang adanya tabung ini dan tiba-tiba kita mendapat permohonan yang begitu banyak sehingga tiga kali ganda. Dan justeru itu, peruntukan yang kita sediakan sudah pasti tidak cukup. Jadi, untuk lebih adil kepada pelajar dan juga kepada penyedia latihan, kita hendak *settle* segala tunggakan untuk tahun 2002.

Kita tidak mengarahkan penyedia latihan untuk tidak mengambil pelajar-pelajar. Mereka boleh terus mengambil pelajar, tetapi pelajar-pelajar tersebut belum pasti lagi menerima bantuan pinjaman yang dinyatakan. Jadi, ini juga akan mengajar supaya penyedia-penyedia latihan lebih kreatif, tidak semata-mata bergantung harap kepada pinjaman tersebut – pinjaman untuk pelajar, sebab pelajar yang kena bayar, bukan penyedia latihan yang kena bayar kemudian hari.

Mengenai *career path*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, mereka memang boleh tukar kolej sebab bukan semua penyedia latihan menyediakan tahap-tahap tertentu – mungkin dia A – tahap dua; bila naik ke tahap tiga, dia tidak ada kepakaran untuk menyediakan latihan untuk tahap tiga. Jadi, dia kena mohon di kolej yang lain atau penyedia yang lain. Sebenarnya pelajar boleh pergi. Dengan adanya syarat kelulusan yang terbaharu, kita hendak galakkan supaya lebih ramai orang dapat akses kepada pinjaman tersebut. Maka mereka perlu, sebaik habis saja mendapat kemahiran, mereka kena kerja dahulu – mungkin selepas kerja selama setahun, dan mereka pun sesudah membayar enam kali ansuran baru mereka boleh sambung balik pinjaman untuk tahap yang lebih tinggi.

Dengan demikian, kita boleh kawal mereka yang benar-benar hendak menyambung peningkatan tahap kecekapan dan kemahiran mereka. Yang boleh bayar dan betul-betul minat baru dia sambung. Kalau tidak, ini akan mendedahkan mereka kepada penyalahgunaan dana tersebut oleh penyedia-penyedia latihan, bukan oleh pelajar.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas penjelasan yang diberikan tadi. Cuma saya hendak tanya, pinjaman itu akan ditanggung oleh pelajar tetapi pinjaman itu diberikan melalui penyelia ataupun kolej ini tadi. Cuma masalah di sini, apakah kementerian ataupun Majlis Latihan Vokasional ini mempunyai satu mekanisme sebelum hendak membenarkan kolej-kolej tersebut beroperasi, untuk memastikan bahawa dia menyediakan kemudahan-kemudahan yang mencukupi.

Umpamanya, kalau seseorang itu mengambil kursus dalam bidang yang berkaitan dengan IT ataupun dalam bidang komputer, kita hendaklah pastikan bahawa jumlah komputer itu cukup untuk dimanfaatkan. Kadang-kadang kita tengok ada setengah-tengah kolej, yang saya dimaklumkan bahawa komputer pun tidak cukup sedangkan kos itu ditanggung oleh pelajar. Kadang-kadang apa-apa buku yang diberikan tidak dalam bentuk yang *original* – diberikan dalam bentuk fotostat. Jadi, maknanya sudah tentu ini tidak adil. Kolej berhak untuk mengambil apa-apa keuntungan di atas perkara ini tetapi tidak sepatutnyalah diberikan kemudahan-kemudahan ataupun perkara-perkara yang perlu dalam bentuk yang sebegitu.

Yang keduanya ialah soal nilai guru ataupun jurulatih ataupun pensyarah yang mengajar di situ. Saya dapati juga daripada kawan-kawan yang turut terlibat dalam membuka MLVK, saya tanya kepada mereka, "Apakah kelayakan untuk orang hendak mengajar?" Dia kata, "Tidak ada satu benda yang *standard*". Dan Yang Berhormat sendiri pun pernah memberitahu saya bahawa yang pentingnya ialah kemahiran bukan kelulusan ijazah akademik. Kadang-kadang ada orang yang ada ijazah tetapi dia tidak boleh hendak mengajar benda-benda yang menyentuh soal kemahiran.

Tetapi yang menjadi masalah sekarang, kita hendak *confirmkan* seseorang jurulatih ataupun pengajar itu benda-benda yang dia layak, sedangkan hari ini saya lihat bahawa seolah-olah kolej ini dia berhak buat ikut suka dia - tidak ada satu yang *standard*, yang saya harap perlu ditentukan oleh MLVK. Kita bukan sahaja hendak berikan persijilan kepada pelatih tetapi kita mesti tentukan juga orang yang hendak melatih pelatih itu sendiri pun mestilah mempunyai kelayakan yang mencukupi, yang memenuhi standard MLVK itu sendiri.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sebelum mana-mana penyedia latihan diberi lesen oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan untuk menjalankan apa-apa juga *trade* dalam bidang kemahiran, mereka perlu memenuhi syarat-syarat yang agak ketat daripada satu jawatankuasa yang kita panggil Jawatankuasa Standard dan Persijilan. Jadi, baik premis, baik kemudahan, mahupun tenaga pengajar perlu memenuhi *standards* yang ditetapkan oleh jawatankuasa tersebut.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, roh dan semangat kenapa Majlis Latihan Vokasional ini diwujudkan adalah untuk memastikan bahawa ada bentuk kreativiti. Yang Berhormat bagi Pokok Sena kata tidak ada *standard* – yang sebenarnya ada *standard*. Sebab itu kita panggil *National Occupational Skill Standard*. Maknanya, kalau hendak buat meja, katakanlah dalam bidang perabot, hendak buat meja - meja mesti ada empat kaki, dia mesti ada *table top*. Tetapi macam mana hendak buat meja? Itu sebabnya dia mesti ada *learning guide*. *Learning guide* inilah yang menentukan sama ada hendak buat *table top* dulu ataupun nak buat kaki dulu. Akhirnya dia mesti jadi meja.

Jadi, standard ini MLVK sudah bangunkan lebih daripada 600 *standard* bentuk pekerjaan. Kalau tidak ada *standard* susahlah sebab MLVK ini kita *adopt and adapt* dengan izin, daripada NVQ UK (National Vocational Qualification UK) dan kita pastikan ia mengikut cita rasa orang-orang Malaysia dan juga memenuhi cita rasa *standard* antarabangsa. Kalau Yang Berhormat kata tidak ada *standard* itu tidak betul. Cuma yang mungkin menjadi perbezaan ialah *learning guide* dia, bagaimana hendak memastikan yang seseorang itu dia jadi mahir. Cara dia mungkin berbeza tetapi asas dia mesti sama.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Dekat hendak habis, dia sahaja yang banyak kacau. Sudah habis ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tidak apalah Yang Berhormat, kita *settle* di luarlah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia. Kita jumpa lagi dalam banyak masa, di masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dijemput.

5.56 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul Ucapan Terima Kasih Terhadap Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terutama kepada Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam, Kluang, Batu Pahat, Sibul, Bagan dan Seputeh kerana telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam menyentuh mengenai kenaikan harga runcit petroleum sebanyak 2 sen seliter yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini. Sukacita dimaklumkan bahawa kenaikan tersebut bukan bertujuan untuk menambah hasil kerajaan sebaliknya dengan kenaikan 2 sen tersebut kerajaan terpaksa menanggung sejumlah RM600 juta dalam bulan Mac 2003 bagi membolehkan harga runcit produk ...

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiubangun.

Tuan Wong Kam Hoong: Nanti saya habis.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Wong Kam Hoong: Ya. Petroleum dijual pada harga RM1.35 bagi RON97, RM1.31 bagi RON92, 76.1 sen bagi diesel dan RM1.33 sen bagi LPG berbanding dengan harga minimum yang dijual di Thailand, Filipina, Singapura, Hong Kong yang tidak kurang daripada RM1.43 bagi RON97, RM1.39 bagi RON92, RM1.08 bagi diesel dan RM1.35 bagi LPG.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dari tahun 2000 hingga Mac 2003 kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM21 bilion dalam usaha menstabilkan harga runcit produk petroleum di negara ini. Ini bermakna secara purata kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM538 juta sebulan ke atas produk petroleum yang dijual di stesen-stesen minyak.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan berhubung dengan jualan petroleum sebab saya mendapat kompelin daripada golongan nelayan dan petani berhubung dengan jualan diesel. Adakah ada arahan daripada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam satu dua hari ini bahawa diesel tidak dibenarkan dibeli dalam bentuk tong, di dalam bekas-bekas yang diletakkan di dalam kenderaan atau lori untuk digunakan oleh pihak nelayan atau petani yang mengakibatkan golongan nelayan dan petani tidak dapat menjalankan kerja-kerja mereka, kerana mereka tidak boleh untuk membawa balik petroleum atau diesel daripada stesen-stesen minyak yang hanya mereka boleh isi dalam kenderaan mereka semata-mata, tetapi tidak boleh untuk dibawa dalam bekas-bekas atau tong untuk dihantar kepada bot-bot nelayan dan petani. Saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan sentuh di dalam jawapan ini nanti. Ini menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin terhadap kepentingan rakyat dalam menghadapi kenaikan harga petroleum di pasaran dunia. Keprihatinan kerajaan untuk mengurangkan bebanan rakyat sepatutnya dialu-alukan kerana usaha kerajaan tersebut telah memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

Sebagai contoh, dari tahun 1991 sehingga 2003 kerajaan telah menaikkan harga runcit produk petroleum sebanyak 6 kali sahaja jika dibandingkan dengan kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia. Ini membuktikan bahawa kerajaan mengambil pendekatan yang *holistic* tentang isu harga runcit penjualan produk petroleum di negara ini. Kadar kenaikan harga minyak mentah dunia adalah tidak sama dan lebih tinggi berbanding dengan kadar kenaikan harga runcit produk petroleum di negara ini.

Apabila membincangkan isu harga runcit barangan petroleum di negara ini, kita tidak seharusnya bersandar kepada faktor harga minyak mentah di pasaran dunia sahaja. Ini kerana harga runcit produk petroleum yang dijual di negara ini adalah produk yang telah diproses. Tambahan pula produk petroleum yang telah diproses, yang dijual di negara ini bukanlah seratus peratus diproses di Malaysia. Loji penapisan minyak yang terdapat di Malaysia diusahakan oleh Petronas, Shell dan ExxonMobil hanya mampu mengeluarkan 451,000 tong sehari sementara jumlah keperluan dalam negara adalah sebanyak 600,000 tong sehari.

Selain daripada memberi pengecualian cukai dan subsidi kepada produk petroleum yang dijual di stesen-stesen minyak, kerajaan juga telah ...

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Wong Kam Hoong: Nanti, nanti. Kerajaan juga telah memberi subsidi ke atas diesel yang dijual kepada nelayan-nelayan dan syarikat-syarikat pengangkutan darat berkuat kuasa mulai bulan Januari 2002. Untuk makluman, dari bulan Januari 2002 hingga bulan Mac 2003 kerajaan telah memberikan subsidi diesel yang bernilai sebanyak RM60.7 juta kepada nelayan dan RM35.9 juta kepada syarikat-syarikat pengangkutan darat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin sedikit penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada sebut bahawa harga minyak runcit tidak bergantung dengan harga pasaran minyak mentah dunia, walaupun harga minyak mentah dunia jatuh tetapi kerajaan boleh menaikkan harga runcit petroleum. Ini satu perkara yang sangat mendukacitakan. Tadi Menteri Kewangan kata harga minyak jatuh tetapi harga petroleum runcit naik. Alasannya ialah kerana kerajaan menanggung subsidi, tetapi kenapa dahulu kerajaan boleh menanggung subsidi yang lebih besar jumlahnya, sekarang kerajaan cuba meringankan subsidi tersebut dan mengalihkannya kepada para pengguna. Kenaikan ini sebenarnya sangat membebankan walaupun dua sen sekali naik, tiga kali naik enam sen tetapi memang membebankan terutama dalam kelembapan ekonomi sekarang ini. Boleh atau tidak kerajaan kaji semula untuk turunkan semula harga ini.

Tadi, Yang Berhormat cakap sebabnya ialah kerana pusat pemprosesan minyak kita daripada minyak mentah jadi minyak runcit ini kapasitinya lebih rendah daripada keperluan negara. Ini sekali lagi menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional begitu lemah. Mengapakah tidak dirancang supaya pemprosesan kita bersesuaian dengan keperluan kita. Kenapa dibuat Putrajaya, dibuat projek itu sehingga wang Petronas habis, kita tidak cukup wang untuk bayar subsidi minyak petroleum, kita naikkan dan bebaskan pengguna, kapasiti Petronas tidak ditingkatkan, rumah di Putrajaya yang kosong dibina terus-menerus.

Satu bon baru akan dikeluarkan RM3 bilion lebih. Ini semua pada saya menunjukkan kelemahan dan kelalaian Kerajaan Barisan Nasional dan akhirnya para pengguna menjadi mangsa. Jadi, dalam hal harga petroleum ini saya harap kerajaan mengkaji semula, turunkan semula lebih sedikit subsidi, wang Petronas untung luar negara boleh digunakan untuk subsidi ini. Boleh Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya?

Beberapa Ahli: Tidak setuju.

Tuan Wong Kam Hoong: Saya tidak boleh setuju dengan Yang Berhormat sebab angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat itu tidak betul dan tidak tahu dari mana Yang Berhormat dapat angka-angka itu. Saya....

Seorang Ahli: Dari angkasa.

Tuan Wong Kam Hoong: Ya, dari angkasa, mungkin.

Tadi saya cakap iaitu dari tahun 2000 hingga Mac 2003, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM21 bilion sebagai subsidi dan untuk menstabilkan harga runcit petroleum. Kenaikan harga, kalau kita tengok *trend* harga *crude oil* iaitu minyak mentah, kalau dibandingkan dengan harga dari tahun 1995 iaitu pada ketika itu harga *crude oil* atau minyak mentah adalah USD17 se tong, manakala pada tahun 2001, harga minyak setong adalah USD24 dan tahun ini iaitu harga minyak mentah adalah USD32 setong.

Ini bermakna dari tahun 1995 sehingga sekarang, kenaikan harga setong adalah USD15 iaitu kalau dibandingkan dengan harga pada tahun 1995 iaitu 88%. Dalam masa yang sama, RON97 kerajaan menaikkan cuma 25 sen seliter iaitu 22.7%. RON92, 25 sen kenaikan daripada tahun 1995 sehingga sekarang iaitu sebanyak 23.58%. Diesel seliter 11 sen iaitu kenaikan 16.9%. LPG iaitu gas cecair 15 sen iaitu 12.71%. Kenaikan harga untuk petroleum runcit tidak setanding...

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Wong Kam Hoong: Nanti Yang Berhormat.

.... tidak setanding dengan harga kenaikan minyak mentah di pasaran dunia. Ini menunjukkan betapa keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional kepada peruncit-peruncit kecil dan juga kepada pengguna-pengguna. So, yang tadi tuduhan Yang Berhormat tidak ada asas.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Wong Kam Hoong: *I think* cukuplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, soalan akhir saya ialah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat belum beri laluan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya?

Seorang Ahli: Tidak bagi jalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih banyak. Soalan saya yang terakhir ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Wong Kam Hoong: Sudah jelas.

Tuan Husam bin Haji Musa: Apa cukup lagi? Belum cukup lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia kata cukup, dia tidak beri laluan.

Tuan Wong Kam Hoong: Saya tidak bagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia cukup, saya belum cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini kuasa dia.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak bagi, duduk Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: Sudah jelas.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Setiu punya, Setiu punya soalan.

Tuan Wong Kam Hoong: Nanti.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Soalan saya tadi tidak dijawab.

Tuan Wong Kam Hoong: Ya, jawapan saya, saya akan sentuh. Jangan risau. Berasaskan jumlah tanggungan dan bebanan pengecualian cukai serta subsidi yang dikeluarkan oleh kerajaan bagi memastikan harga runcit produk petroleum, dengan ini dijual dengan harga yang rendah, maka adalah mustahil bagi kerajaan untuk meneruskan langkah ini tanpa sumbangan dan kerjasama daripada pengguna-pengguna kenderaan di negara ini. Oleh itu, adalah diharapkan semua pihak perlulah memberikan pertimbangan yang saksama dalam membincangkan harga runcit produk petroleum di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Pahat pula mencadangkan supaya kelonggaran....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: ...diberi kepada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong:nelayan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: Saya akan sentuh di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau bangun.

Tuan Wong Kam Hoong: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

Tuan Wong Kam Hoong: Nanti, nanti. Bagi saya habis...

Seorang Ahli: Habiskan ayat.

Tuan Wong Kam Hoong:ayat ini.

.... dan petani membeli petrol diesel di stesen minyak. Dalam hal ini mereka boleh melakukannya dengan syarat jumlah yang dibeli tidak melebihi 20 liter pada satu-satu masa tetapi apa yang dikhuatiri oleh kementerian, ada pihak-pihak tertentu yang menggunakan kelonggaran ini dengan membeli petrol atau diesel di stesen minyak untuk dijual semula kepada pengilang-pengilang dan sektor industri lain yang sepatutnya tidak mendapat kemudahan pengecualian cukai atau subsidi daripada kerajaan.

Tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu iaitu petani-petani ini atau nelayan-nelayan tidak dapat bekalan lebih daripada 20 liter sekali sebab harga daripada pam dibandingkan dengan diesel komersial, diesel komersial adalah lebih tinggi daripada diesel daripada pam. Kita kluatir iaitu kalau kita longgarkan dengan sesiapa pun boleh beli lebih daripada 20 liter sekali, bermakna mereka boleh salah gunakan kelonggaran itu untuk menjualkan diesel ini kepada pihak komersial yang harga diesel lebih tinggi daripada itu.

Saya ada banyak rayuan daripada petani-petani, nelayan-nelayan dan sebagainya. Esok saya akan *[Disampuk]* bermesyuarat dengan mereka supaya diadakan satu sistem di mana mereka boleh dapat diesel dari stesen-stesen minyak dengan lebih mudah. Jangan kluatir. Yang Berhormat di sini dari Port Dickson pun *[Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Telok Kemang]* merayu kepada saya, dia dapat banyak rayuan.

Sungguhpun begitu, sekiranya petani yang tulen ingin mendapatkan bekalan dengan menggunakan bekas yang berasingan apabila membeli diesel di stesen-stesen minyak, mereka boleh mendapatkan kebenaran dari pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna setempat.

Mengenai golongan nelayan-nelayan kecil pula, mereka boleh mendapatkan bekalan daripada persatuan nelayan kawasan yang sememangnya telah diberikan subsidi oleh kerajaan...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: ...untuk tujuan diagih-agihkan kepada para nelayan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau, sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini cerita pasal beli minyak petrol di stesen minyak di kawasan saya. Saya baru dapat tahu nelayan dan penduduk luar bandar, dia hendak beli minyak, biasa dia dapat beli 3, 4 atau 5 gelen tetapi tadi stesen minyak kata, tidak boleh, hanya 1 gelen sahaja. Adakah betul ini? Dia kata arahan kementerian untuk petrol di seluruh kawasan Tiram. Jadi, kementerian ambil *note* sedikitlah, ini di Tiram.

Tuan Wong Kam Hoong: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sekejap, belum habis lagi. Bertenang Yang Berhormat. Kemudian, dia beli minyak ini untuk kegunaan bot, dia hendak pergi ke laut dan juga menggunakan untuk enjin lampu sebab ada juga di tempat saya itu yang belum dapat elektrik, jadi dia gunakan enjin menggunakan minyak. Jadi, orang itu hendak beli minyak diesel tidak boleh lebih satu gelen. Orang itu duduk di luar bandar, hendak pergi situ, lima kilometer atau sepuluh kilometer jauhnya. Jadi, adakah ini arahan kementerian? *[Disampuk]*.

Yalah, saya tidak tahulah betul atau tidak betul. Harap Yang Berhormat dapat berikan sedikit penjelasan. Dia baru telefon tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana dia boleh telefon Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak keluar. Macam mana baru telefon?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak, saya ada jalan sulit.

Seorang Ahli: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini melanggar Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Masa tidak berucap, saya matikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh baik, baik.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Okey, terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Yang Berhormat ini tidak berapa tepat sebab yang mereka boleh beli adalah 20 liter sekali. Mereka yang beli dengan bekas berasingan, kalau mereka bawa bekas itu, mereka boleh beli tidak lebih daripada 20 liter. Tetapi saya hairan dengan perangai orang. Dulu, bila harga diesel komersial yang lebih rendah daripada harga diesel dari pam, di mana-mana pun mereka boleh dapat bekalan sebab harga diesel komersial lebih rendah. Sekarang kalau dibandingkan dengan harga di pam, harga komersial lebih tinggi, sekarang mereka ada banyak sebab tidak boleh mendapatkan bekalan, dahulu boleh dapat.

Sebenarnya untuk nelayan ada Koperasi NEKMAT di Semenanjung, Koperasi Bot Nelayan PENESA di Sarawak dan sebagainya, untuk membekalkan diesel-diesel kepada mereka dengan harga yang berpatutan. Dahulu tidak ada masalah sebab harga di pam lebih rendah daripada harga komersial, jadi kementerian saya mesti mengawal dengan lebih ketat keadaan ini.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat minta maaf yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Yang Berhormat. Yang Berhormat ini bukannya bertengkar begitu Yang Berhormat..

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Berdiri dua orang Yang Berhormat, hendak beri siapa Yang Berhormat?

Tuan Wong Kam Hoong: Tebrau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tebrau, ha sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tak yang saya hendak bertanya tadi 20 liter. Ini sekarang dia hendak membeli tetapi stesen minyak itu tidak mengizinkan lebih daripada satu gelen, satu gelen berapa liter Yang Berhormat? Dia tidak benarkan semua stesen, ada empat, lima stesen di bandar Tiram itu. Jadi, yang menjadi masalah ini, betulkah seperti apa yang dikata, "Beli tidak boleh lebih. Ini kementerian arahkan" katanya. Jadi saya cuma hendak minta kalau perkara ini tidak betul, bermakna kena pergi *check* dengan stesen minyak itu Yang Berhormat, perkara ini serius. Penduduk kampung..

Tuan Wong Kam Hoong: Perkara itu mungkin tidak betul dari segi peraturan, iaitu 20 liter. Mungkin di stesen-stesen tertentu, tidak cukup diesel dan pengusaha stesen hendak simpan diesel itu untuk diagihkan-agihkan kepada pelanggan mereka yang lain. Kalau permintaan tinggi, mereka tidak dapat bekalan daripada syarikat minyak, maka mereka sendiri membuat pengagihan atas bekalan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupa.

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini juga Tuan Yang di-Pertua berbangkit daripada masalah harga diesel. Kalau kita lihat di negara kita ini ada dua cara penjualan diesel. Satu menerusi pam yang terbuka kepada awam, yang satu lagi dijual kepada pihak-pihak tertentu umpamanya kepada syarikat perkapalan menerusi agensi-agensi tertentu dan satu lagi kepada pihak pengangkutan menerusi pam-pam mereka sendiri. Sebenarnya semua syarikat ini mendapat subsidi daripada pihak kerajaan, beberapa sen subsidi daripada kerajaan supaya *offset* harga ini tetapi masalah yang didapati ialah bahawa kerajaan semasa mengenakan harga berlandaskan dua metode untuk *calculating* harga ini.

Jadi, yang satu berlandaskan harga nilai yang didapati daripada luar negara dan satu lagi berlandaskan nilai yang didapati dalam negara. Jadi, dalam keadaan sedemikian, apabila harga daripada luar negara terutama sekali dalam empat bulan yang berlaku ini berlakulah harga dijual kepada syarikat nelayan dan syarikat pengangkutan ini lebih mahal daripada harga yang dijual kepada awam yang mana mereka beli untuk motokar dan sebagainya di pam awam. Jadi, oleh kerana itu orang tidak tahan berniaga minyak ini dan dia tidak hendak keluar lagi kerana tidak ada keuntungan. Kerajaan kata, jangan jual mahal sangat. Jadi, dia tak hendak juallah. Jadi dengan sebab itulah mengapa minyak ini berkurang dijual kepada nelayan dan pihak pengangkutan.

Jadi, persoalan saya di sini kita mempunyai *method of calculation* ataupun mengenakan harga. Bila kita hendak menyelaraskan supaya satu sahaja metode tetapi dalam keadaan yang sedemikian kalau kita mengenakan satu sahaja metode apabila harga minyak di luar negara nanti turun, orang kita juga akan meminta juga harga minyak turun juga, jadi macam mana? Ha, ini kena beri penjelasan, kalau tidak faham betul dengan soal minyak ini. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Ya memang benar ada dua pendekatan untuk menentukan harga. Harga di pam mengikut harga kaedah MOP atau *Means Of Platts* dan sebab kerajaan akan memanfaatkan pengguna-pengguna yang memiliki kenderaan sendiri iaitu kerajaan bagi subsidi dan ada satu persetujuan di antara kerajaan dan syarikat minyak iaitu mereka ada satu *automatic prize mechanism* iaitu tidak boleh melebihi pada satu harga berlandaskan MOP itu dan untuk pengguna komersial, harga itu ditentukan *Singapore posting* kerana *Singapore posting* lebih sensitif dengan pasaran di dunia ini. Pada satu ketika *Singapore posting* harga lebih rendah dan pada satu ketika harga diesel komersial lebih rendah daripada harga di pam.

Sebab itu nelayan-nelayan, petani-petani dan sebagainya tidak meminta atau membeli diesel daripada stesen-stesen minyak.

Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam turut menyentuh mengenai pewujudan pasar raya besar di negara ini yang boleh mengancam peniaga-peniaga runcit. Adalah dimaklumkan bahawa kerajaan telah pun mengeluarkan satu garis panduan yang lebih ketat terhadap pembukaan *hypermarket* di negara ini. Di antara peraturan baru yang dimasukkan dalam garis panduan tersebut ialah:

- (i) modal berbayar minimum iaitu *paid-up capital* dengan izin, tidak kurang RM50 juta;
- (ii) *hypermarket* tidak dibenarkan beroperasi dalam radius 3.5 kilometer dari kawasan-kawasan perumahan dan pusat-pusat bandar. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan boleh menentukan jarak yang sesuai bagi kawasan pentadbiran masing-masing;
- (iii) hanya sebuah *hypermarket* dibenarkan beroperasi bagi setiap 350,000 penduduk;
- (iv) sebelum pembukaan *hypermarket* dipertimbangkan, kajian impak mengenai perniagaan runcit setempat sedia ada hendaklah dibuat; dan

- (v) permohonan untuk membuka *hypermarket* dan cawangan-cawangan perlu dirujuk kepada jawatankuasa perdagangan pengedaran yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan dianggotai oleh beberapa agensi kerajaan.

Dalam melaksanakan peraturan baru yang disebut di atas, kerjasama dari kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan adalah amat penting kerana mengikut undang-undang yang sedia ada akhirnya keputusan sama ada membolehkan sesuatu *hypermarket* ditubuhkan adalah terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan kerana hanya kerajaan tempatan yang boleh mengeluarkan lesen premis perniagaan *hypermarket* yang boleh beroperasi di kawasan masing-masing.

Mengikut kajian mengenai impak *hypermarket*.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Boleh Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: Ya, saya..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak habiskan dahulu.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Saya pasal *hypermarket*..

Tuan Wong Kam Hoong: .. ke atas peruncit-peruncit tradisional yang dibuat oleh KPND dan HEP, didapati pewujudan *hypermarket* di Malaysia bukan faktor tunggal yang menyebabkan peruncit-peruncit kecil memberhentikan perniagaan atau mengalami kemerosotan perniagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dapat bercakap ini hilang ngantuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Aha ya lah. Ini pasal *hypermarket*, Kuasa pada Menteri dan kementerian sendirilah tetapi yang jadi masalah ini di kawasan saya, di kawasan Tebraulah yang paling banyak, *Carrefour* ada, *Giant*, *Makro*, *G-Mart*, entah apa nama lagi, yang paling besar pun ada. Yang menjadi masalah ialah kuasa sebenarnya. Okay, katalah kementerian berkata penghujungnya, akhirnya kuasa di bawah Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Kalau saya tahu saya bangkang tetapi telah diluluskan oleh Majlis. Majlis telah meluluskan semua sekali dengan pelannya, dengan *layoutnya* Majlis Berkuasa Tempatan telah meluluskan tetapi ada tidak kuasa pada Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini menahan pula. Ini saya tidak tahu. Siapa yang lebih besar antara dua pihak. Ini bermakna kalau kementerian mengarahkan, tidak boleh dibenarkan, habis cerita.

Mana pembinaan untuk mengadakan premis? Bolehkah tidak komen? Kalau tidak nanti, kalau kementerian kata tidak boleh, pihak berkuasa entah apa-apa boleh, dia pun bina. Sudah bina, jadi kita kompelin, tidak boleh buat apa. Jadi, saya tidak tahu dari segi dua jabatan yang berkenaan arahan daripada kementerian, lesen dan juga bangunan yang dipersetujui oleh pihak berkuasa majlis yang berkenaan. Jadi, macam mana ini Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Wong Kam Hoong: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau. Yang Berhormat, kita bangkit masalah ini banyak kali di Dewan yang mulia ini dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin kepada peruncit-peruncit kecil itu. Berkenaan ini, kementerian kita ada berhubung dengan pihak berkuasa tempatan iaitu sebelum mereka meluluskan pembinaan *hypermarket*, mereka mesti merujuk kepada kita. Tetapi, daripada segi pembinaan pihak berkuasa tempatan adalah agensi kerajaan

yang pertama, di mana pelabur-pelabur yang ingin menubuhkan satu *hypermarket* hendaklah mengemukakan pelan mereka terdahulu sebelum mereka mengemukakan keinginan untuk pembukaan itu kepada kita. Tetapi, kita ada satu *understanding* dengan mereka, yang ingin menubuhkan *hypermarket* mesti mematuhi garis panduan yang ditentukan oleh kementerian kita. Hal-hal ini dapat dikawal.

Sebaliknya, banyak faktor lain seperti suasana ekonomi dalam negeri, perkhidmatan yang tidak memuaskan dan lokasi yang tidak sesuai mempengaruhi perniagaan kedai-kedai runcit tradisional. Justeru itu, penekanan yang perlu diberikan ialah dalam usaha-usaha bagi meningkatkan daya saing atau daya maju peruncit-peruncit tempatan bagi membolehkan mereka bersaing mengikut kemampuan masing-masing dalam industri peruncitan. Sebagai contoh, peruncit-peruncit tempatan perlu digalakkan supaya bergabung tenaga untuk mendapatkan sumber bekalan yang lebih besar daripada pembekal-pembekal tertentu dan dengan ini, mereka dapat menurunkan kos seunit barangan yang dijual.

Adalah diperhatikan pada ketika ini, kebanyakan peruncit tempatan di Malaysia menjalankan perniagaan yang tidak *synergetic*. Mereka menjalankan perniagaan mengikut arah masing-masing tanpa ada usaha untuk bekerjasama dalam menghadapi cabaran dan persaingan daripada peniaga-peniaga dari luar negara. Kerajaan telah pun mewujudkan pelbagai peluang dengan menyediakan pelbagai dana dan tabung untuk membantu usahawan kecil dan sederhana tetapi kemudahan-kemudahan ini masih belum digunakan sepenuhnya oleh peniaga-peniaga kecil di negara ini. Kementerian ini tidak mempunyai statistik mengenai jumlah peruncit bumiputera yang gulung tikar akibat kemunculan *hypermarket*.

Berhubung dengan sikap pengusaha *hypermarket* menjual produk dengan harga yang lebih murah daripada harga yang ditawarkan oleh peruncit-peruncit tradisional.....

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong:ini membuktikan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada yang berdiri, Kubang Kerian, hendak beri jalan?

Tuan Wong Kam Hoong: Nanti ya. Bahawa kewujudan *hypermarket* di negara ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Wong Kam Hoong:telah memberi manfaat kepada pengguna.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tentang bilangan peruncit bumiputera yang gulung tikar, kementerian tidak ada angka-angkakah? Adakah kerajaan akan mencari jalan untuk mendapatkan angka-angka tersebut?

Tuan Wong Kam Hoong: Sila ulang, sila ulang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Berkenaan dengan bilangan peruncit-peruncit bumiputera yang telah gulung tikar, Yang Berhormat kata tadi kerajaan tidak mempunyai angka-angkanya. Adakah kerajaan sedang mengambil usaha untuk mendapatkan angka-angka tersebut?

Tuan Wong Kam Hoong: Peruncit yang gulung tikar, angka-angka ini bukan di dalam tangan kementerian saya. Walau bagaimanapun, daripada pendaftaran di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk jenis perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel, peruncit-peruncit kecil yang jatuh di bawah *heading* ini, ada angka di sini tidak menunjukkan bahawa ada gulung tikar yang banyak. Untuk tahun 2000, ada seramai

19,444 peniaga kecil. Untuk tahun 2001 - 20,225. Untuk tahun 2002 - 20,208 peniaga kecil.

Pada masa yang sama, *hypermarket* menawarkan kualiti dan suasana membeli-belah lebih menarik jika dibandingkan dengan harga dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh peruncit-peruncit tradisional. Di samping itu, *hypermarket* juga berupaya mewujudkan peluang pekerjaan dan menggalakkan ekonomi dalam negeri. Dalam konteks ini, kementerian berpendapat adalah tidak wajar bagi kerajaan menyekat mana-mana pihak yang ingin menjual barangan mereka dengan harga yang lebih rendah. Namun begitu, kementerian akan terus memantau penjualan barangan pada harga yang murah dan disebabkan oleh aktiviti lambakan dan cara-cara perniagaan yang tidak beretika.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kluang pula mempersoalkan langkah kerajaan menarik balik pembekuan lesen jualan langsung yang telah menyebabkan syarikat jualan langsung tumbuh seperti cendawan. Selain itu, Yang Berhormat mencadangkan supaya syarikat yang menjual produk tempatan diberi keutamaan pengeluaran lesen dan seterusnya menggalakkan syarikat ini berkembang ke luar negara. Beliau juga meminta kerajaan terus memantau aktiviti jualan langsung di Malaysia supaya tidak menimbulkan masalah kepada rakyat Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 18 Mac 2003, hanya terdapat 431 buah syarikat jualan langsung yang dilesenkan oleh kementerian saya jika dibandingkan sebanyak 385 lesen dalam tahun 2001 dan 712 lesen dalam tahun 2000. Industri ini telah mengalami penurunan jualan daripada RM4.5 bilion dalam tahun 2000 kepada RM3 bilion dalam tahun 2001. Sebahagian besarnya disebabkan oleh jumlah syarikat jualan langsung yang dilesenkan oleh kementerian ini dalam tahun 2001 telah berkurangan.

Pada masa yang sama, kemerosotan jumlah jualan dalam industri jualan langsung pada tahun 2001 juga berpunca daripada kempen membanteras 'Skim Cepat Kaya' yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi menyedarkan orang ramai supaya menjauhkan diri daripada perniagaan jualan langsung yang tidak sihat.

Selepas pembekuan pengeluaran lesen baru yang berkuat kuasa dari 1 Jun 2000 sehingga 20 Disember 2001 ditarik balik, jumlah lesen baru yang dikeluarkan dalam tempoh 21 Disember 2001 sehingga 18 Mac 2003 adalah sebanyak 31. Mengenai penyertaan asing dalam industri jualan langsung, sehingga 18 Mac tahun ini, jumlah lesen yang dikeluarkan kepada syarikat yang mempunyai kepentingan asing adalah sebanyak 67 buah syarikat.

Tuan Ronald Kiandee: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong:iaitu bersamaan dengan 16% daripada keseluruhan lesen yang dikeluarkan oleh kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, selain daripada faktor penurunan dalam perniagaan, dalam syarikat-syarikat jualan langsung, adakah faktor kedapatan bahawa mereka ini menjual jualan langsung secara piramid merupakan salah satu daripada faktor menyebabkan kurangnya syarikat-syarikat yang berdaftar dalam jualan langsung jika dibandingkan daripada tahun-tahun yang lalu selain daripada faktor penurunan dalam *business*. Adakah disebabkan oleh terdapatnya di kalangan mereka ini yang menjual jualan secara langsung dengan adanya unsur-unsur piramid di dalam perniagaan.

Tuan Wong Kam Hoong: Penurunan syarikat jualan langsung disebabkan kementerian saya meningkatkan peraturan-peraturan untuk menubuhkan sebuah syarikat

jualan langsung iaitu selepas pembekuan, kita ada satu kajian iaitu sebelum ini, untuk mendaftarkan satu syarikat jualan langsung, mudah sahaja. Sesiapa hendak memohon, selalu dapat diluluskan.

Selepas kajian itu sebelum kita membuka untuk pendaftaran baru, peraturan yang diadakan adalah untuk jualan pesanan pos, kita meningkatkan modal berbayar kepada RM500 ribu. Pemasaran satu tingkat RM500 ribu, untuk pemasaran berbilang tingkat RM2.5 juta, dan untuk syarikat yang mempunyai pemilikan asing kita meningkatkan modal berbayar kepada RM5 juta. Ini bermakna mereka yang benar-benar hendak ikuti industri jualan langsung, mereka dapat mematuhi peraturan-peraturan yang lebih ketat dan lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, nilai jualan tahunan syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan asing adalah lebih besar berbanding dengan nilai jualan tahunan syarikat-syarikat tempatan. Ini kerana syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan asing telah lama *established* dalam aktiviti jualan langsung dan mereka mempunyai rangkaian perniagaan yang luas di negara-negara lain.

Dalam pengeluaran lesen jualan langsung kepada syarikat yang mempunyai kepentingan asing, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berpandu kepada garis panduan penyertaan asing dalam sektor borong dan runcit di Malaysia, iaitu yang membolehkan syarikat-syarikat jualan langsung yang berkepentingan asing beroperasi di negara ini dengan syarat mereka mempunyai struktur ekuiti 30% asing dan 70% rakyat tempatan.

Adalah menjadi harapan kementerian untuk melihat syarikat-syarikat jualan langsung tempatan memainkan peranan yang lebih aktif dan utama dalam membangunkan industri jualan langsung di negara ini. Beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh kementerian untuk memudahkan syarikat-syarikat jualan langsung tempatan mengembangkan perniagaan mereka sama ada di dalam atau di luar negara. Sehingga kini sebanyak 50 buah syarikat jualan langsung tempatan telah memasuki pasaran antarabangsa, iaitu Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei, India dan Timur Tengah. Syarikat-syarikat jualan langsung ini telah membantu mengeksport produk tempatan ke luar negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam mengawal selia industri jualan langsung di negara ini, kementerian ini tidak mengamalkan sikap pilih kasih. Dalam hal ini, mana-mana syarikat yang terlibat dalam aktiviti yang bercanggah dengan peruntukan di bawah Akta Jualan Langsung 1993 akan dikenakan tindakan sewajarnya. Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia ini yang mempunyai Akta Jualan Langsung yang telah dikuatkuasakan mulai 1993. Oleh kerana akta ini telah membantu mengawal selia dan membangunkan industri jualan langsung di negara ini, pada ketika ini Malaysia telah mencapai kedudukan di tahap yang ke-12 tertinggi di dalam industri jualan langsung di dunia. Susulan daripada perkembangan ini, beberapa negara di rantau Asia telah berminat untuk bekerjasama dengan Malaysia bagi membangunkan industri jualan langsung masing-masing dengan cara yang lebih sistematik.

Adalah tidak dinafikan bahawa terdapat syarikat-syarikat jualan langsung yang dilesenkan menjalankan perniagaan yang bertentangan dengan peruntukan Akta Jualan Langsung 1993. Walau bagaimanapun, golongan ini adalah kecil. Apa yang menjadi perhatian kementerian pada ketika ini ialah syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti jualan langsung yang tidak mendapat lesen daripada kementerian. Dalam kesempatan ini adalah diharapkan pengguna-pengguna dapat memberi kerjasama dalam melaporkan syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan jualan langsung tanpa mempunyai lesen. Pengguna-pengguna boleh melihat maklumat di laman web kementerian bagi mengesahkan sama ada syarikat-syarikat tertentu mempunyai lesen jualan langsung atau tidak.

Pada masa yang sama dalam usaha untuk membanteras kegiatan skim cepat kaya atau aktiviti perniagaan berbentuk piramid, kementerian ini sedang menyediakan Rang Undang-undang Anti Piramid untuk dibentangkan di Dewan Rakyat dalam tempoh masa yang terdekat. Dengan adanya undang-undang tersebut adalah diharapkan ianya dapat

memantapkan lagi usaha kerajaan untuk memantau dan membangunkan aktiviti jualan langsung di negara ini supaya ianya lebih berdaya maju dan dalam masa yang sama menjalankan perniagaan dengan lebih teratur.

Ahli Yang Berhormat bagi SibU dan Bagan telah menyentuh mengenai isu kenaikan harga bahan binaan besi keluli. Sukacita dimaklumkan bahawa harga barangan tersebut masih dikawal oleh kerajaan dan sekiranya mana-mana pengeluar produk tersebut telah melanggar peraturan yang sedia ada dengan menyorok produk tersebut, mereka boleh diambil tindakan menurut Akta Kawalan Bekalan 1961. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun menerima memorandum daripada pengeluar besi keluli supaya harga bahan ini dinaikkan. Ini kerana harga *scrapped metal*, dengan izin, yang menjadi salah satu bahan mentah untuk membuat besi keluli di pasaran dunia telah naik daripada RM481 setan metrik kepada RM665 setan metrik dan pihak kerajaan sedang mengkaji permohonan ini. Justeru itu, pihak kementerian akan meneliti permohonan tersebut agar ianya akan dibuat dengan saksama.

Pihak kementerian telah menanggukkan cadangan untuk mengeluarkan produk besi keluli daripada senarai harga barangan kawalan. Perkara ini akan dikaji semula pada tahun hadapan. Mengenai kekurangan bekalan besi keluli dalam pasaran, ia sepatutnya tidak berlaku kerana pengeluaran dalam negara setahun pada ketika ini adalah sebanyak 4 juta tan metrik, sementara permintaan dalam negara adalah sebanyak 2 juta tan metrik. Justeru itu, sekiranya mana-mana pihak yang mengetahui pengeluar menyorok produk tersebut, mereka bolehlah melaporkan kepada pejabat-pejabat cawangan kementerian ini supaya tindakan boleh diambil kerana tindakan menyorok ini adalah salah daripada segi undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, yang mana penalti yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Mengenai kebanjiran produk dari negara China dalam pasaran domestik negara, perkara ini tidak dapat dielakkan kerana negara ini menggunakan sistem pasaran terbuka. Walau bagaimanapun, kerajaan akan memberi perhatian terhadap kualiti produk-produk yang diimport yang mana standardnya boleh dipertikaikan. Dalam konteks ini, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengenakan syarat supaya semua produk yang diimport dan dijual dalam pasaran tempatan perlu mempunyai *standard*, khususnya *standard* yang mempunyai kaitan dengan aspek-aspek kesihatan, alam sekitar dan keselamatan.

Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh mempersoalkan rasional kerajaan memaksa pengarah syarikat sendiri berhad untuk menghadiri mandatory and accreditation programme (MAP) di mana bayaran yang tinggi dikenakan. Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mewajibkan semua pengarah syarikat yang tidak tersenarai menyertai program latihan pengarah bagi memberi pendedahan dan pengetahuan asas berhubung dengan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai seorang pengarah syarikat.

Kementerian ini khususnya Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati tahap pematuhan di kalangan pegawai syarikat masih perlu dipertingkatkan ekoran daripada jumlah notis kompaun yang dikeluarkan oleh SSM atas pelbagai kesalahan oleh syarikat masih besar. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan ini adalah berpunca daripada kurangnya kefahaman atau kesedaran tentang tanggungjawab di kalangan pegawai syarikat khususnya pengarah syarikat.

Memandangkan bilangan pengarah yang terdapat pada masa ini adalah besar, kementerian itu melalui SSM mendapat bantuan daripada syarikat/institusi yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk melaksanakan program latihan ini. Institusi yang dipilih adalah di kalangan syarikat atau institusi latihan yang berkelayakan dan mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada SSM untuk mengendalikan program latihan ini. Kementerian menetapkan kriteria tertentu termasuk daripada segi yuran yang ditetapkan, iaitu tidak lebih daripada RM360 bagi setiap peserta dan tempoh latihan adalah selama satu setengah hari. Kementerian mendapati yuran yang dikenakan adalah sesuai dengan latihan yang diberikan. Ia meliputi bayaran terhadap kos seperti sewa bilik kursus, kelengkapan, nota-nota dan kemudahan lain seperti makan dan minum bagi tempoh kursus ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gelang Patah berdiri, Yang Berhormat, beri jalan?

Tuan Wong Kam Hoong: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menghuraikan kerana ada banyak rungutan tentang latihan pengarah, satu perkara iaitu kos latihan tinggi, ini diswastakan.

Yang kedua, bolehkah kementerian timbang supaya memberikan pengecualian terutama mereka yang profesional dan mereka yang telah lama jadi pengarah, misalnya sudah lebih lima tahun dan tidak pernah ada masalah boleh dikecualikan, supaya dapat mengurangkan rungutan-rungutan daripada para pengarah syarikat. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Tadi, saya telah katakan berkenaan kos. Kos ini adalah berpatutan, sebab kos ini satu hari setengah dan ini termasuk makan dan minum dan sebagainya. Jadi, saya tidak akan sentuh lagi, sebab kos kalau dibandingkan dengan kos profesional yang dijalankan oleh institusi lain saya dapati lebih tinggi daripada itu.

Berkenaan dengan pengecualian mereka yang berpengalaman di dalam pengendalian syarikat, ini satu cadangan yang baik daripada Yang Berhormat. Saya akan berbincang dengan pegawai saya dan adalah asas untuk mengecualikan mereka yang berkemampuan seperti akauntan, *lawyer* dan mereka yang hendak memegang dan jadi sebagai pengarah lebih daripada misal kata, beberapa tahun iaitu 20 tahun dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat ya. Hendak beri jalan kepada siapa?

Tuan Wong Kam Hoong: Siapa yang bangun dahulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya mana tahu Yang Berhormat hendak beri siapa, sebut sahajalah. *[Ketawa]*

Tuan Wong Kam Hoong: Okey. Batang Lupar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batang Lupar. Ya, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *Sorry eh, sister. Sorrylah itu.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Dato'. Kadang-kadang sudah pukul 7.00 malam ini kena ada sedikitlah semangat itu, kalau tak tidur nanti.

Jadi, persoalan saya, satu, soalan yang dibangkitkan soal kos dan sebagainya, orang yang berpengalaman itu saya memang bersetuju jugalah tetapi kos itu kena lihat semula, tidak payah beri makan tengah harilah. Berilah *refreshment* sahaja. Makan tengah hari tidak payah kerana keuntungan itu 50% pergi hotel. Jadi, kena pertimbangkan perkara ini. Orang yang boleh duduk, balik-balik kepada rumah dia sendiri boleh makan pulang di rumah ataupun makan roti canai, ataupun makan nasi lemak tepi jalan – murah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya persoalkan satu perkara, ini pernah saya bawakan apabila mula kursus ini dilaksanakan, berlaku di Sarawak, pengarah daripada Anti Corruption Agency dijemput, pegawai polis yang dibawa seorang DSP - Deputy Superintendent of Police yang dibawa, kedua-dua pegawai ini *instead of* beritahu kepada *directors* yang duduk hampir 300 orang di hadapannya, ini berlaku di Riverside Majestic di Kuching semasa kursus diadakan di Kuching, melatih ataupun memberi bimbingan kepada pengarah-pengarah ini tetapi memberitahu bahawa korupsi dalam kerajaan bermacam-macam, pegawai kerajaan yang dituduh. Jadi mereka menggunakan ini sebagai *platform* untuk menuduh pegawai kerajaan, di depan pengarah-pengarah yang ramai ini. Jadi dia

orang pun bertanya, apa benda ini, kita tidak belajar apa-apa tetapi dengar cerita retorik politik pihak-pihak pegawai yang mungkin ada sebab-sebab kemarahan yang lain.

Saya pernah bawa kepada kementerian hal ini. Jadi, saya mahu *contents of courses* ini mesti kita kena monitor supaya jangan digunakan *platform* ini untuk perkara yang tidak betul dan tidak mendatangkan kesan ataupun kebaikan kepada pengarah tersebut.

Jadi, ini macam mana tindakan kementerian supaya perkara yang berlaku di Kuching pada kursus yang pertama dilakukan di Sarawak tidak berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Wong Kam Hoong: Ya, terima kasih Yang Berhormat, kalau ada bukti, sila kemukakan kepada saya, sebab ini satu yang amat serius, kalau mereka salah gunakan *platform* ini untuk memaki hamun kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Bagi kebanyakan orang, mereka rasa kursus seperti ini tidak perlu bagi mereka. Dan satu ialah bahasa pengantar. Ramai pengurus syarikat yang biasa, Cina ataupun kaum lain, mereka mungkin tidak begitu faham atau fasih dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia.

Jadi, mereka langsung tidak faham apa yang berlangsung dalam kursus seperti itu dan selalunya bagi perniagaan jenis keluarga, macam adik saya tubuh sebuah syarikat, dia masuk emak, ibu, nenek, datuk semua dalam syarikat itu dan jadi pengarah dan nenek, datuk ini tidak kena-mengena dipaksa untuk menghadiri kursus seperti ini dan langsung tidak mengena dengan kehidupan harian mereka. Mereka ini adalah *sleeping partner*. Bagi mereka ini adalah satu yang membazirkan wang, membazirkan masa sahaja dan apakah gunanya dan adakah mesej seperti ini diperlukan oleh pengarah ataupun tidak.

Saya rasa kerajaan haruslah jadikan kursus seperti ini sebagai *optional*. Bagi mereka yang rasa perlu, mungkin seperti saya, kalau saya tubuh syarikat, saya mungkin suka menghadiri kursus seperti ini tetapi bagi mereka yang sudah berpengalaman, mereka yang rasa tidak perlu langsung untuk menghadiri kursus ini, mereka haruslah dikecualikan dan juga daripada segi kos, saya rasa kerajaan haruslah menimbangkan dari sudut kos kerana ada banyak *sleeping partner*, mereka memang tidak rela untuk membayar kos yang begitu tinggi untuk menghadiri kursus seperti ini.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Memang sebagai seorang pengarah syarikat, mereka ada tanggungjawab bukan sahaja kepada mereka sendiri, juga kepada pihak-pihak ketiga iaitu bank-bank, pemegang saham dan sebagainya.

Kalau sesiapa yang hendak jadi pengarah, tidak kira siapalah, cicitlah, anaklah, cucukah, nenek dan datuk, mereka mesti memahami tanggungjawab mereka dan untuk Yang Berhormat, kursus ini dijalankan dalam bahasa pengantar di dalam bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan juga saya pun jaga kawan-kawan, sahabat saya daripada MIC dalam bahasa Tamil pun ada.

Ya, untuk makluman Dewan yang mulia ini, mereka yang menyertai kursus dalam bahasa Malaysia adalah 7,618 orang, bahasa Inggeris – 27,063 orang, bahasa Mandarin – 27,688 orang. Ini bermakna dalam bahasa Mandarin paling banyak yang menyertai. Jadi Yang Berhormat saya tidak tahulah dengar daripada siapa. Lain kali minta daripada sayalah, jangan minta daripada orang-orang di mana-mana pun. Orang Tamil – 13 orang sahajalah. Mungkin angka ini sebagai satu kebetulan.

Pada tahun 2000 kementerian saya menghantar 63,000 notis kompaun bernilai

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Banyak lagi Yang Berhormat?

Tuan Wong Kam Hoong: Sedikit sahaja, sebab ini penting, mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah, cepat sedikit.

Tuan Wong Kam Hoong: RM11.1 juta di kompaun dan bila kursus ini dijalankan pada tahun 2002, kita hantar cuma 43,000 notis kompaun bernilai RM8.19 juta. Ini bermakna banyakkah mereka jimat wang daripada segi yang tidak di kompaun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat, hendak beri siapa?

Tuan Wong Kam Hoong: Ya, saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut sama dengan Beluran.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit sahaja yang tadi itu.

Tuan Wong Kam Hoong: Saya hendak habiskan dahulu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit sahaja, yang tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau hendak beri, beri.

Tuan Wong Kam Hoong: Satu sahajalah ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar: Ya, sedikit, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut, Larut ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit sahaja tadi.

Tuan Wong Kam Hoong: Hah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau hendak bagi, bagi sahaja Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: Satu sahajalah, ya?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli Yang Berhormat bagi Larut.

Tuan Wong Kam Hoong: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut, Larut, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Pendek.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Larut Malam. Larut Malam.

Beberapa Ahli: Larut Malam! *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terlupa sudah apa hendak tanya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Menteri, ya. Teruskan jawapan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Selepas kursus ini dibuat, kursus mandatori ke atas semua yang menjadi lembaga pengarah tidak kiralah walau

bahasa apapun, bahasa Inggeris, asalkan faham. Saya hendak tanya, sejauh mana kesan keberkesanannya selepas kursus ini diadakan, adakah lembaga pengarah yang menghadiri kursus ini hanya sebagai suatu syarat ataupun masih ada mereka yang melanggar etika sebagai seorang pengarah syarikat sama ada syarikat sendiri ataupun syarikat secara perkongsian.

Soalan saya, adakah semuanya yang menjadi pengarah syarikat telah mengikuti kursus ini.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Jawab sedikit.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kalau belum, sama ada hendak disambung ataupun pihak kementerian ada pendekatan secara yang lain sebab kos menghadiri kursus ini agak tinggi, mudah untuk mendapat keuntungan bagi mana-mana pihak yang menjadi penganjurnya ataupun penajanya. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: Yang Berhormat, kita pun faham, tidak ada satu pendekatan di mana pengarah-pengarah syarikat menghadiri kursus ini, mereka tidak dapat melanggar apa-apa kesalahan. Harapan kita itu, kita meningkat tadbir urus korporat pengarah itu. Dan dengan ini tadi saya tunjukkan anggaran atau bilangan notis kompaun yang dikenakan pada tahun 2002 kurang daripada tahun 2001. Saya teruskan sebab ada sedikit sahaja. Hendak habiskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, satu lagi soalan.

Tuan Wong Kam Hoong: Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, dia hendak satu lagi Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Nanti, nanti, nanti, ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk.

Tuan Wong Kam Hoong: Hah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: Cukup. Cukup.

Puan Chong Eng: *[Bercakap dalam Bahasa Cina]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Hendak bagi Yang Berhormat atau tidak bagi ini.

Tuan Wong Kam Hoong: Tidak.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagilah, bagilah.

Tuan Wong Kam Hoong: Tidak ada masalah. Baiklah *[Disorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, kalah dengan perempuan. Yang Berhormat, teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, Ahli Yang Berhormat bagi Beluran duduk.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Bagilah. Bagilah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah. Duduklah.

Tuan Ronald Kiandee: Mahu tanya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, kalau hendak, merayu jugalah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Selepas saya merayu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada tokoh-tokoh korporat perlu menghadiri kursus seperti ini seperti Vincent Tan, Ananda Krishnan, Lim Goh Thong, Eric Chia dan Yang Berhormat Daim Zainuddin. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan bertambah riuh]*

Tuan Wong Kam Hoong: Yang Berhormat bagi Seputeh, macam itulah saya bagi, dia senyum sahaja. Saya bagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Wong Kam Hoong: Saya bagi, dia niat jahat. Saya sudah kata tadi, kalau cadangan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah kalau ada suatu cadangan iaitu mengecualikan mereka yang berpengalaman. Tidak dengarkah Yang Berhormat. *So, sorry* ya. Minta maaf dari Ahli Yang Berhormat Beluran sebab dia sebenarnya bangkit perkara ini.

Ya, bagi memudahkan ia diikuti dan difahami, latihan ini dikendalikan dalam bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin dan Tamil. Peserta boleh memilih bahasa penghantar mengikut hari yang sesuai bagi mereka. Pengarah-pengarah yang berjaya mengikuti program latihan ini sepenuhnya akan diberikan sijil. Pada masa ini 32 syarikat telah

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Habis. Habis.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi.

Tuan Wong Kam Hoong: Satu minit sahaja. Bagi menjalankan program latihan ini. SSM merancang untuk menubuhkan institusi latihannya sendiri pada masa hadapan.

Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan memberi pandangan serta cadangan ke atas perkara-perkara yang di bawah Kementerian ini. Bagi perkara-perkara yang secara tidak sengaja tidak mendapat jawapan sewajarnya di Dewan yang mulia ini dengan sukacitanya saya memaklumkan bahawa perkara-perkara berkenaan akan diambil perhatian oleh Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Kementerian Kesihatan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu hak sayalah Yang Berhormat. Saya tahulah.

6.59 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed: Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan teguran

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat masa sudah cukup. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kita sambung esok Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam